

cabaran • norma • era

BAHARU

© Universiti Sains Malaysia, 2021

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Laporan Tahunan USM 2020

ISSN 1675-1221
e-ISSN 2716-6929

Muka taip teks: Montserrat

Penerbitan ini dicetak menggunakan kertas kitar semula

Imbas kod untuk akses
versi digital

Dicetak oleh Redhouse Business Solution, Bangunan A04, Rumah Merah PKAP
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.




USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PURPLE
WE LEAD
KAMI MEMIMPIN
NOTICE
Please
Do not
litter





Kandungan

Korporat 1


Visi, Misi dan Teras APEX 2
Garis Masa 4
Penaung Diraja Universiti 9
Canselor 11
Pro-Canselor 12
Lembaga Gabenor Universiti 13
Jawatankuasa Audit 14
Pengurusan Tertinggi 15
Carta Organisasi Pengurusan 16
Ketua Pusat Tanggungjawab 18

Prestasi dan Pencapaian 23

USM dalam Statistik 24
Laporan Pengerusi LGU 26
Nerve Centre 34
Pejabat Naib Canselor 41
Bahagian Akademik dan Antarabangsa 46
Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni 86
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi 110
Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi 127
Jabatan Pendaftar 150
Pusat Perancangan Institusi dan Strategik 169

Kewangan 177

Prestasi dan Laporan Kewangan 178
Laporan Ketua Audit Negara 188





Korporat

1

Visi


Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok

Misi

USM ialah universiti perintis, berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan golongan terkebawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka

9 Teras APEX

1. Keilmuan
2. Masa Hadapan
3. Kelainan (Keunikan)
4. Kelestarian
5. Kesejagatan
6. Kemanusiaan
7. Pengorbanan
8. Perubahan
9. Kesejahteraan







Garis Masa

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1960

11 April 1962

Majlis Mesyurat Negeri Pulau Pinang membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Kolej Universiti di Pulau Pinang

26 September 1962

Kabinet meluluskan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi yang bertanggungjawab mengkaji dan mempertimbangkan cadangan penubuhan institusi




1970

Februari 1971

Minden diserahkan kepada Universiti Pulau Pinang





4 Oktober 1971

Universiti Pulau Pinang ditubuhkan sepenuhnya

23 April 1972

Universiti Pulau Pinang ditukarkan nama kepada Universiti Sains Malaysia (USM)




1990

15 September 1990

DYMM Paduka Seri Sultan Perak merasmikan kampus sementara USM yang pada ketika itu mempunyai sejumlah 640 orang pelajar dan 140 orang staf. Kerajaan Perak menghadiahkan kawasan seluas 198 hektar di Seri Iskandar, Tronoh, daerah Perak Tengah







Februari 1967

Menteri Pelajaran mengumumkan dalam Parlimen bahawa kerajaan pusat telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Pulau Pinang




7 Ogos 1967

Upacara perletakan batu asas Kolej Universiti Pulau Pinang oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Sungai Ara



1 Jun 1969

Pelantikan rasmi Naib Canselor USM pertama, Tan Sri Hamzah Sendut



1980

Ogos 1983

Penubuhan Kampus Kesihatan USM, Kubang Kerian, Kelantan



1 September 1983

Hospital USM dibuka dan dikendalikan oleh 18 orang doktor dan 70 orang staf perubatan. Hospital USM beroperasi sepenuhnya pada 1984



2 September 1983

Perasmian Masjid al-Malik Khalid USM oleh DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah



2000

4 Oktober 1992

Majlis Universiti ditukar nama kepada Lembaga Pengarah Universiti dan Tan Sri Ani Arope dilantik sebagai pengerusinya



Kampus Kejuruteraan USM mula beroperasi di lokasi baharu di Nibong Tebal, Pulau Pinang





2000

16 Oktober 2002

Penubuhan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT)



2003

Logotaip USM diperkenalkan oleh DYMM Tuanku Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid




11 Oktober 2006

Pengisytiharan USM sebagai Universiti Penyelidikan oleh Perdana Menteri Malaysia

12 April 2015

USM menjadi universiti terawal memulakan Massive Open Online Courses (MOOCs), iaitu pada April 2015



22 Januari 2017

Hospital USM melakar sejarah menjalankan kaedah pembedahan batu karang buah pinggang staghorn dengan menggunakan kaedah terbaharu yang dikenali sebagai 'Supine Percutaneous Nephro Lithotripsy (PCNL)'



April 2019



USM tersenarai pada tangga ke-49 seluruh dunia dalam Times Higher Education (THE) University Global Impact Rankings, dan kedua terbaik dunia dalam Pendidikan Berkualiti bagi University Global Impact Rankings 2019 by SDG (Matlamat Pembangunan Lestari)

September 2019

Upacara Konvokesyen Komemoratif dan Upacara Konvokesyen ke-57 USM berlangsung pada 23–29 September 2019, sempena meraikan ulang tahun ke-50 penubuhan USM

4 Oktober 2019

Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan dilantik sebagai Naib Canselor USM, menggantikan Profesor Datuk Dr. Asma Ismail





Garis Masa

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

4 September 2008

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia mengumumkan pemilihan USM untuk Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX)



18 Julai 2009

Proses penjenamaan semula USM bermula

1 Julai 2011

Perlembagaan baharu USM telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2011



21 Februari 2018

USM memulakan inisiatif Kampus Tanpa Tunai dengan pelaksanaan USMartPay



Jun 2018

USM menduduki tempat ke-14 dalam penarafan universiti muda terbaik dunia yang diumumkan oleh Quacquarelli Symonds (QS) dalam QS Top 50 Under 50 (50 universiti terbaik di bawah 50 tahun)

30 November 2018



USM diiktiraf sebagai Universiti Keusahawanan Terbaik dalam Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

2020

16 Mac 2020

Nerve Centre USM ditubuhkan sebagai pusat sehenti Covid-19 bagi menyelaras keperluan, kebajikan dan keselamatan warga USM

2 Jun 2020



Profesor Dr. Bahari Belaton menjadi Orang Asli pertama dilantik sebagai dekan di IPT. Beliau dilantik sebagai dekan Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pengarah Pusat IPv6 Termaju Negara (NAv6)

8 Jun 2020

Dato' Dr. Awang Adek Hussin dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti USM (8 Jun 2020–7 Jun 2023)



PENAUNG DIRAJA
UNIVERSITI



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K. (Terengganu)., D.K. (Johor)., S.P.M.J., P.A.T., D.K.M.B. (Brunei)

CANSELOR




DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier de l'independence (Grand Medal of the Independence) – Cambodia, Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) – Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Itali), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad – The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)

PRO-CANSELOR



Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A Hassan



Tan Sri Dato' Dr. Jegathesan Manikavasagam



Tan Sri Datuk Mustafa Mansur



PENGERUSI

Dato' Dr. Awang Adek Hussin
(8 Jun 2020–7 Jun 2023)



PENGERUSI

Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran
(1 Oktober 2018–3 Jun 2020)

LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI

























AHLI

1. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan
   (4 Oktober 2019–3 Oktober 2022)
2. Profesor Dato' Dr. Muhammad Fauzi Mohd Zain
   (1 September 2019–31 Ogos 2022)
3. Cik Shamili Poonmalar A/P Vellapandian
   (1 Jun 2020–31 Mei 2023)
4. Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor
   (1 Oktober 2018–6 Mei 2020)
5. Profesor Dr. Abd. Karim Alias
   (13 September 2019–14 Ogos 2020)
   (18 Ogos 2020–17 Oktober 2022)
6. Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak
   (16 Ogos 2017–14 Ogos 2020)
7. Profesor Dato' Dr. Jafri Malin Abdullah
   (18 Ogos 2020–4 Disember 2022)
8. YM Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Arif
   (1 Oktober 2014–30 September 2017)
   (1 Februari 2018–31 Januari 2020)
   (1 Mei 2020–30 April 2021)
9. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
   (1 Oktober 2018–30 Julai 2020)
10. Datuk Norliza Abdul Rahim
    (7 Ogos 2020–6 Ogos 2023)
11. Encik Noor Azam Mohd Noor
    (1 Januari 2019–31 Disember 2021)
12. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said
    (15 Ogos 2019–14 Ogos 2022)

JAWATANKUASA AUDIT



PENGERUSI
Profesor Emeritus Dato'
Dr. Hassan Said



SETIAUSAHA
Encik 'Ubaidillah Ozmin



AHLI
Encik Noor Azam Mohd Noor



NAIB CANSELOR
Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq
Mahamd Adikan

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI


2


3


4


5


6


7


8


9


10


11


12

TIMBALAN NAIB CANSELOR


2. **AKADEMIK DAN ANTARABANGSA**
   Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
   (15 Mac 2017–4 April 2021)
3. **PENYELIDIKAN DAN INOVASI**
   Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
   (1 Mei 2018–30 April 2021)
4. **HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI**
   Profesor Dr. Aldrin Abdullah
   (1 Mac 2019–28 Februari 2022)
5. **KELESTARIAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI**
   Profesor Dr. Md Roslan Hashim
   (1 Disember 2019–30 November 2022)


AHLI-AHLI LAIN

6. **PENGARAH KAMPUS KESIHATAN**
   Professor Dr. Shaiful Bahari Ismail
   (15 November 2016–31 Disember 2021)
7. **PENGARAH KAMPUS KEJURUTERAAN**
   Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
   (15 Mac 2017–31 Disember 2021)
8. **PENDAFTAR**
   Dr. Musa Ali
   (1 Januari 2018–31 Disember 2020)
9. **BENDAHARI**
   Encik Kamarul Ariffin Ngah
   (22 Julai 2020–30 Jun 2022)
10. **KETUA PUSTAKAWAN**
    Puan Rugayah Ali
    (1 November 2018–31 Oktober 2021)
11. **PENASIHAT UNDANG-UNDANG**
    Dr. Khairul Anuar Che Azmi
    (1 Januari 2016–31 Disember 2021)
12. **OMBUDSMAN**
    Profesor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar
    (1 Jun 2017–31 Disember 2020)



CARTA ORGANISASI PENGURUSAN





- PENGARAH KAMPUS KESIHATAN
- PENGARAH KAMPUS KEJURUTERAAN
- PENDAFTAR
- BENDAHARI
- KETUA PUSTAKAWAN
- PENASIHAT UNDANG-UNDANG
- OMBUDSMAN
- KETUA AUDIT DALAM

PUSAT PENGAJIAN

- INDUK
- KEJURUTERAAN
- KESIHATAN

- DEKAN
- PENGARAH/KETUA/ PENYELARAS PTJ

PUSAT PERKHIDMATAN & BAHAGIAN PENTADBIRAN

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

Profesor Madya Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Profesor Madya Dr. Ku 'Azam Tuan Lonik
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa
Pusat Pengajian Sains Komputer
Pusat IPv6 Termaju Negara

Profesor Dr. Azlan Abdul Aziz
Pusat Pengajian Sains Fizik

Profesor Dr. Rozman Din
Institut Pengajian Siswazah

Profesor Dato' Dr. Narimah Samat
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Profesor Dr. Salasiah Che Lah
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan

Profesor Dr. Hairul Nizam Ismail
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Dr. Nurzali Ismail
Pusat Pengajian Komunikasi

Profesor Dr. Noor Hazlina Ahmad
Pusat Pengajian Pengurusan

Profesor Madya Ir. Dr. Abdul Naser Abdul Ghani
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan

Profesor Dr. Habibah A Wahab
Pusat Pengajian Sains Farmasi

Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Balakrishnan Abdullah
Pusat Pengajian Sains Kajihayat

Profesor Dr. Azlinda Azman
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Profesor Dr. Rohana Adnan
Pusat Pengajian Sains Kimia

Profesor Dr. Hailiza Kamarulhaili @ Harun
Pusat Pengajian Sains Matematik

Dr. Mumtaz Begum PV Aboo Backer
Pusat Pengajian Seni

Profesor Dr. Azlan Amran
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan

Profesor Ts. Dr. Norli Ismail
Pusat Pengajian Teknologi Industri

Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail
Pusat Pengajian Sains Perubatan

Profesor Dr. Norazmi Mohd Nor
Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Profesor Madya Dr. Mohd Fadhli Khamis
Pusat Pengajian Sains Pergigian

Profesor Madya Dr. Farzad Ismail
Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa

Profesor Ir. Dr. Taksiah A. Majid
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam

Profesor Madya Ir. Dr. Syed Fuad Saiyid Hashim
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral

Profesor Ir. Dr. Mohd Fadzil Ain
Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik

Profesor Ir. Dr. Zainal Ahmad
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia

Profesor Madya Dr. Jamaluddin Abdullah
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Profesor Dr. Bahari Belaton
Pusat Pengajian Sains Komputer
Pusat Ipv6 Termaju Negara

Profesor Dr. Aldrin Abdullah
Pusat Perancangan Institusi & Strategik

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan
Pusat Pemindahan Ilmu

Dr. Suzyrman Sibly
Pusat Kajian Kelestarian Global

Profesor Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad
Pusat Kualiti Universiti

Encik Ramli Osman
Pusat Mobiliti & Kolaborasi Antarabangsa

Profesor Dr. Irfan Naufal Umar
Pusat Kualiti Akademik Universiti

Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa Abd Majid
Pusat Racun Negara

Profesor Dr. Rahmah Noordin
Institut Penyelidikan Perubatan & Molekul

Dr. Mohd Sukri Shafie
Pusat Pemindahan Ilmu

Profesor Dr. Hazri Jamil
Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara

Encik Zolkurnian Hassan
Muzium & Galeri Tuanku Fauziah

Puan A'watif Ahmad
Pusat Penerbit USM

Profesor Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Profesor Dr. Zainuriah Hassan
Institut Penyelidikan & Teknologi Nano Optoelektronik

Profesor Dr. Noraida Endut
Pusat Penyelidikan Wanita & Gender

Profesor Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

Encik Hazlan Abdul Hamid
Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
Sains@USM

Dr. Khairul Anuar Che Azmi
Pejabat Perundangan Universiti

Puan Ramnah Ramli
Dewan Budaya

Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya
Pusat Penyelidikan & Perkhidmatan Haiwan

Ir. Mohd Nizam Mohd Razak
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Aset

Ts. Dr. Mohamed Azlan Ashaari
Jabatan Keselamatan

Dr. Musa Ali
Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam

Profesor Madya Dr. Shahir Akram Hassan
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam

Encik Syed Yusof Syed Kechik
Pejabat Jaringan Komuniti

Profesor Madya Dr. Rahimi Che Aman
Pusat Rancangan Kokurikulum

Profesor Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei
Pusat Pendidikan & Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau

Profesor Madya Dr. Balamurugan Tangiisuran
Pusat Racun Negara

Profesor Dr. Asrul Akmal Shafie
Pusat Perancangan Institusi & Strategik

Profesor Dato' Dr. Tan Shau Hwai
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
Pusat Kajian Samudera & Pantai

Profesor Dr. Chong Shu Chien @ Alexander
Pusat Biologi Kimia
Pusat Kajian Kelestarian Global

Profesor Dr. Abd Karim Alias
Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik

Puan Fa'izah Md Zain
Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi

Profesor Dr. Zafarina Zainuddin
Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis

Profesor Dr. Vicknasingam Balasingam Kasinather
Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-Ubatan

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk
Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian Antarabangsa

Dr. Normala Abdul Wahid
Pusat Sejahtera (Perubatan & Pergigian)

Profesor Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya
Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia

Encik Mohammad Shukri Osman
Pusat Islam

Dr. Ahmad Zulman Mohd Zain
Pusat Media & Perhubungan Awam

Encik Idrus Rapie
Pusat Sukan & Rekreasi

Encik Roslan Ismail
Pusat Transformasi Insan

Profesor Dato' Paduka Dr. Ahmad Sukari Halim
Hospital Universiti Sains Malaysia
Pejabat Pengarah Kampus (KCK)

Profesor Dr. Lee Keat Teong
Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan

Profesor Dr. Hanafi Ismail
Pusat Inovasi & Perundingan

Profesor Madya Dr. Yeoh Fei Yee
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat

Profesor Dr. Azura A. Rashid
Pusat Swa-Akreditasi (PSA)

Profesor Datin Dr. Azlina Harun @ Kamaruddin
Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar







Prestasi dan Pencapaian

23

Universiti Sains Malaysia
dalam statistik

9,776 Staf

INDUK	3,826
KESIHATAN	1,765
KEJURUTERAAN	808
HOSPITAL, USM	3,377

7,860
PENTADBIRAN & SOKONGAN



Pengurusan & Profesional



Sokongan

1,916
AKADEMIK

193 Profesor	**575** Profesor Madya	**943** Pensyarah Kanan	**68** Pensyarah
20 Pensyarah Terlatih	**113** Guru Bahasa	**3** Profesor Adjung	**1** Kehormat

Nota:
1. Statistik staf pada 31 Disember 2020
2. Data ini termasuk semua jenis lantikan staf

Sumber:
Bahagian Sumber Manusia (10 September 2021)

Pelajar



KEMASUKAN PELAJAR

8,830

1,162 • Ijazah Kedoktoran

2,027 • Ijazah Sarjana

4,461 • Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)

927 • Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)

5 • Diploma Lanjutan

52 • Diploma

196 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)

ENROLMEN PELAJAR

34,957

4,762 • Ijazah Kedoktoran

6,868 • Ijazah Sarjana

16,905 • Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)

5,973 • Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)

5 • Diploma Lanjutan

166 • Diploma

278 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)

GRADUAN

6,141

513 • Ijazah Kedoktoran

1,568 • Ijazah Sarjana

3,500 • Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)

526 • Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luar)

34 • Diploma

4,189
ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

INDUK 3,417

KESIHATAN 396

KEJURUTERAAN 376

2,245 • Ijazah Kedoktoran

818 • Ijazah Sarjana

848 • Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa)

278 • Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk skim pertukaran pelajar)



Nota:

1. Statistik kemasukan pelajar Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Pertama pada semester 1, sidang akademik 2020/2021
2. Statistik enrolmen pelajar Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Pertama aktif pada 31 Disember 2020
3. Statistik kemasukkan dan enrolmen pelajar Pengajian Tanpa Ijazah dan Ijazah Tinggi dalam tempoh Januari–Disember 2020
4. Statistik graduan pada tahun konvokesyen 2020
5. Enrolmen pelajar antarabangsa dalam tempoh Januari–Disember 2020

Sumber:
Institut Pengajian Siswazah
Jabatan Pendaftar – Unit Pengambilan Pelajar
IMCC & PPBLT
Pangkalan data Sistem Maklumat Universiti (SMU): SMU-Pelajar & SMU-Grad

Lapo



> Dalam situasi yang sangat mencabar, USM cekal untuk menjadi institusi pengajian tinggi yang cemerlang, selaras dengan visi **Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok.**

Dato' Dr. Awang Adek Hussin
Pengerusi, Lembaga Gabenor Universiti (LGU)

ran

PENGERUSI LGU

Cabaran Baharu, Norma Baharu, Era Baharu

2020 adalah tahun yang sangat mencabar. Dunia dikejutkan dengan pandemik Covid-19 yang bermula lewat 2019 dan merebak ke seantero dunia. Pandemik ini telah memberi impak besar dan merubah banyak aspek kehidupan. Sudah pasti USM tidak terkecuali daripada fenomena hebat ini.

Dalam situasi yang sangat mencabar, USM cekal untuk menjadi institusi pengajian tinggi yang cemerlang, selaras dengan visi "Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok." Kebolehan mengadaptasi terhadap perubahan yang mendadak ini sangat kritikal bagi memastikan USM kekal relevan sebagai salah sebuah universiti yang terbaik di Malaysia. Inilah masa yang sangat sesuai bagi merealisasikan visi USM ini kepada negara.

USM telah melaksanakan beberapa tindakan proaktif dalam menghadapi kemelut yang melanda bagi memastikan wawasan institusi masih terus dapat dicapai. Tabung Covid-19 telah dibuka dan berjaya mengumpulkan sebanyak RM1,626,915.16 hasil sumbangan staf USM sendiri dan RM10,281,612.48 hasil sumbangan pihak luar. Dengan dana kebajikan ini, pelbagai bantuan dapat dilaksanakan seperti pemberian cecair pembasmi kuman dan pelindung muka kepada barisan hadapan, pemberian kit


UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow
PPB 7102





makanan asas kepada staf dan pelajar, pemberian kupon makanan kepada pelajar di dalam kampus dan pemberian komputer riba percuma kepada 352 orang pelajar B40.

Mekanisme pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga telah diberi nafas baharu dengan pelaksanaan secara maya. Bagi memastikan agar PdP secara dalam talian ini dapat dilaksanakan secara berkesan, maka pelbagai garis panduan telah disediakan oleh sekumpulan pensyarah rentas bidang seperti USM Online Assessment Guidelines for Remote Teaching dan Guidelines on Attendance Recording for Remote Teaching and Learning. Konsep bekerja dari rumah yang dimulakan sejak sebelum bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga dijadikan norma baharu. Dalam situasi yang mencabar, projek-projek pembangunan USM terus dirancang dan dilaksanakan seperti Ruang Siswaniaga@USM, naik taraf bilik syarahan dan tandas pusat pengajian, studio Ijazah Sarjana




bagi Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, naik taraf dan transformasi penginapan pelajar, penyelenggaran dan naik taraf Tapak Arkeologi Sungai Batu serta projek menaik taraf padang sukan kepada rumput tiruan dengan spesifikasi yang diiktiraf oleh FIFA. Strategi belanjawan juga dikemaskan bagi mengimbangi keperluan pembangunan dan kelestarian kewangan institusi yang memberi tumpuan kepada peningkatan penjanaan pendapatan serta mempelbagaikan sumber pendapatan USM. Antara langkah yang telah diambil ialah semakan semula kadar utama pengajian dan perkhidmatan kesihatan, meningkatkan pengambilan pelajar tempatan dan antarabangsa melalui saluran alternatif dan menambah baik program pengajian agar ia seiring dengan permintaan pasaran semasa.

Sementara itu, inisiatif untuk mengembangkan USM sebagai universiti penyelidikan yang boleh mengetengahkan kajian terbaru terus dirancang. Ini dapat dilihat dengan jumlah geran penyelidikan luar yang diperoleh oleh penyelidik USM sebanyak RM62,001,836.28. Usaha untuk mempromosi USM kepada pelajar-pelajar antarabangsa juga semakin digiatkan. Ini terbukti dengan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa terutamanya dalam bidang Ijazah Kedoktoran dengan peningkatan sebanyak 31% berbanding tahun 2019. Ini jelas menunjukkan keyakinan pelajar antarabangsa dengan kepakaran yang terdapat di USM.

Alhamdulillah, meskipun dalam situasi yang sangat mencabar, USM telah berjaya mencatat kemajuan dan pencapaian penting. Di samping itu, keprihatinan berterusan kepada keperluan pelajar dan staf juga sentiasa dititikberatkan dengan sumbangan serta program yang memangkinkan sosio-ekonomi warga USM. Antara inisiatif kebajikan pelajar yang telah dilaksanakan ialah sumbangan biasiswa kepada pelajar B40, bantuan pembelajaran dalam talian, pemotongan yuran desasiswa sebanyak 60% kepada pelajar B40 dan 10% kepada pelajar lain serta pemotongan yuran kebajikan dan kemudahan untuk pelajar B40 dan pelajar tahun pertama. Manakala antara program keprihatinan terhadap kebajikan staf ialah pelaksanaan penternakan/perniagaan oleh staf









yang dikategorikan dalam golongan B40. Mereka diberikan modal suntikan antara RM300 hingga RM3,000 dan kemudahan pinjaman mikro sebanyak RM5,000 tanpa faedah di samping dilatih oleh pakar-pakar bidang. Antara perusahaan yang ditawarkan ialah penternakan ikan keli serta penanaman cili, cendawan dan timun.

USM telah dan akan terus menggembleng tenaga untuk melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu pelajar, staf dan komuniti tidak kira walau apa pun situasi atau keadaan yang kita hadapi. Seperti mana pandangan mantan Naib Canselor USM yang pertama, Tan Sri Hamzah Sendut bahawa universiti bukan sahaja mempunyai tanggungjawab kepada kerajaan dan swasta, staf dan pelajar, malahan juga kepada masyarakat. Universiti sentiasa diperhatikan oleh masyarakat, maka segala perancangan mesti mengambil kira kepentingan masyarakat.

Akhir sekali, tema “Cabaran Baharu, Norma Baharu, Era Baharu” adalah bertepatan sekali untuk dibawa dalam Laporan Tahunan USM 2020. Universiti akan terus memperkenalkan inisiatif baharu dan kekal peka kepada perubahan demi mencapai wawasan dan kelangsungan universiti.






PSP WALL OF HONOUR (1)
MedikSCOM © 2014
HONOR





Nerve Centre

Penubuhan Nerve Centre adalah ekoran kes Covid-19 dan pandemik yang melanda negara pada tahun 2020. Nerve Centre merupakan ilham daripada Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan. Nerve Centre berperanan sebagai "nadi" kampus bagi mengekang penularan wabak pandemik di dalam kampus.

Nerve Centre beroperasi setiap hari dari jam 9:00 pagi hingga 10:00 malam.





PERANAN UTAMA

1. Merancang, mengoperasi dan memantau pelaksanaan keadaan semasa ekoran kes Covid-19 dan PKP.
2. Menggerak segala maklumat sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan dengan pengawalan dan pencegahan krisis wabak.
3. Menguruskan permohonan kemasukan staf/pelajar/kontraktor yang berkeperluan semasa PKP dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

SUMBANGAN TABUNG COVID-19

2 Kategori Sumbangan

Sepanjang pengoperasian 2020

RM1,626,915.16

SUMBANGAN STAF

RM10,281,612.48

SUMBANGAN LUAR








Penglibatan Staf

- Pemberian sumbangan cecair pembasmi kuman daripada Pusat Pengajian Sains Farmasi kepada barisan hadapan
- Pemberian sumbangan pelindung muka kepada barisan hadapan USM
- Pemberian sumbangan Kit Maidaturrahman kepada staf yang terjejas
- Penyediaan kebuk intubasi khas bantu petugas Hospital USM rawat pesakit melalui Dr. Yeoh Fei Yee (Pengarah Jaringan Industri dan Masyarakat)








Penglibatan Pelajar

- Penghantaran pulang pelajar ke seluruh Malaysia
- Sumbangan makanan kering kepada pelajar di dalam kampus
- Pemberian kupon makanan kepada pelajar di dalam kampus
- Pemberian Kit Maidaturrahman kepada pelajar yang tingal di luar kampus (PETAS) dan berkeluarga di dalam kampus



Morris
CREAM CRACKERS
STORE IN A COOL DRY PLACE


BOMBA MALAYSIA




RESTORAN
Jemari FOOD CORNER
MAIDATURRAHMAN


RM5



Pejabat Naib Canselor



Pejabat Naib Canselor USM memainkan peranan penting dalam membantu, menyokong dan memastikan Naib Canselor selaku Ketua Pegawai Eksekutif universiti melaksanakan tanggungjawab agar keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan hal ehwal hari ke hari universiti berjalan lancar dan bertindak di bawah kuasa dan arahan am LGU dan Senat.

PENCAPAIAN

Buat pertama kalinya, pada tahun 2020, Pejabat Naib Canselor memperkenalkan konsep projek khas berstrategi tinggi, iaitu Inisiatif 25+3 yang merangkumi bidang akademik, penyelidikan, hal ehwal pelajar, sumber manusia, pembangunan institusi dan infrastruktur di ketiga-tiga kampus kepada seluruh warga universiti yang antaranya terdiri daripada pelajar tempatan, pelajar antarabangsa, staf akademik dan bukan akademik, dan orang kelainan upaya (OKU). Sejumlah RM8.397 juta telah diperuntukkan kepada ketua projek untuk melaksanakan inisiatif ini dalam tempoh satu tahun. Ketua-ketua projek terdiri daripada staf USM daripada pelbagai gred serta skim perkhidmatan.

25+3 INISIATIF

RM650K | Penyelenggaraan dan naik taraf peralatan dan makmal Pusat Pengajian Sains Kesihatan.

RM500K | Penyelenggaraan dan naik taraf Tapak Arkeologi Sungai Batu.

RM350K | Penyelenggaraan dan naik taraf Pusat Kajian Samudera & Pantai (CEMACS).

RM125K | Penyelenggaraan dan naik taraf Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC).

RM300K | Projek Tahun Akhir RINTIS dan praktikal pelajar.

RM200K | Projek Unimaker dan inisiatif celik IT untuk semua kampus.

RM450K | Penyelenggaraan dan naik taraf peralatan dan makmal Pusat Pengajian Sains Fizik.

RM500K | Naik taraf dan transformasi Desasiswa (induk, kejuruteraan dan kesihatan).

RM600K | Naik taraf bilik syarahan dan tandas pusat pengajaran (CUBES).

RM600K | Aktiviti pelajar antarabangsa USMi.

RM180K | Program mobiliti 4,000 pelajar semua kampus.

RM500K | Program pendedahan dan sabatikal staf pentadbiran dan sokongan.

RM100K | Pembelian peralatan dan aktiviti keterlibatan kumpulan kanser payudara (Kampus Kesihatan).

RM685K | Naik taraf kenderaan untuk agensi pusat.

RM150K | Pembelian peralatan dan perisian untuk program USM Fit (Pusat Sejahtera).

RM35K | Dana keusahawanan *microseed* untuk staf sokongan.

RM100K | Pembelian peralatan dan naik taraf penjagaaan anak USM, dengan fokus kepada anak-anak berkeperluan khas dan keluarga pelajar antarabangsa.

Rm35K | Audit kebolehcapaian untuk warga OKU (pelajar dan staf).

RM500K | *Precision medicine*, penilaian *postdiagnosis* dan pembelian peralatan di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju.

RM330K | Penyelenggaraan, pembelian peralatan dan naik taraf fasiliti Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (SERC).

RM550K | Dana pengiklanan, pengambilan staf, perjalanan untuk pemasaran USM.

RM300K | Dana micro-credential: pengambilan staf dan perolehan teknologi.

RM100K | Perolehan teknologi dan pembangunan pengajaran Augmented Reality dan Virtual Reality.

RM250K | Pembangunan fasiliti Internet-of-Things yang berfokus kepada penggunaan elektrik dan air di Pusat Pengajian Sains Fizik.

RM150K | Penstrukturan semula dan naik taraf peralatan/servis Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (SoLLaT).

RM230K | Projek Swaakreditasi.

RM235K | Latihan dan peralatan (RM150K) dan naik taraf kenderaan untuk agensi pusat.


RM260K | Projek Rediscover USM.



Augmented Reality (AR) and Virtual Reality (VR) Teaching @ USM

Inovasi oleh Profesor Dr. Mona Masood dari Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM). Objektif projek khas ini adalah secara khusus untuk melaksanakan pendekatan realiti terimbuh (*augmented reality*, AR) dan realiti maya (*virtual reality*, VR) dalam PdP di USM bermula dengan kursus ijazah sarjana muda agar dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang berlainan, unik dan efektif kepada pelajar. Dua kursus sarjana muda iaitu Instructional Design and Delivery (QMT112) dan Multimedia Authoring (QMT324E) telah berjaya menggunakan aplikasi VR yang dibangunkan sendiri oleh pensyarah.





Rediscover USM

Inovasi oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), CEMACS, REDAC, Pusat Pengajian Seni dan Pusat Pengajian Komunikasi. USM bertuah mempunyai pusat kecemerlangan (CoE) dan pusat kecemerlangan pendidikan tinggi (HICoE) yang cemerlang dalam penyelidikan sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Rediscover USM adalah projek khas bagi menjadikan dua buah CoE dan sebuah HICoE sebagai DNA USM berdasarkan keilmuan, keunikan dan kelestarian PTJ tersebut. Dengan kerjasama, sokongan dan bantuan kepakaran daripada PTJ lain, objektif utama projek ini adalah penjenamaan (rekaan papan tanda, cenderamata, arca, publisiti, promosi), PdP (galeri pameran pintar, galeri pintar galeri, *living lab*) dan naik taraf kemudahan infrastruktur.



Laporan Persepsi Industri, Universiti Lain, Calon Pelajar, Orang Awam, dan Masyarakat Antarabangsa Terhadap USM oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) juga merupakan antara projek khas bagi membantu pengurusan tertinggi USM dalam menyedia, merancang, menyelaras dan menyusun strategi untuk menjadikan USM sebagai universiti pilihan dalam kalangan institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Projek khas ini menilai persepsi industri, universiti lain, calon pelajar, orang awam dan masyarakat antarabangsa terhadap USM.

Bagi mengukuhkan penjenamaan, reputasi, publisiti dan promosi serta meningkatkan penjanaan pendapatan universiti, jawatan Pengarah Strategi Korporat dan Chief Growth Officer (CGO) telah diwujudkan. Pembudayaan dan amalan akauntabiliti melalui sesi serta libat sama dengan warga USM daripada pelbagai peringkat gred dan skim perkhidmatan telah diadakan secara berkala seperti makan pagi/ tengah hari bersama staf pelaksana, pentadbir, akademik muda dan pelajar; perjumpaan dengan warga kampus secara maya; perjumpaan dengan ketua jabatan/PTJ dan pelbagai libat sama yang lain.

Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Jabatan Pendaftar, Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi, Pusat Sejahtera, Jabatan Keselamatan serta sokongan beberapa PTJ yang lain telah menubuhkan Nerve Centre pada 16 Mac 2020. Jawatankuasa khas di bawah Nerve Centre juga ditubuhkan apabila antara keputusan bijak yang diputuskan oleh USM adalah dengan mengumumkan dan melaksanakan arahan bekerja dari rumah, PdP dalam talian, prosedur operasi standard (SOP) kawalan pergerakan kampus dan arahan-arahan lain yang menjadi rujukan pelbagai pihak.

PENUTUP


Tahun 2020 menyaksikan Pejabat Naib Canselor khususnya dan warga USM amnya berhadapan dengan cabaran yang cukup berbeza, iaitu gelombang pandemik Covid-19 yang menuntut perubahan drastik serta ketersediaan tinggi dalam kalangan warganya. Semangat kemanusiaan, pengorbanan dan kesejagatan semua warga USM menjadi tunjang utama demi memastikan Menara Ilmu tercinta ini terus relevan, dihormati, dirujuk dan dipilih dengan sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Bahagian Akademik dan Antarabangsa

Bahagian Akademik dan Antarabangsa USM ditubuhkan dengan misi untuk membangun dan melaksanakan polisi bagi menambah baik kecemerlangan akademik dan penyebaran ilmu kepada komuniti.

Penubuhan Bahagian Akademik dan Antarabangsa di bawah Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa (TNCAA) juga selaras dengan misi USM untuk memimpin dan menghasilkan inovasi bagi mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa melalui pemajuan dan penyebaran ilmu, pemupukan kualiti yang menekankan kecemerlangan akademik dan profesional, perkembangan individu yang menyeluruh, dan komitmen yang kukuh terhadap aspirasi masyarakat, negara dan universal.





THE PREFERRED ACADEMIC PROGRAM

Conventional and Non-conventional Students | Local and International

Coursework Mode | Online and Micro-credential | Research Mode

DISTINGUISHED LEARNING EXPERIENCE

COURSEWORK MODE	CONDUCTIVE LEARNING & LIVING FACILITIES	RESEARCH MODE

EXCEEDING EXPECTATIONS WITH VALUES — **STAKEHOLDER VIEW**

Enabling Governance	Quality Instructor	Facilitating Culture
Quality Supervisor	Adequate Facilities	Adequate Resource

Kerangka The Preferred Academic Program atau turut dikenali sebagai kerangka Agenda Transformasi Akademik masih kekal relevan dan menjadi penanda aras kepada usaha universiti untuk merekayasa USM sebagai universiti pilihan sepanjang tahun 2020.



JAWATANKUASA UTAMA

JAWATANKUASA PERANCANGAN AKADEMIK (JPA)

1. Mengkaji dari semasa ke semasa program-program akademik universiti keseluruhannya, khususnya dengan tujuan penyelarasan dan bidang-bidang yang boleh ditingkatkan dan dikembangkan selari dengan keperluan semasa.
2. Merancang dan menasihati aspek penawaran program baharu.
3. Membincangkan isu-isu yang ditimbulkan oleh Majlis Pusat Pengajian dan Senat serta perkara-perkara yang dirujuk oleh Naib Canselor.

JAWATANKUASA STRATEGIK AKADEMIK

1. Membantu TNCAA dalam hal berkaitan strategik akademik.
2. Memastikan usaha yang strategik dan bersepadu antara TNCAA, dekan, ketua jabatan berkaitan dan semua pasukan akademik.
3. Sebagai medium perbincangan untuk mendapatkan maklum balas, cadangan serta hala tuju masa hadapan.

EXCO TNCAA

1. Membantu TNCAA dalam hal berkaitan strategik akademik.
2. Menzahirkan semua pelan strategik kepada tindakan taktikal dan operasi.
3. Memastikan operasi akademik dan tadbir urus sentiasa efektif dan efisien.





JAWATANKUASA PENYELARASAN MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM

1. Membincangkan dan menyelaraskan semua perkara berkaitan mata pelajaran umum (MPU).

JAWATANKUASA PEMANTAUAN KURSI USM

1. Memantau secara keseluruhan Kursi di USM.
2. Menyediakan perancangan strategik yang berkesan untuk memastikan impak dan kelestarian Kursi.
3. Menetapkan indeks petunjuk prestasi (KPI) Kursi yang mantap dan berimpak tinggi agar pelaksanaannya dapat memacu universiti ke peringkat yang lebih tinggi.
4. Menyediakan faedah yang bersesuaian bagi menarik pakar-pakar yang cemerlang dari dalam dan luar negara untuk menjawat jawatan penyandang Kursi.
5. Menentukan hala tuju dan KPI penyandang Kursi yang khusus berdasarkan Kursi yang ditubuhkan.
6. Menimbangkan cadangan baharu penubuhan Kursi, laporan penyandang Kursi serta memastikan sasaran KPI tercapai.
7. Memastikan dana dan perbelanjaan dilaksanakan secara berhemah dan berintegriti serta diselenggara dengan baik bersama Jabatan Bendahari.





KRISIS STATUS SWAAKREDITASI DAN USAHA MENANGANINYA



LATAR BELAKANG

29–30 Ogos 2019

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency, MQA) membuat lawatan penilaian Audit Susulan Pengekalan oleh Swaakreditasi MQA untuk USM.

MQA memperakukan USM mematuhi

2/6 syarat-syarat khusus Pengekalan Perakuan Status Swaakreditasi

INTERVENSI DAN PELAN TINDAKAN

1. Penubuhan **JAWATANKUASA KRISIS SWAAKREDITASI** USM

   11 siri mesyuarat

2. Sesi Latihan Training of Trainers (Semakan amalan pendidikan berasaskan hasil (*outcome based education*, OBE)

3. Audit Fasa 1 dan Fasa 2 (Semakan amalan OBE)

4. Audit Keselamatan Krisis Swaakreditasi USM

5. Audit Proses Vetting Peperiksaan





6 Penubuhan **USM-QA** dengan terma rujukan

7 Bengkel Borang Penawaran Kursus (BPK) Baharu dan Pemetaan MQF 2.0 untuk Kampus Induk & Kampus Kejuruteraan

8 Bengkel Course Outcome (CO) Attainment

9 Bengkel BPK Baharu dan Pemetaan MQF 2.0 di Kampus Kesihatan

10 Audit semakan amalan OBE

11 Perubahan skop tugas Pusat Kualiti Akademik (PKA) serta Penubuhan Pusat Swaakreditasi (PSA) dan Jawatankuasa Swaakreditasi

12 Pindaan hasil pembelajaran kursus bagi mematuhi keperluan swaakreditasi

851

KEPUTUSAN PENGEKALAN STATUS SWAAKREDITASI USM

MQA memperakukan bahawa USM telah mematuhi semua syarat Pengekalan Perakuan Status Swaakreditasi yang ditetapkan, melalui surat bertarikh 30 November 2020 [Ruj: MQA.600-2/23/3 Jld.3(7)].



PERSPEKTIF AKADEMIK DI USM

SEMASA WABAK COVID-19

Kerajaan Malaysia mengisytiharkan PKP kepada semua rakyat Malaysia bermula pada 18 Mac 2020. Sehubungan itu, universiti telah melaksanakan beberapa inisiatif berlandaskan kepada senario seperti berikut:

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2019/2020
Dilanjutkan sehingga 27 September 2020.

SEMESTER 3

SIDANG AKADEMIK 2019/2020
Dilaksanakan serentak dengan Semester 2 yang dilanjutkan.

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2020/2021
Dianjakkan kepada 1 Oktober 2020.

PEPERIKSAAN DAN PERKARA BERKAITANNYA

Selesai pada penghujung Ogos 2020.

KURSUS SEMASA CUTI PANJANG

Dilaksanakan pada September 2020.



PELAKSANAAN SESI PDP
DALAM NORMA BAHARU

SEMESTER 2
Sidang Akademik 2019/2020

Pindaan Sumbangan Penilaian Kerja Kursus dan Penilaian Peperiksaan

Kursus prasiswazah dan pascasiswazah

Bilangan PTJ	Bilangan kursus keseluruhan	Bilangan kursus 100% kerja kursus	Bilangan kursus dengan peperiksaan
31	1,387	1,307	80

SEMESTER 1
Sidang Akademik 2020/2021

Pindaan Borang Penawaran Kursus (BPK)

Kursus prasiswazah

Bilangan PTJ	Bilangan kursus yang dipinda
31	1,833


USM ONLINE ASSESSMENT GUIDELINES
FOR REMOTE TEACHING

Panduan ini disediakan oleh sekumpulan pensyarah rentas bidang yang sangat komited untuk membantu usaha USM bagi melaksanakan PdP dalam talian dengan berkesan. Aspek penilaian amat penting untuk menjamin pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Oleh majoriti penilaian akan dilakukan secara dalam talian, panduan ini akan menjadi rujukan untuk membantu semua staf kademik di USM.

LATIHAN STAF AKADEMIK

Sepanjang tahun 2020, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) terus memainkan peranannya secara aktif dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan profesional bagi staf akademik di USM. Program yang dijalankan secara berterusan terbahagi kepada dua kategori iaitu (a) berasaskan teknologi dan (b) berfokuskan pedagogi. Bengkel latihan yang dijalankan keseluruhannya adalah bersifat praktikal dengan pendekatan secara *hands-on*.





PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL

1. Program pembangunan profesional secara berpusat menerusi bengkel latihan yang ditawarkan

2. **'TRAINING-ON-DEMAND'** berdasarkan keperluan khusus oleh pusat pengajian

3. Pembiayaan **TABUNG LATIHAN AKADEMIK** untuk staf akademik menghadiri kursus/latihan anjuran agensi luar bagi tujuan menambah kepakaran dalam bidang masing-masing

4. Pembelajaran melalui platform **MOOC, MICRO-CREDENTIAL** dan **OPEN EDUCATIONAL RESOURCES** sebagai galakan kepada ahli akademik untuk menghasilkan bahan pembelajaran

5. Pelaksanaan Kursus **PDP** untuk pensyarah baharu sebagai satu wadah untuk memupuk dan mendedahkan mereka kepada konsep PdP abad ke-21

STATISTIK PESERTA MyCPD

61.44% **KAMPUS INDUK** (2,647)

11% **KAMPUS KESIHATAN** (998)

23.17% **KAMPUS KEJURUTERAAN** (474)

4.39% **KAMPUS IPPT** (189)

PELAKSANAAN KAJI SELIDIK DAN PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sepanjang tahun 2020 telah memberikan impak yang hebat dalam pelbagai bidang. Sektor pendidikan di seluruh dunia merupakan antara sektor yang mengalami kesan langsung. Perubahan drastik yang berlaku telah menyebabkan peningkatan yang sangat ketara dalam PdP secara dalam talian di platform digital. Seiring dengan peralihan pantas ini, USM melalui CDAE telah mengambil langkah proaktif dan segera bagi memastikan proses PdP dapat terus dilaksanakan dengan berkesan.

Langkah-langkah bersasar telah dilaksanakan oleh CDAE pada peringkat pusat dan universiti dalam konteks PdP di era Covid-19.

1 Menjalankan tinjauan ringkas


COVID-19: TEACHING AND LEARNING CONTINGENCY PLAN SURVEY

2 Menyumbang maklumat penting

COVID-19: USM GUIDELINES FOR TEACHING AND LEARNING PLAN FOR CONTINGENCIES

3 Menjalankan kajian

SURVEY ON USM STUDENTS' LEARNING EXPERIENCES DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)



4 Menyediakan garis panduan

- **GUIDELINES ON ATTENDANCE RECORDING FOR REMOTE TEACHING AND LEARNING**
- **CREATING ASSESSMENT THROUGH E-LEARN@ USM PLATFORM**
- **GUIDELINES FOR ASYNCHRONOUS ONLINE EXAM**
- **USM ONLINE ASSESSMENT GUIDELINES FOR REMOTE TEACHING**

5 Menyediakan saluran khusus di platform YouTube

ONLINE TEACHING AND LEARNING – COVID-19
(Mengumpulkan lebih 213 koleksi video panduan PdP)






Dari aspek polisi dan garis panduan, CDAE telah memainkan peranan secara langsung bagi menyokong kecemerlangan PdP dengan mengemukakan beberapa cadangan pada peringkat universiti.

Garis panduan
Pemetaan Kursus
Berdasarkan
Micro-credential@USM


CADANGAN CDAE

Dokumen PdP
bagi Audit Susulan
Pengekalan
Swaakreditasi
oleh MQA
















PERMOHONAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH



Sebagai sebuah unit jaminan kualiti dalaman (*internal quality assurance*, IQA) bagi USM, PKA perlu memastikan pematuhan progam pengajian kepada keperluan standard MQA dengan kaedah pengakreditan program akademik secara dalaman melalui aktiviti Akreditasi Sementara (*provisional accreditation*, PA, dengan menggunakan borang MQA-01) dan Akreditasi Penuh (*full accreditation*, FA, dengan menggunakan borang MQA-02).



KUALITI PROGRAM AKADEMIK

Sebagai sebuah unit IQA, PKA berperanan untuk meningkatkan kualiti program akademik USM. Bagi menyokong peranan ini, pelbagai program telah dilaksanakan.

PRASISWAZAH

9–10 Januari 2020
Sesi Latihan 'Training of Trainers – Semakan Amalan OBE'

12 Mei–14 Julai 2020
Penulisan dan Penyediaan Self-assessment Report (SAR) pada peringkat program pengajian

19 Mei dan 30 Jun 2020
Bengkel Penulisan Self-Assessment

20 Mac dan 8 September 2020
Penulisan dan penyediaan SAR pada peringkat program pengajian BPK

12 Ogos 2020
BPK Baharu Versi Table 4 MQA

Bengkel BPK Baharu dan Pemetaan MQF 2.0 Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan

25 September 2020
Bengkel Course Outcome (CO) Attainment

28 Oktober
Bengkel BPK Baharu dan Pemetaan MQF 2.0 Kampus Kesihatan

PASCASISWAZAH

30 September 2020
Sesi Bimbingan Penyediaan Dokumen, Self-review Report (SRR) Program Akademik Pascasiswazah

Penulisan dan Penyediaan SAR pada peringkat program pengajian

8 Oktober 2020
Taklimat/bengkel amalan OBE untuk program akademik pascasiswazah

BPK Baharu Versi Table 4 MQA

LAPORAN PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN

PENGURUSAN AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN


Enrolmen pelajar prasiswazah

23,081

sehingga Disember 2020




Enrolmen pelajar prasiswazah mengikut kampus



Enrolmen pelajar prasiswazah mengikut kampus dan jantina





Peningkatan sebanyak

5.13%

bagi enrolmen pelajar ijazah tinggi pada peringkat **Sarjana** dan **Doktor Falsafah**

11,630

pelajar pascasiswazah




8,657 Warganegara

3,063 Bukan warganegara

Enrolmen pelajar pascasiswazah mengikut mod pengajian

WARGANEGARA


BUKAN WARGANEGARA




Enrolmen pelajar pascasiswazah mengikut kampus dan mod pengajian

WARGANEGARA

BUKAN WARGANEGARA



Enrolmen pelajar pascasiswazah mengikut jantina dan kampus




Enrolmen pelajar pascasiswazah mengikut jantina berdasarkan mod pengajian

CAMPURAN		KERJA KURSUS		PENYELIDIKAN	
625	417	1,734	2,407	2,903	3,117

3,063
pelajar antarabangsa





PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU

PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH




Unjuran
6,444



Tawaran
6,242



Pendaftaran
5,394



Pendaftaran Program Ijazah Tinggi pelajar antarabangsa Sidang Akademik 2020/2021

28 Pengurusan	**20** Bahasa Inggeris untuk Profesional	**17** Sains Komputer	**9** Pendidikan (TESOL)
7 Kejuruteraan Aeroangkasa	**7** Perancangan Bandar dan Wilayah	**7** Doktor Perubatan	**5** Perakaunan
4 Sains (Matematik)	**4** Sains Gunaan (Statistik Gunaan)	**4** Teknologi Persekitaran	**4** PBP (Pengurusan Projek Binaan)	**4** Pengurusan Projek Binaan (Seni Bina)

Pendaftaran Program Ijazah Tinggi

- WARGANEGARA
- BUKAN WARGANEGARA



KERJA KURSUS
- 1,016
- 129




PENYELIDIKAN
- 626
- 828



CAMPURAN
- 1,016
- 129



PEMBELAJARAN MAYA
- 626
- 828



Jumlah tawaran

5,315

Pendaftaran sebagai pelajar

59%

(3,136 pelajar)

Peratusan Pendaftaran Tertinggi mengikut mod pengajian


PEMBELAJARAN MAYA

KERJA KHUSUS


CAMPURAN

PENYELIDIKAN

TOP 5 Pilihan Teratas PTJ
MENGIKUT MOD PENGAJIAN



Pendaftaran pelajar mengikut mod bagi tahun 2019 dan 2020



3,136 pendaftaran pelajar pada 2020 berbanding 2,968 pelajar pada 2019

11% Peningkatan bagi mod penyelidikan

4% Peningkatan bagi mod kerja kursus

6% Peningkatan bagi mod pembelajaran maya

Penurunan **5%** bagi mod campuran

TOP 5

Pilihan Teratas


PROGRAM MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN BAGI KEMASUKAN 2020

MOD KERJA KURSUS

127	SARJANA SAINS (SAINS DATA DAN ANALITIK)
101	SARJANA PENTADBIRAN PENIAGAAN
63	SARJANA PENDIDIKAN (OFFSHORE)
59	SARJANA SAINS (PENGURUSAN PROJEK)
46	SARJANA ANALITIK PERNIAGAAN

MOD CAMPURAN

80	SARJANA SASTERA (PENDIDIKAN)
28	SARJANA SAINS (KEJURUTERAAN REKA BENTUK DAN ELEKTRONIK)
27	SARJANA SAINS (KEJURUTERAAN KESELAMATAN KEBAKARAN)
22	SARJANA SASTERA (LINGUISTIK DAN PENGAJIAN BAHASA INGGERIS)
21	SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)





PROGRAM OUTBOUND

Program Outbound yang disertai oleh pelajar USM merangkumi program mobiliti jangka panjang, jangka pendek, latihan industri, penempatan elektif, lawatan sambil belajar, program kepimpinan dan sebagainya.

Sepanjang Januari–Februari 2020, USM telah menghantar seramai 291 pelajar mobiliti Outbound ke luar negara. Jumlah ini adalah memberangsangkan jika dibandingkan dengan jumlah pelajar Outbound pada tahun sebelumnya. Namun, jumlah pelajar Outbound tidak dapat dipertingkatkan lagi disebabkan pandemik Covid-19 yang telah menghalang pelajar dari keluar negara bermula Mac 2020.

THAILAND	88
INDONESIA	52
TURKI	35
TAIWAN	27
VIETNAM	27
JEPUN	19
SEPANYOL	15
KOREA SELATAN	14
FILIPINA	13
SINGAPURA	13
UNITED KINGDOM	13
LITHUANIA	1
ROMANIA	1
ARAB SAUDI	1
AUSTRALIA	1

291
pelajar **mobiliti Outbound** ke luar negara

Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) secara alternatif telah menggalakkan pelajar untuk mengambil program mobiliti secara dalam talian untuk memastikan pembelajaran sepanjang hayat masih dapat diteruskan.

Kebanyakan penyertaan program dalam talian yang dilaksanakan pelbagai institusi pengajian tinggi antarabangsa dibiaya oleh IMCC melalui Skim Belajar Luar Negara.

KANSAI GAIDAI UNIVERSITY	13
MAHIDOL UNIVERSITY	7
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM	7
UNIVERSITAS AIRLANGGA	5
INSTITUT TEKNOLOGI SEPULUH NOPEMBER	4
UNIVERSIDAD INDUSTRIAL DE SANTANDER	3
UNIVERSITI MALAYA	3

42
pelajar
terlibat

PROGRAM INBOUND

USM juga merupakan antara universiti awam yang menerima pelajar program mobiliti terbesar di Malaysia dan peneraju universiti awam dalam mendapatkan pembiayaan kerajaan melalui Asian International Mobility for Students (AIMS). Walaupun pandemik Covid-19 telah menyebabkan program mobiliti pelajar terpaksa dibatalkan bermula Mac hingga Disember 2020. Bilangan pelajar mobiliti Inbound antarabangsa di USM telah meningkat untuk suku tahun pertama berbanding tahun sebelumnya. Seramai 222 pelajar Inbound dari 24 negara telah mendaftar dalam program mobiliti di USM.

JEPUN	98
CHINA	23
INDONESIA	18
KAZAKHSTAN	11
JERMAN	9
KOREA SELATAN	9
BRUNEI	8
FINLAND	8
THAILAND	8
PERANCIS	6
BELGIUM	4
UNITED KINGDOM	3
ALGERIA	2
LITHUANIA	2
BELANDA	2
TAIWAN	2
AMERIKA SYARIKAT	2
LAIN-LAIN (dari 7 negara)	7

Namun, terdapat penurunan bilangan pelajar yang menyertai Program Inbound pada tahun 2020 disebabkan wabak pandemik Covid-19 berbanding pada tahun 2019. IMCC turut menguruskan kemasukan pelajar Inbound melalui penganjuran beberapa program jangka pendek sama ada secara fizikal atau secara dalam talian.

Melalui program ini, pelajar Inbound berkesempatan untuk menjalankan aktiviti bersama masyarakat setempat dan mengetahui sosiobudaya mereka dengan lebih dekat. Peluang ini memberikan impak secara langsung kepada pelajar antarabangsa untuk memperoleh kompetensi antara budaya. Sepanjang program, pelajar mengikuti aktiviti yang telah dirancang berdasarkan modul-modul program jangka pendek yang dibangunkan dan disusun rapi bersama-sama pemegang taruh daripada Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan; Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan; Pusat Pengajian Sains Sosial dan pelbagai pusat pengajian lagi. IMCC berjaya menganjurkan tiga program jangka pendek secara bersama dengan PTJ lain pada tahun 2020.

1. USM-TU ENGLISH AND CULTURAL PROGRAMME
2. USM-NFU ECONOMIC DEVELOPMENT AND CULTURAL PROGRAMME 2020
3. USM-TU ENGLISH AND CULTURAL PROGRAMME ONLINE EDITION 2020



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN MEMORANDUM PERJANJIAN

ORGANISASI	NEGARA
Doshisha Women's College of Liberal Arts	Jepun
Jabil Sdn. Bhd.	Malaysia
MPC Cleantech Sdn. Bhd.	Malaysia
The University of Hong Kong	Hong Kong
Royal Academy of Engineering	United Kingdom
United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)	Perancis
Nottingham Trent University	United Kingdom
National Taiwan University	Taiwan
Albukhary International University	Malaysia
University of West London	United Kingdom
Shree Guru Gobind Singh Tricentenary University	India
Universiti Teknologi MARA	Malaysia
Institute for Nanoscience Design	Jepun
Institute for Nanoscience Design	Jepun
Jahangirnagar University	India
Mother Teresa Women's University	India
Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan	Malaysia
Mahidol Oxford Tropical Medicine Research Unit (MORU), Faculty of Tropical Medicine, Mahidol University	Thailand
Chengdu University	China
Technische Universitat Berlin	Jerman
Qatar University	Qatar
Hanoi Medical University	Vietnam
Kyoto University of Foreign Studies	Jepun
Toyohashi University of Technology	Jepun
Swansea University	United Kingdom
London School of Hygiene and Tropical Medicine	United Kingdom
Jordan Modern Medical University	Jordan

Nota: MoU Memorandum Persefahaman; MoA Memorandum Perjanjian

JENIS PERJANJIAN
Student Exchange Agreement
NDA
MoU
MoU
MoA
MoA
MoU
Material Transfer Agreement
Research Grant Agreement
Research Collaboration Agreement
MOU
Research Collaboration Agreement
Research Collaboration Agreement
Collaboration Agreement (General/Various Collaboration)
Collaboration Agreement (General/Various Collaboration)
MoU
Research Collaboration Agreement
Research Collaboration Agreement
MoU
MoU
Research Collaboration Agreement
MoU
Student and Staff Exchange Agreement
Academic Programs (Dual Degree / Joint Degree)
MoU
Research Collaboration Agreement
Academic Collaborations / Exchanges Agreement



ORGANISASI	NEGARA
Universitas Brawijaya	Indonesia
Kyoto University of Foreign Studies	Jepun
National Chiao Tung University	Taiwan
Chulalongkorn University	Thailand
Osaka University	Jepun
Shibaura Institute of Technology	Jepun
Yangtze Normal University	China
Universitas Islam Indonesia	Indonesia
Sharif University of Technology	Iran
Bolu Abant İzzet Baysal University	Turki
Management and Science University	Malaysia
University of Muhammadiyah Semarang	Indonesia
Universitas Sriwijaya	Indonesia
Universitas Muhammadiyah Jakarta	Indonesia
Tokushima University	Jepun
Universitas Aufa Royhan	Indonesia
Chiba Institute of Technology	Jepun
University of Chitral	Pakistan
Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara	Indonesia
University of South Australia	Australia
Universitas Hasanuddin	Indonesia
Indonesian Institute of Sciences	Indonesia
Islamic Faculty Amsterdam	Belanda
Vrije Universiteit Amsterdam	Belanda
University of Roehampton	United Kingdom
Reva University	India
Kitasato University	Jepun
Universitas Diponegoro	Indonesia
Clemson University	Amerika Syarikat
Hosei University	Japan
The University Court of The University of Edinburgh	United Kingdom
The University of Sheffield	United Kingdom
National Taiwan University of Science and Technology	Taiwan
İstanbul Kültür University	Turki
Changwon National University	Korea Selatan

Nota: MoU Memorandum Persefahaman; MoA Memorandum Perjanjian

JENIS PERJANJIAN
Research Collaboration Agreement
Academic Collaborations / Exchanges Agreement
MoU
Collaboration Agreement (General/Various Collaboration)
Academic Programs (Dual Degree / Joint Degree)
MoU
MoA
Material Transfer Agreement
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoA
MoU
MoA
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoU
MoA
MoU
MoU
MoA
MoU
MoU
Student and Staff Exchange Agreement
MoU
MoA





AKTIVITI UTAMA

PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM

Bengkel Pemerkasaan Amalan Outcome Based Education (OBE)

3–4 Februari 2020 — Pusat Rancangan Kokurikulum

Bengkel Outcome Based Education (OBE)
(Tenaga pengajar kursus kokurikulum)

27 Februari 2020 — Pusat Rancangan Kokurikulum

Audit Semakan Amalan OBE Fasa 2 & 3

Fasa 2: **18 Februari 2020**
Fasa 3: **9 September 2020**
Pusat Rancangan Kokurikulum



Kokurikulum Semester II
Sidang Akademik 2019/2020

8,783
pelajar
bagi **3 kampus**



KAMPUS INDUK



KAMPUS KEJURUTERAAN



KAMPUS KESIHATAN

Kokurikulum Semester I
Sidang Akademik 2020/2021

8,239
pelajar
bagi **3 kampus**



KAMPUS INDUK



KAMPUS KEJURUTERAAN



KAMPUS KESIHATAN

INISIATIF BERTERUSAN DAN INISIATIF BAHARU

INISIATIF BERTERUSAN

Inisiatif 1

FACELIFT@USM

HASIL YANG DIHASRATKAN

Memastikan semua fasiliti pengajaran diselenggara dengan baik dan inisiatif *crowdsourcing*

PENCAPAIAN

Bekerjasama dengan TNC KPI untuk meneruskan inisiatif ini

Inisiatif 2

PELANCARAN SEMESTER 3

HASIL YANG DIHASRATKAN

Menggalakkan mobiliti antara kampus dan menyediakan fleksibiti untuk memperkenalkan kurikulum masa hadapan

PENCAPAIAN

- Yuran mengikut kredit telah diperkenalkan
- Semua keperluan pentadbiran akan diambil kira
- Dilancarkan pada Jun/Julai 2021

Inisiatif 3

FLEXIBLE EDUCATION DAN SISTEM AKADEMIK BERASASKAN KOMPETENSI

HASIL YANG DIHASRATKAN

- Mempelbagaikan dan menjadikan program USM berdaya saing
- Membantu memantapkan pengalaman pembelajaran pelajar
- Memastikan pelajar mencapai atribut **HEBAT**

PENCAPAIAN

- Inisiatif ini masih berjalan dan telah dijenamakan sebagai inisiatif kurikulum masa hadapan
- Inisiatif ini turut dibentangkan dalam makmal Future Curriculum and Agile Academic Governance (FC & AAG) dan telah mula dilaksanakan bermula pada Semester 1, Sidang Akademik 2020/2021

Inisiatif 4

ANALISIS KOMPETITIF PROGRAM PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH

HASIL YANG DIHASRATKAN

Mempelbagaikan dan menjadikan program USM menarik dan berdaya saing

PENCAPAIAN

Menjadikan program USM menarik dan berdaya saing

Inisiatif 5

PENINGKATAN BILANGAN DAN KUALITI PELAJAR ANTARABANGSA DAN PASCASISWAZAH

HASIL YANG DIHASRATKAN

- Asas utama untuk meningkatkan pelajar beryuran penuh di USM
- Meningkatkan reputasi USM

PENCAPAIAN

- Agak terkesan dengan krisis Covid-19
- Beberapa inisiatif untuk memastikan aliran kukuh pelajar dari negara tertentu telah dilaksanakan

Inisiatif 6

MENYEDIAKAN PENGALAMAN PEMBELAJARAN YANG CEMERLANG KEPADA PELAJAR

HASIL YANG DIHASRATKAN

Inisiatif paling kritikal untuk memastikan USM memberi nilai tambah kepada pelajar

PENCAPAIAN

Usaha dan intervensi berterusan sedang dilaksanakan



Inisiatif 7

PRA-U USM

HASIL YANG DIHASRATKAN

Mempelbagaikan saluran kemasukan ke USM terutama kepada pelajar antarabangsa

PENCAPAIAN

- Memantapkan Pro-USM di Kolej Mara Kulim dengan pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam
- Bekerjasama dengan University of Wollongong Malaysia KDU bagi program asasi bersama

Inisiatif 8

GERAN PENYELIDIKAN AKADEMIK FASA KEDUA

HASIL YANG DIHASRATKAN

Memandu agenda akademik melalui aktiviti penyelidikan yang baik

PENCAPAIAN

- Fasa 1 terkesan dengan krisis Covid-19
- Fasa 2 sedikit terlewat

Inisiatif 9


PENAMBAHBAIKAN UMUM DALAM TADBIR URUS AKADEMIK

HASIL YANG DIHASRATKAN

Memastikan tadbir urus yang kukuh dan efektif

PENCAPAIAN

Sebahagian daripada inisiatif Agile Academic Governance



Inisiatif Baharu 1

PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI
BAHAGIAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

HASIL YANG DIHASRATKAN

Memastikan dan mewujudkan tadbir urus akademik yang lebih kukuh dan efektif

PENCAPAIAN

- Dua opsyen penstrukturan dibincangkan untuk memantapkan bahagian
- Carta organisasi baharu telah dibentangkan semasa beberapa mesyuarat dan jawatankuasa
- Cadangan ini turut dibincangkan semasa makmal FC & AAG yang diadakan pada 16–18 September 2020



Inisiatif Baharu 2

PROGRAM T20 (USM+1)
DAN STRATEGI YURAN YANG LEBIH DINAMIK BAGI PROGRAM AKADEMIK

HASIL YANG DIHASRATKAN

- Meningkatkan pendapatan universiti melalui yuran pengajian
- Menyediakan laluan alternatif bagi pelajar untuk mengikuti program USM yang popular dan berdaya saing

STRATEGI

- Dilancarkan pada Semester 1, Sidang Akademik 2020/2021

- Sehingga **24 September 2020**

242 permohonan diterima

(55 tidak memenuhi kelayakan, 60 dalam proses kelayakan)

47 program pengajian ditawarkan

oleh 21 pusat pengajian



Inisiatif Baharu 3

MICRO-CREDENTIAL/DALAM TALIAN BAGI PROGRAM POPULAR

MENGURANGKAN KOMPONEN KURSUS TERAS, MELIBERALISASIKAN KOMPONEN KURSUS MINOR DAN MEMPERKENALKAN KONSEP *LIVING LAB*

HASIL YANG DIHASRATKAN

- Untuk memantapkan pengalaman pembelajaran pelajar
- Untuk memastikan pelajar mencapai atribut HEBAT
- Untuk mempelbagaikan dan menjadikan semua program di USM lebih berdaya saing

STRATEGI

- Sehingga Disember 2020, inisiatif ini masih berjalan dan telah dijenamakan sebagai inisiatif kurikulum masa hadapan
- Inisiatif ini turut dibentangkan dalam makmal FC & AAG
- Dilaksanakan bermula pada Semester 1, SA 2020/2021



Inisiatif Baharu 4

DIGITAL CAMPUS DAN SISTEM PENGURUSAN AKADEMIK

HASIL YANG DIHASRATKAN

Menyokong sistem pengurusan akademik USM yang kukuh dan efektif

PENCAPAIAN

Satu pasukan petugas berdedikasi yang diketuai oleh Profesor Dr. Rosni Abdullah giat melaksanakan tugas

Inisiatif Baharu 5

PROGRAM INTERNATIONALISATION AT HOME

HASIL YANG DIHASRATKAN

Menyediakan ekosistem yang kondusif untuk melahirkan graduan yang berpemikiran global dan mendapat pendedahan dalam pengantarabangsaan

STRATEGI

- Program webinar bertajuk "The Student Exchange Experience" yang bertujuan untuk mempromosikan program Outbound bagi tahun 2021
- IMCC juga menjalankan beberapa program kepada pelajar Inbound USM dan juga pelajar antarabangsa sepenuh masa
- Program tersebut memberi impak dalam menghasilkan kolaborasi antara universiti, selain menarik minat lebih ramai pelajar untuk menyambung pengajian di USM
- Program International Student Trip to Cameron Highlands
- Minggu Orientasi kepada Pelajar Antarabangsa untuk semester 1, Sidang Akademik 2020/21
- Program pengantarabangsaan IMCC dibantu USM Student Buddies yang bergerak sebagai sukarelawan untuk melancarkan program tersebut

PENUTUP

Sepanjang tahun 2020, Bahagian Akademik dan Antarabangsa telah berjaya meneruskan agenda transformasi akademik dengan memperkenalkan beberapa inisiatif baharu seperti penstrukturan tadbir urus akademik, program T20 (USM+1), kurikulum tersedia masa hadapan, konsep digital kampus serta program *internationalisation at home*. Inisiatif tahun sebelumnya juga diteruskan dengan matlamat untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang sempurna kepada pelajar USM.



Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni



Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) ditubuhkan dengan visi untuk memupuk, membangun dan memperkasa graduan dengan atribut **HEBAT** (Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, Thinking).

Misi BHEPA adalah untuk mewujudkan satu ekosistem yang kondusif dalam memberi perkhidmatan, menjaga kebajikan dan memastikan pembangunan siswa untuk memperkasa bakat berlandaskan nilai teras APEX ke arah melahirkan pemimpin masa hadapan yang berfikiran global.



Pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020 membawa cabaran baharu, norma baharu dan era baharu dalam mengurus tadbir hal ehwal pembangunan pelajar dan alumni apabila program-program secara bersemuka tidak dapat lagi dilaksanakan. Begitu juga dalam menguruskan pelajar dalam pelbagai aspek dengan pematuhan ketat kepada SOP dalam membendung wabak Covid-19 dalam kalangan warga pelajar dan USM.

Antara cabaran utama adalah menguruskan kebajikan pelajar yang terjejas akibat pandemik terutamanya mereka yang daripada keluarga kumpulan B40 melibatkan makan minum mereka yang berada di dalam kampus yang terikat dengan PKP. Serentak dengan itu, timbul keperluan baharu untuk meneruskan PdP apabila proses pembelajaran dalam talian menjadi pilihan untuk membolehkan pelajar mengikuti pengajian.

Fokus utama adalah untuk membantu pelajar agar mempunyai prasarana yang baik terutamanya perkakasan seperti komputer riba dan gajet, talian internet dan kad sim untuk proses PdP.

Usaha memberi bantuan kewangan dan pekerjaan sambilan kepada pelajar untuk meneruskan pengajian yang terjejas proses kemasukannya dilaksanakan menggunakan aplikasi MyDaftar@USM yang dibangunkan oleh Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM.

Begitu juga dalam pengurusan aktiviti pelajar dan hasrat universiti untuk melaksanakan agenda menghasilkan graduan yang memiliki ciri-ciri HEBAT yang sebahagian besarnya diteruskan secara dalam talian.



KEBAJIKAN PELAJAR

Menerusi inisiatif USM Prihatin, pelbagai langkah dan inisiatif diambil oleh USM untuk membantu pelajar.



RM500K

BANTUAN BERSASAR PELAJAR TERKESAN

Bantuan untuk pelajar terkesan akibat kehilangan mata pencarian ibubapa/waris

RM292.2K

SUMBANGAN BIASISWA

Sumbangan kepada pelajar **B40** yang memerlukan

RM10K

SUMBANGAN KEBAJIKAN PELAJAR

Sumbangan untuk pelajar dalam kesempitan dan terdesak untuk pelbagai tujuan

RM375K

PEMOTONGAN YURAN KEBAJIKAN DAN KEMUDAHAN

Pemotongan untuk pelajar B40 dan pelajar tahun pertama

RM2.045J

INTENSIF LATIHAN INDUSTRI

Peruntukan untuk latihan 3 bulan dan pelajar Tahun 1 dan 2 untuk program **attach@USM**

RM1.2J

BANTUAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Bantuan untuk pembelian komputer riba, kad sim, pelan data dan pembaikan komputer

RM410K

BANTUAN KEPADA BARIS HADAPAN USM

RM410K kepada pelajar PPPJJ yang menjadi baris hadapan



RM2.06J

BANTUAN ZAKAT USM

Sumbangan daripada Pusat Islam USM kepada **4,346** pelajar terpilih

RM990K

PEMOTONGAN YURAN DESASISWA



60% untuk pelajar B40 (e-Kasih)

10% untuk pelajar lain

RM350K

INSENTIF GALAKAN KEUSAHAWANAN PELAJAR

RM350K untuk penubuhan *spin-off/start-up company* (SUSO)

Keseluruhannya, USM membelanjakan sebanyak RM880,000 daripada Tabung Covid-19 hasil pemberian sumbangan warga USM untuk komputer riba percuma kepada 352 pelajar B40 dan RM250,000 daripada wang zakat Pusat Islam USM untuk komputer riba kepada 100 orang asnaf. USM juga telah berbelanja sebanyak RM72,882.05 daripada Tabung Azman Hashim dan RM170,651.45 daripada Tabung Kebajikan Pelajar untuk membantu pelajar dalam pelbagai bentuk termasuk wang ihsan.





Untuk membantu pelajar mencari pendapatan tambahan, terdapat aplikasi JORaN (Job Opportunity Recruiting and Networking) yang dibangunkan oleh pelajar dan memenangi Anugerah Digital Education Award oleh *Singapore Business Review*. Aplikasi ini menyediakan ruang untuk pelajar mendapat faedah melalui penawaran 30 jenis kerja sambilan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi dan pihak yang berminat.

Di samping itu, USM menyediakan bank makanan (*Food Bank*) yang disumbangkan oleh pelbagai pihak dan agensi dalam membantu pelajar mendapat bekalan makanan percuma. Desasiswa-desasiswa juga menggunakan kaedah yang sama untuk tujuan tersebut. Antara program yang dilaksanakan ialah:

- Spread the Love
- Le'mari@KEJUT
- FUEL4U
- Foodbank Aman Damai
- Sumbangan makanan dari bilik ke bilik

Spread the LOVE

Majlis Penghuni Desasiswa Tekun

- Inisiatif menyumbangkan makanan kepada penghuni Desasiswa.

RM5K sumbangan makanan daripada pelbagai pihak termasuk PTJ dalam USM

Le'mari@KEJUT

" projek wakaf makan percuma " untuk yang memerlukan

FREE FOOD FOR THE NEEDY

Majlis Penghuni Desasiswa Jaya Lembaran Utama

- Kembali aktif ketika fasa semasa PKP
- Inisiatif sumbangan makanan kering kepada pelajar yang memerlukan (masih di dalam kampus

3–4 kali seminggu stok di tambah

FOOD BANK Aman Damai

Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai

- Edaran makanan kepada penghuni desasiswa
- Penghuni bebas untuk mengambil makan yang diletakkan di dalam almari bank makanan
- Pengisian semula makanan dilakukan sebaik sahaja habis diambil oleh penghuni
- Makanan disumbangkan daripada pelbagai pihak

SUMBANGAN MAKANAN DARI BILIK KE BILIK



Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai

- Penyerahan makanan dari bilik ke bilik penghuni desasiswa
- Khabar dan keberadaan penghuni juga dapat dipastikan pada masa tersebut
- Agihan makanan bersama Gabungan Anak Negeri Pulau Pinang
- Agihan juadah berbuka puasa di bulan Ramadan

FUEL4U



Majlis Penghuni Desasiswa Jaya Lembaran Utama

- Inisiatif untuk mengisi minyak kenderaan bagi pelajar yang terperangkap dalam kampus
- Kemudahan kepada pelajar berkenderaan sendiri bergerak di dalam kampus disebabkan ketiadaan minyak akibat terbatas untuk keluar semasa PKP.
- Program ini mengurangkan risiko pendedahan pelajar di luar kampus.
- Program ini mendapat sambutan meriah kerana mengurangkan tekanan, dan meringankan beban kewangan pelajar melalui perolehan subsidi minyak

AKTIVITI PELAJAR

Majlis Perwakilan Pelajar USM (MPPUSM) yang wakil-wakilnya dipilih secara sepenuhnya oleh pelajar melalui e-pilih pada Sidang Akademik 2019/20 meneruskan tugas mereka sehingga pemilihan pada November 2021. Keadaan ini berlaku kerana kesukaran untuk mengadakan pemilihan semasa PKP dan situasi pandemik Covid-19 yang tidak membolehkan pelajar kembali ke kampus.

Yang Dipertua MPPUSM, Amir Asyraf Saberi turut dilantik sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan yang memimpin pelajar dengan jayanya melalui pelbagai cadangan kepada pihak kerajaan dalam memperkasakan pelajar universiti.

Pemilihan MPPUSM yang ditangguhkan dengan kelulusan LGU akan diadakan sepenuhnya secara dalam talian pada Semester Pertama 2021/22 melalui aplikasi yang dibangunkan oleh PPKT USM.

Sepanjang tempoh 2020, MPPUSM menggembleng tenaga bersama-sama universiti dalam menjaga kebajikan pelajar termasuk ketika menguruskan kepulangan pelajar ke kampung halaman semasa cuti yang melibatkan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



MPPUSM juga terlibat sepenuhnya dalam menguruskan kemasukan pelajar baharu melalui penglibatan Pembimbing Program Siswa Lestari (PPSL) yang diberi hak upaya sepenuhnya untuk melaksanakannya dalam kalangan pelajar baharu.

Inisiatif ini juga melibatkan pelbagai aktiviti yang dilakukan bagi mengisi masa pelajar yang berada di dalam desasiswa sepanjang PKP. Pada peringkat desasiswa sendiri; pelbagai aktiviti turut dilakukan seperti:

- TEKUN-Redem
- Derma Darah 2.0
- Spread the Kindness
- Reforest Totebag
- Gotong-royong Penyediaan Pelindung Muka

TEKUN-Reedem

Inisiatif untuk mengumpulkan barang kitar semula

ANJURAN

Sukarelawan Desasiswa TEKUN

102
pelajar terlibat

TUJUAN

- Meningkatkan kesedaran dan keprihatinan warga USM terhadap kesan negatif kepada alam sekitar tanpa amalan kitar semula





PENCAPAIAN

80 **kilogram** kutipan barangan kitar semula

Barang kitar semula yang dikumpul dijual untuk membantu mengurangkan penggunaan plastik dan sampah

Pelajar dapat menebus bekas makanan dan straw setelah jumlah barangan kitar semula mencukupi

Derma Darah 2.0

Inisiatif menderma darah dalam kalangan warga USM

ANJURAN

Desasiswa Cahaya Gemilang

102 pelajar terlibat

22 staf


TUJUAN

- Meningkatkan kesedaran dan keprihatinan warga USM tentang kepentingan dan kebaikan menderma darah

PENCAPAIAN

Membantu hospital yang memerlukan bekalan darah terutama ketika negara dilanda Covid-19







Spread the Kindness

PROGRAM FOTOGRAFI

Peserta memuat naik gambar berunsur kebaikan dengan kapsyen menarik di media sosial mereka yang menyeru masyarakat untuk berterusan melakukan kebaikan

26 pelajar terlibat

TUJUAN

- Menggalakkan pelajar USM untuk menunjukkan akhlak baik walau di mana mereka berinteraksi
- Meningkatkan budaya positif dalam kalangan pelajar USM di media sosial mereka



PENCAPAIAN

5 pemenang dipilih berdasarkan pilihan lima juri yang merupakan pensyarah Pusat Pengajian Seni

Reforest Totebag

Jualan beg mesra alam bagi menggantikan penggunaan plastik



ANJURAN

Majlis Penghuni Desasiswa Gemilang

48
pembeli

TUJUAN

- Melestarikan desasiswa dengan kehijauan yang berterusan
- Menggalakkan penghuni desasiswa menyayangi alam sekitar dan menyumbang kepada keindahan desasiswa

PENCAPAIAN

Hasil jualan beg mesra alam digunakan untuk pembelian pokok sebagai hiasan di persekitaran Desasiswa Gemilang dan Desasiswa Harapan

Penjualan beg mesra alam dijalankan atas talian dan penanaman pokok dijalankan secara bersekemuka melibatkan Unit Kelestarian Majlis Penghuni Desasiswa





Gotong-royong *Penyediaan Pelindung Muka*

PROJEK #KAMIPRIHATIN

ANJURAN

MPP Majlis Penghuni Desasiswa Murni Nurani dengan sokongan BHEPA dan Pusat Perumahan dan Penginapan Universiti (P3U)

73
pelajar terlibat

TUJUAN

- Membantu staf barisan hadapan yang terlibat secara langsung sebagai petugas Covid-19 dengan menyediakan pelindung muka
- Menyiapkan salah satu keperluan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang digunakan oleh petugas kesihatan ketika merawat pesakit



PENCAPAIAN

400
unit PPE
diserahkan kepada Penyelaras Unit Kawalan Jangkitan dan Epidemiologi Hospital, Profesor Madya Dr. Siti Suraiya Md Noor





NAIK TARAF DESASISWA DAN BILIK AKTIVITI PELAJAR

USM telah berusaha menaik taraf desasiswa melalui projek Desasiswa Premium dan Facelift yang menyediakan bilik desasiswa yang lebih baik dan menarik untuk kumpulan pelajar T20 melalui dana RM500,000 dan melalui sumbangan pelbagai pihak termasuk alumni USM. Hal ini akan memberi pilihan kepada pelajar untuk tinggal dalam persekitaran kondusif dan menarik. Dalam jangka panjang, projek ini dapat menjana kewangan dan menjadikan desasiswa USM lebih berdikari dari aspek kewangan.

Bagi menyediakan bilik aktiviti pelajar yang kondusif, USM telah menaik taraf bilik-bilik aktiviti pelajar di ketiga-tiga kampus dengan menyediakan ruang aktiviti kepimpinan, pembelajaran dan rekreasi kepada pelajar dalam suasana yang menarik dan santai.

Selaras dengan hasrat universiti untuk merealisasikan konsep *Global Village* melalui Distinguished Learning Experience with Conducive Learning and Living Facilities, P3U giat meningkatkan mutu dan kualiti penginapan di desasiswa secara berfasa. Matlamat utama adalah untuk meningkatkan kualiti fasiliti dan perkhidmatan agar semua lapisan pelajar dapat menikmati kemudahan penginapan yang selesa dan bermutu termasuk pelajar B40 dan pelajar antarabangsa. Selain itu, P3U menjangkakan bilangan pelajar antarabangsa yang tinggal di dalam kampus akan memberikan manfaat dari aspek pengalaman antara



budaya (*intercultural*) dan sekali gus menjayakan usaha membangunkan *Global Village* di USM. Hasil dan pulangan caj daripada bilik premium dan standard yang lebih tinggi akan digunakan untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf bilik ekonomi.


Sebanyak 80 buah bilik penginapan di Desasiswa Harapan (Blok F26) telah dikenal pasti untuk proses transformasi ini. Konsep baharu untuk bilik-bilik di desasiswa adalah mengikut beberapa kategori iaitu bilik premium, bilik standard dan bilik ekonomi. Bilik yang dinaik taraf (premium dan standard) ini akan mengenakan kadar baharu sejajar dengan kos naik taraf yang telah dibelanjakan oleh USM. Manakala, bilik ekonomi tetap kekal dengan kadar caj yang sama demi menjaga kepentingan pelajar kurang berada dalam kalangan B40.

Usaha transformasi ini akan meningkatkan lagi taraf penginapan USM secara menyeluruh agar selaras dengan kedudukan USM sebagai universiti yang berkualiti dalam hal akademik dan penyelidikan di samping juga menjamin keperluan sosial pelajarnya.

Transformassi ini turut berlaku di Kampus Kejuruteraan melalui projek Lantai Alam. Lantai Alam adalah projek Desasiswa Jaya Lembaran Utama yang terletak bersebelahan tasik REDAC dan berhadapan dengan Kafeteria Lembaran. Lokasi strategik ini telah menjadikan Lantai Alam tempat istirahat pelajar selepas seharian menghadiri kuliah dan makmal.

Lantai Alam turut diguna pakai oleh PTJ lain seperti BHEPA serta Pusat Sukan dan Rekreasi dalam menganjurkan aktiviti bersama para pelajar Kampus Kejuruteraan.












VC
are you up
for a
challenge?
TNC AA

Antara aktiviti yang sering dijalankan di Lantai Alam ialah kayak, aerobik, permainan tradisional, *busking* dan sesi karaoke.

Lantai Alam menjadi ruang pembelajaran yang tidak terhad kepada para pelajar, malah pensyarah serta staf Kampus Kejuruteraan juga boleh berkongsi inspirasi, belajar dan menyampaikan ilmu dalam suasana yang kondusif.

Manakala di Kampus Kesihatan dilaksanakan Projek Insentif 25 dan bilik premium oleh Desasiswa Murni Nurani yang melibatkan naik taraf tiga unit tandas Jenis A2 (tiga tingkat) di Bangunan DM4, Desasiswa Murni Nurani.



AGENDA HEBAT

USM kini giat melaksanakan agenda HEBAT melalui pelan induk Pusat Pembangunan HEBAT. Pelan ini termasuklah meneruskan agenda "One Student One Passport" melalui pembiayaan kendiri dengan kerjasama Asia-Pacific Univeristy Community Engament Network (APUCEN), Asean Student Entrepreneurship Network (ASENet) dan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT).

Inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan, antaranya adalah:

- Insentif galakan keusahawanan pelajar
- JORaN (Job Opportunity Recruiting and Networking)
- The Bricks
- Keusahawanan Sosial
- Pitch Project
- Keusahawanan Pelajar
- RINTIS





Insentif Galakan Keusahawanan Pelajar

RM350K
peruntukan yang disediakan USM untuk penubuhan *spin-of/start-up company* (SUSO) pelajar

JORaN (Job Opportunity Recruiting and Networking)

Dibangunkan oleh pelajar dan memenangi

Anugerah Digital Education Award

oleh *Singapore Business Review*

Menyediakan ruang untuk pelajar mendapat faedah melalui penawaran kira-kira 30 jenis pekerjaan sambilan oleh pelbagai agensi dan pihak yang berminat









The Bricks

- Pusat untuk pelajar mengamalkan ilmu keusahawanan yang dikendalikan oleh pelajar sepenuhnya
- The Bricks menyediakan ruang pameran dan jualan, rekreasi dan restoran untuk kegunaan pelajar, dengan jualan produk hasil usaha kreativiti pelajar dan alumni USM kepada orang ramai termasuk secara dalam talian





Keusahawanan Sosial

- **2,490**
  pelajar terlibat dalam inisiatif keusahawanan melalui komuniti **SMART**
- SMART menggabungkan reka bentuk produk dan pembungkusan, pensijilan halal dan pengurusan perniagaan
- Pelajar memasarkan produk komuniti secara kreatif menggunakan pelantar digital

RM88.152K
telah dijanakan daripada produk yang dihasilkan melalui projek-projek translational

Pitch Project

RM50K
ditawarkan kepada pelajar untuk mengemukkan cadangan keusahawanan melalui bakat dan kebolehan yang tinggi serta idea yang inovatif

Keusahawanan Pelajar

- **4,890**
  pelajar terlibat dalam aktiviti kampus
- **45**
  inkubator yang meliputi 14 kiosk dan 26 lot perniagaan
- **5**
  lot terlibat melalui inisiatif Boost









RINTIS

93

projek inovatif yang terdiri daripada reka bentuk produk serta reka bentuk media dan teknologi terlibat dalam jerayawara Pusat Pengajian Seni

KAUNSELING

Unit Kaunseling BHEPA mempunyai lima orang kaunselor dengan tiga orang kaunselor ditempatkan di Kampus Induk, seorang di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan masing-masing. Perkhidmatan kaunseling masih berterusan walaupun dalam keadaan pandemik Covid-19. Pelajar boleh mendapatkan bantuan perkhidmatan kaunseling sama ada secara dalam talian mahupun bersemuka bagi yang berada di dalam kampus dengan pematuhan SOP.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kaunseling di ketiga-tiga kampus adalah seragam dan praktikal meliputi elemen perkhidmatan kaunseling profesional secara dalam talian mahupun bersemuka. Selain itu, program-program perkembangan dan pencegahan juga masih diteruskan secara dalam talian mengikut situasi semasa.

Unit Kaunseling juga mengadakan program perkembangan psikologi yang berkonsepkan secara dalam talian bersesuaian dengan situasi pandemik Covid-19. Sepanjang tahun 2020, program ini melibatkan 6,544 orang pelajar.

302
kes ditangani

106
lelaki

196
perempuan

melibatkan

67 isu-isu kendiri
31 isu akademik
128 ujian psikologi
30 konsultasi
35 isu perhubungan
2 isu kewangan
9 isu kesihatan mental



ALUMNI

Pusat Pembangunan Alumni telah mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2020:




1

COVID-19 DONATION DRIVE

- Usaha sama Pusat Pembangunan Alumni USM dengan Persatuan Alumni USM semasa tempoh PKP
- Dana bagi keperluan pek makanan pelajar USM.

RM15 x 3
(untuk seorang pelajar)

RM51.796K
berjaya dikumpulkan dan diserahkan kepada Tabung Covid-19 USM



2

ALUMNI BULLETIN

- Buletin yang diterbitkan PPA
- Berperanan sebagai medium hebahan dan perkongsian maklumat berkenaan universiti, kejayaan, pengalaman dan aspirasi alumni serta aktiviti/ program PPA yang dijalankan
- Diterbitkan buat pertama kali pada tahun 2020 dengan dua isu, iaitu Jun dan Disember.
- PPA bekerjasama dengan Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) bagi memastikan kandungan artikel selari dengan perkembangan semasa universiti
- Membuka peluang dan ruang kepada para alumni serta pemegang taruh untuk menyumbang artikel dan paparan cerita
- Buletin dapat diakses secara dalam talian

- **15,240**

naskhah digital telah dihantar kepada alumni aktif melalui e-mel dan 200 naskhah kepada penyumbang dan pemegang taruh

3

ALUMNI INSIGHT

- Penghasilan video perkongsian ilmu oleh alumni yang berpengalaman dalam bidang masing-masing sebagai mentor kepada para pelajar

Topik
atau perkongsian

- pendidikan
- pilihan kerjaya
- peralihan kepada kehidupan selepas tamat pengajian

- Pemilihan alumni ini dirujuk Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat dan Alumni Ambassador (wakil alumni) di setiap pusat pengajian


4

PANGKALAN DATA ALUMNI USM

Peningkatan pangkalan data alumni aktif hasil inisiatif jaringan alumni ini

30.72K

17.389K



PENUTUP

Pandemik Covid-19 tidak menghalang USM untuk terus berusaha menghasilkan pelajar dan alumni yang mempunyai ciri-ciri HEBAT. Pelbagai aktiviti terus dilaksanakan dalam memperkasakan pelajar. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah menghasilkan e-CV HEBAT (HEBAT *electronic curriculum vitae*) yang membolehkan pelajar mendapatkan bukti kelayakan yang berintegrasi dengan MyCSD (Pembangunan Pelajar Berterusan).

Meskipun dalam kekangan pergerakan, persatuan-persatuan pelajar aktif melaksanakan aktiviti secara dalam talian seperti pertandingan kreativiti dan seminar serta penyertaan dalam aktiviti seperti debat dan pidato secara dalam talian.

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi ditubuhkan selaras dengan misi USM sebagai universiti perintis, intensif penyelidikan rentas disiplin yang memperkasakan bakat masa depan dan mengembangkan kajian ke peringkat global.




REDRAW
REDO
PRINTED
BOO
BOO
CRITIQUES

GERAN DALAMAN

GERAN JANGKA PENDEK (STG)

124 projek

RM3,371,523.80

BRIDGING GRANT (INSENTIF, KHAS)

7 projek

RM99,926.00

RU INDIVIDUAL

124 projek

RM2,380,821.60

RU TRANSDISCIPLINARY

3 projek

RM450,000.00

Geran Pemadanan USM

Peruntukan USM Sahaja


PEMADANAN

Pertubuhan Antarabangsa	2 projek	RM79,974.60
Universiti Antarabangsa	2 projek	RM134,821.00


GERAN DALAMAN LAIN

Inisiatif Covid-19	11 projek	RM121,188.00
Penerbitan Buku	3 projek	RM37,900.00

Perbandingan bilangan kelulusan
Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG) 2019 dan 2020



Perbandingan bilangan kelulusan
Geran Penyelidikan RU Individual 2019 dan 2020



GERAN PENYELIDIKAN LUAR
KEMENTERIAN, AGENSI, INDUSTRI DAN ANTARABANGSA

386
GERAN

253
geran

KEMENTERIAN DAN AGENSI
RM46,640,547.33

87
geran

SELAIN KEMENTERIAN
RM11,111,760.97

46
geran

ANTARABANGSA
RM4,249,527.98

JUMLAH KESELURUHAN
RM62,001,836.28

Bilangan kelulusan

133 projek penyelidikan **RM15,361,288.95**

87 projek
DALAM NEGARA

46 projek
ANTARABANGSA

10
penaja agensi luar
(dengan peruntukan tertinggi)

CREST
COLLABORATIVE RESEARCH IN ENGINEERING, SCIENCE & TECHNOLOGY

webe

AUN/SEED-Net JICA

NAHRIM
NATIONAL WATER RESEARCH INSTITUTE OF MALAYSIA

وزارة التعليم
Ministry of Education

MiGHT
Malaysian Industry-Government Group for High Technology

EPU
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, MALAYSIA

Smith+Nephew

Pro Bionic

ALPS Biotech Sdn Bhd

STAF AKADEMIK
SEBAGAI PENYELIDIK UTAMA GERAN PENYELIDIKAN

Perbandingan jumlah Penyelidik Utama Geran Penyelidikan 2019 dan 2020 mengikut jenis geran

2019

1,210
penyelidik utama

GERAN UNIVERSITI
589
penyelidik

GERAN KEBANGSAAN
473
penyelidik

GERAN INDUSTRI
45
penyelidik

GERAN ANTARABANGSA
103
penyelidik

2020

1,247
penyelidik utama

GERAN UNIVERSITI
498
penyelidik

GERAN KEBANGSAAN
589
penyelidik

GERAN INDUSTRI
60
penyelidik

GERAN ANTARABANGSA
100
penyelidik

BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Jaringan Industri

Pencapaian
2018–2020


RM777,233.60

Peruntukan geran USM dan Industri

6 **projek padanan bersama universiti**

- Geran Penyelidikan Pemadanan USM-Industri diuruskan oleh Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO).
- Geran ini dikhaskan kepada geran industri yang memerlukan pemadanan sumbangan USM.

Statistik Geran Penyelidikan Pemadanan USM-Industri 2018–2020




SIEMENS

Jaringan Masyarakat

USM melalui BJIM telah berupaya mewujudkan beberapa inisiatif yang inovatif dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan demi mengatasi masalah yang dialami oleh golongan tertentu. Hal ini bertujuan untuk memastikan kelangsungan kehidupan yang sejahtera.

Program yang berasaskan komuniti ini dilaksanakan menggunakan kepakaran dan sumber sedia ada di USM untuk kesejahteraan masyarakat yang akhirnya dapat membawa kepada masa hadapab yang mampan.

Ia juga memberikan impak besar dalam menangani isu-isu berkaitan masyarakat yang secara tidak langsung melalui libat sama universiti komuniti mampu mengisi jurang dalam kurikulum universiti awam (UA) dengan tujuan memenuhi keperluan industri masa hadapan serta menyediakan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran, berinovasi dan berminda keusahawanan.

Tema projek libatsama universiti-komuniti meliputi tema yang telah dikenal pasti selari dengan agenda universiti dan menyokong aspirasi negara.



EKONOMI

Menggunakan sumber sedia ada secara optimum bagi manfaat jangka panjang.



PERSEKITARAN

Mengekalkan kadar hasil penggunaan sumber yang boleh diperbaharui, serta mengawal pencemaran dan kekurangan sumber yang tidak boleh diperbaharui.



PENDIDIKAN

Melibatkan semua lapisan masyarakat untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang diperlukan untuk membentuk masa hadapan yang mampan.



SOSIAL

Melibatkan diri dalam proses, sistem, struktur, dan hubungan formal dan tidak formal untuk menyokong secara aktif keupayaan generasi semasa dan masa hadapan dalam mencipta dan menyediakan kualiti hidup yang baik.



KESIHATAN

Menggerakkan usaha komuniti sedia ada dan pihak berkepakaran untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.



KEBUDAYAAN/WARISAN/SENI

Menggerakkan pemegang taruh untuk memelihara warisan budaya, menghargai masa lalu dan merencanakan masa hadapan.

Pencapaian 2020

GERAN INISIATIF COVID-19

diperkenalkan pada tahun 2020 dengan peruntukan

RM121,188.00

11 projek

GERAN LUAR KEMENTERIAN

TRANSLATIONAL RESEARCH MALAYSIA (TR@M) KPM

2019	2020
1 projek	**2** projek
RM200,000	**RM3,427,000**

TERAJU DANA PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Peningkatan sebanyak **28.65%** penerimaan dana

2019	2020
6 projek	**2** projek
RM6,800,000	**RM8,750,000**

GERAN LAIN

2019	2020
AKEPT 1 projek **RM120,000**	**MOSTI** 1 projek **RM115,350**
NCER 1 projek **RM855,000**	**JPP KPT** 1 projek **RM6,500**
KKM 1 projek **RM210,000**	

GERAN LIBAT SAMA UNIVERSITI KOMUNITI

Perbandingan pada tahun 2019 dengan 2020

2019	2020
22 projek	**5** projek
RM321,923.20	**RM199,217.20**



Penurunan bilangan projek UCE pada tahun 2020 kerana peruntukan disalurkan kepada **Inisiatif Covid-19.**

KPI MyRa Seksyen G6 masih dicapai

Nota:

AKEPT: Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
NCER: Northern Corridor Economic Region
KKM: Kementerian Kesihatan Malaysia
MOSTI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
JPP KPT: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuninti Kementerian Pengajian Tinggi

Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) adalah rangkaian institusi pengajian tinggi akademik yang bersangkutan dengan mempromosikan budaya penglibatan universiti-komuniti secara proaktif, inklusif, holistik dan partisipatif. APUCEN didorong oleh kepercayaan bahawa institusi pengajian tinggi dan masyarakat dapat bekerjasama untuk menjana idea tentang bagaimana untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat di rantau Asia Pasifik. Penglibatan masyarakat, dari sudut pandang APUCEN, melampaui jangkauan dan pengembangan atau perkhidmatan.

MESYUARAT APUCEN@ MALAYSIA KE-13

CANSELORI II, USM

37 ahli APUCEN dari **20** institusi, NGOs dan ahli korporat

PENERBITAN

2 buletin yang mengandungi artikel aktiviti libatsama universiti-komuniti dari ahli-ahli APUCEN

1 buku penterjemahan





KOLABORASI BERSAMA

6 **siri Webinar** berkaitan dengan libat sama universiti-komuniti

2 **program Sustainable Development Goals (SDGs)**



PUSAT INOVASI DAN PERUNDINGAN

Pusat Inovasi dan Perundingan berperanan membantu penyelidik USM memperkenal dan mengembangkan penemuan saintifik dan kajian baharu ke arah pengkomersialan. Pusat ini juga menyediakan khidmat rundingan untuk mempromosikan produk USM ke pasaran global.

Selaras dengan slogan USM untuk memastikan kelestarian dan kemampanan masa hadapan, Pusat Inovasi dan Perundingan berazam untuk menampilkan penyelidikan USM sebagai ciptaan dengan aplikasi praktikal dan menawarkan penyelesaian untuk isu global. Selain itu, pusat ini berfungsi sebagai pemangkin ekosistem inovatif untuk terus mendokong penemuan dan penghasilan ciptaan dan inovasi USM.

HARTA INTELEK

27
reka cipta baharu yang dipatenkan

11
reka cipta baharu yang difailkan

1
Reka bentuk perindustrian

9
Cap dagangan

661
Hak cipta

45
Rahsia perdagangan

PENGKOMERSIALAN PRODUK

2
PRODUK DIKOMERSIALKAN
jualan sebanyak
RM20,000.00
kumulatif mengikut Penilaian Penyelidikan Malaysia MyRA

3
KNOW-HOW DILESENKAN/ DIJUAL TERUS
Jumlah sebanyak
RM149,600.00

SYARIKAT PEMULA / SYARIKAT TERBITAN

Pusat Inovasi dan Perundingan telah berjaya menambah baik Polisi Harta Intelek dengan memasukkan elemen penubuhan syarikat serta agihan penjanaan kewangan yang lebih saksama antara universiti dan penyelidik. Garis Panduan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan juga dikeluarkan

12
syarikat berjaya ditubuhkan

RM185,000.00
pelaburan universiti dalam bentuk *seed funding* (SPARK FUND) dalam syarikat yang ditubuhkan

PERTANDINGAN INOVASI

13 pingat emas

6 anugerah khas

POTONGAN CUKAI DUA KALI

2 projek pilot

RM 445,186.00
Sumbangan daripada pihak industri

Pusat Inovasi dan Perundingan buat pertama kali menguruskan projek di bawah Seksyen 34B ACP 1967 (potongan cukai dua kali). Kedua-dua projek ini bertindak sebagai projek pilot bagi merangka SOP yang tepat bagi pengurusan sumbangan dalam kategori ini.

LATIHAN DAN VISIBILITY

5 Webinar

2 Jerayawara

Latihan dan program promosi dalam pengurusan harta intelek, pengkomersilan, geran penyelidik dan pembangunan, dan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan





Secara keseluruhannya pada tahun 2020, Pusat Inovasi dan Perundingan telah berjaya meningkatkan markah MyRA bagi Seskyen E dan juga THE-GIR SDG 9. Dua buah inisiatif baharu juga telah berjaya dilaksanakan iaitu inisiatif Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan dan Potongan Cukai Dua Kali. Di samping itu, polisi Harta Intelek Universiti juga telah berjaya ditambah baik dengan memperkenalkan kaedah baharu mengkomersialkan teknologi dan memperkenalkan agihan penjanaan kewangan hasil pengkomersialan teknologi yang lebih saksama. Pusat ini turut aktif dalam aktiviti latihan walaupun dalam situasi pandemik.


Discovery
NM/CT670



Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi




Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi (BKPI) bertindak sebagai badan koordinat bagi mengawal selia sektor strategik dan operasi yang dijalankan di USM. Sektor strategik yang berada di bawah seliaan BKPI iaitu Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) merangkumi Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi (CETREE) dan Pusat Kepakaran Serantau (RCE). Manakala sektor operasi terdiri daripada Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset (JPPA), Pusat Sukan dan Rekreasi, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti (UKKPU), Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT), Jabatan Keselamatan, dan Dewan Budaya.

BKPI berfungsi merencana pelan strategik pembangunan infrastruktur dan korporat, pemuliharaan bangunan, sistem teknologi maklumat, sistem trafik dan pengangkutan, infrastruktur makmal, dewan dan bilik kuliah, sukan, rekreasi dan kebudayaan, serta semua infrastruktur lain.

PUSAT KAJIAN KELESTARIAN GLOBAL (CGSS)

Laporan Times Higher Education – Global Impact Ranking 2020



Keputusan Times Higher Education – Global Impact Ranking (THE-GIR) pada tahun 2020 yang diumumkan pada 22 April 2020, sekali lagi meletakkan USM sebagai universiti terbaik pada kedudukan pertama di Malaysia dan ke-65 dunia. Keputusan ini menunjukkan bahawa USM berada pada landasan yang betul dalam memastikan perlaksanaan Agenda Transformasi APEX bagi semua aktiviti PdP dan penyelidikan.

THE Ranking telah memperkenalkan THE-GIR yang dilancarkan sempena THE World Academic Summit 2018 pada 24–27 September 2018 bertempat di National University of Singapore.



Keputusan pertama THE-GIR telah diumumkan pada April 2019. Penyertaan dalam THE-GIR adalah sebagai platform terbaik kepada USM untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa atas segala agenda APEX yang telah dijalankan sekali gus memberi peluang untuk meningkatkan prestasi dalam THE-World University Ranking.

4 aspek penilaian THE-GIR

PENYELIDIKAN

Impak penyelidikan dan pemahaman tentang bagaimana dan kenapa perubahan perlu dibuat selari dengan keperluan dan kefahaman masyarakat

JANGKAUAN LUAR

Jaringan dengan masyarakat dan negara yang memberi impak langsung dan mencerminkan tindakan yang perlu dilaksana

STEWARDSHIP

Penggunaan sumber secara telus dan saksama yang membentuk impak

PENGAJARAN

Pengajaran kepada generasi akan datang untuk mengadaptasi kehidupan yang lestari

Pada tahun 2020, kesemua 17 SDGs disenaraikan dalam THE-GIR yang melibatkan 169 sasaran, 105 metrik dan 223 petunjuk. Setiap SDG mempunyai ukuran penilaian tersendiri yang merujuk kepada matlamat dan sasaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Skor keseluruhan untuk institusi adalah berdasarkan kepada SDG 17 (Partnership for the Goals) dan mana-mana tiga SDG terbaik.

Walaupun ranking memainkan peranan penting dalam melonjakkan nama USM di persada antarabangsa, skor THE-GIR juga perlu diberikan perhatian sebagai penanda aras pencapaian USM untuk impak kelestarian dan pencapaian Agenda Transformasi APEX. Skor purata USM untuk THE-GIR 2020 adalah 86.3%, peningkatan sebanyak 2.2% daripada 84.1% bagi THE-GIR 2019. SDG terbaik USM berdasarkan skor dan ranking ialah SDG 1 (No Poverty), SDG 3 (Good Health and Well-being), SDG 4 (Quality education), SDG 7 (Affordable and Clean Energy) dan SDG 17 (Partnership for the Goals).

Keputusan keseluruhan berbanding universiti penyelidikan lain adalah seperti berikut.

SDG terbaik USM berasaskan skor dan ranking

No. SGG	Sustainable Development Goals	USM		UM	UKM	UPM	UTM	Bilangan institusi
		Rank	Skor					
Keseluruhan		65	86.3	=80	101–200	10–200	201–300	766
			7		12	=16	=16	
1	No Poverty	12 (1)	76.7	101–200	–	–	201–300	372
2	Zero Hunger	65 (1)	66.5	101–200	–	–	–	290
3	Good Health and Well-being	=73 (1)	77.9	101–200	=85	201-300	–	620
4	Quality Education	=42 (4)	76.1	20 (2)	46 (5)	19 (1)	101–200	676
5	Gender Equality	66 (2)	65.7	=92(4)	–	–	–	547
6	Clean Water and Sanitation	=88 (1)	53.4	101–200	–	-	–	330
7	Affordable and Clean Energy	=34 (1)	71.2	101–200	–	–	–	361
8	Decent Work and Economic Growth	201–300 (=1)	51.4	201–300	201–300	–	–	479
9	Industry, Innovation and Infrastructure	201–300 (4)	39.5	101–200 (=2)	–	101-200 (=2)	60 (1)	494
10	Reduced Inequalities	101–200 (=2)	50.6	42 (1)	–	101-200	–	458
11	Sustainable Cities and Communities	101–200 (=3)	71	46 (1)	–	=96 (2)	101–200	470
12	Responsible Consumption and Production	101–200 (=3)	58.6	75 (2)	–	–	101–200	360
13	Climate Action	101–200 (3)	40.2	=27 (1)	–	–	–	376
14	Life Below Water	83 (1)	59.2	92	–	–	–	242
15	Life on Land	101–200 (3)	55.2	=27 (1)	–	–	–	268
16	Peace, Justice and Strong Institutions	101–200 (=2)	65	101–200	101–200			453
17*	Partnership for the Goals	36 (2)	88.8	=29 (1)	=92	=98	101–200	806

Nota:

UM: Universiti Malaya; UKM: Universiti Kebangsaan Malaysia; UPM: Universiti Putra Malaysia; UTM: Universiti Teknologi Malaysia

USM telah memberikan komitmen untuk mengekalkan atau memperbaiki skor THE-GIR dengan peningkatan skor minimum 2.2% setiap tahun. Peningkatan skor ini dapat dicapai dengan kerjasama semua staf dan komitmen yang diberikan oleh semua dalam memacu agenda kelestarian di USM. Antara satu perancangan yang telah dibuat ialah keperluan untuk semua PTJ dan kakitangan akademik melaporkan maklumat berkaitan SDG berdasarkan kepada aktiviti dan program yang dijalankan untuk setiap tahun. Butang SDG telah dibangunkan di dalam HCMS staf bagi tujuan keperluan pelaporan maklumat berkaitan SDG staf.

JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET

JPPA merupakan PTJ yang bertanggungjawab secara langsung untuk merancang, mengurus, mentadbir, mengawas, menyelaras dan melaksanakan projek pembangunan fizikal, prasarana, ubahsuaian dan penyelenggaraan hartanah universiti.

Objektif JPPA adalah untuk mencapai hasrat universiti dalam memberi perkhidmatan yang efisien, dan memastikan pencapaian dan perjalanan setiap aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar dan efektif.

Sepanjang tahun 2020, JPPA terus merancang pelbagai projek pembinaan dan penaiktarafan infrastruktur untuk manfaat pelajar, staf dan komuniti.



1

PANGGILAN UNTUK CADANGAN

- Menaik taraf padang sukan kepada rumput tiruan dengan spesifikasi yang diiktiraf oleh FIFA di Kampus Minden
- Menyediakan fasiliti tambahan lain untuk pembangunan kemudahan sukan di USM melalui model Bina-Operasi-Pindah (B.O.T.)

No. Tender
USAINS/PSR/12-2019 (1)

Pembida
Kaki Jersi Sdn. Bhd.





FASA 1

Kos pembinaan
RM3.5J
ditanggung sepenuhnya oleh pembida

Tempoh
7 bulan

Tarikh mula
1 Ogos 2020

Tarikh siap
28 Februari 2021

FASA 2

Belum dimuktamadkan
kos ditanggung sepenuhnya oleh pembida



2

RUANG SISWANIAGA@USM

- Cadangan kerja-kerja ubah suai dan naik taraf ruang bawah Bangunan G28, Kampus Induk

No. Kontrak
SH1/20/A11/JPEMB/U/00157

Kontraktor
PEMBINAAN BD

Kos pembinaan
RM246,280.00

Tempoh kontrak
12 minggu


Tarikh mula
21 Ogos 2020

Tarikh siap
13 November 2020









3

RUANG 'CUBES' (THE BRICKS)

- Cadangan kerja-kerja ubah suai dan naik taraf bilik tutorial 101 & 102, Kampus Induk

No. Kontrak
SH1/20/A11/JPEMB/U/00165

Kontraktor
CHINDERAWASIH ENTERPRISE

Kos pembinaan
RM183K

Tempoh kontrak
71 hari

Tarikh mula
24 September 2020

Tarikh siap
3 Disember 2020

4

STUDIO IJAZAH SARJANA, PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN

- Cadangan kerja-kerja pengubahsuaian dalaman aras bawah Bangunan E41 Perpustakaan Hamzah Sendut II, Kampus Induk

No. Kontrak
SH1/20/END/JPEMB/U/000225

Kontraktor
RIZQIN ILHAM ENTERPRISE

Kos pembinaan
RM432K

Tempoh kontrak
16 minggu

Tarikh mula
30 Oktober 2020

Tarikh siap
19 Februari 2021





5

KAWALAN KECEKAPAN TENAGA (EPC) HOSPITAL USM

Garis Masa

2017

9 Mei & 26 Mei

Dibincangkan dan diperakukan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) kali ke-100 pada 9 Mei dan perkara berbangkit pada 26 Mei

19 Julai

Pelantikan Jawatankuasa Perolehan Penjimatan Tenaga Hospital USM melalui kaedah permintaan untuk cadangan (RFP)

13 September

Pembentangan RFP kepada JKPU. JKPU meluluskan Penjimatan Tenaga Hospital USM melalui kaedah RFP

2018

5 Julai

Mesyuarat dan pembentangan kepada Jawatankuasa Kecekapan Tenaga di Hospital USM

Ogos & September

Penilaian kontrak

November

Tandatangan kontrak

2019

Januari

Pelaksanaan EPC




Cadangan daripada

Analisis Energy Saving Measure (ESM)

ESM1	Penggantian sistem pendingin untuk Blok Trauma dan Pusat Pengajian Sains Pergigian
ESM2	Penggantian sistem pendingin untuk Kompleks Dewan Bedah
ESM3	Pemasangan Sistem Pendingin Berganda pada unit pakej penyaman udara
ESM3	Penggantian kepada lampu jenis diod pancaran cahaya (LED)

Bil Elektrik Kampus Kesihatan



PUSAT PENGETAHUAN, KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI

Meletusnya pandemik Covid-19 di Malaysia pada awal 2020 bukan sahaja merubah gaya hidup masyarakat namun membawa perubahan ketara kepada corak kehidupan warga USM yang mengoptimumkan penggunaan teknologi. Tempoh krisis dan pemulihan yang berpanjangan dalam cabaran baharu memerlukan PPKT selaku *service provider* bagi perkhidmatan ICT di USM untuk mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian USM terpelihara, serta memacu penggunaan teknologi makumat digital secara lebih cekap, efisien dan berupaya menyampaikan maklumat dengan lebih pantas dan berpengaruh. Fenomena 'norma baharu' menjadi pemangkin dalam memacu USM ke arah kemajuan dalam era Revolusi Industri 4.0.

Pandemik Covid-19 juga menjadi pemangkin kepada pendigitalan apabila warga USM (staf pentadbiran, staf akademik, pelajar) perlu mengadaptasi penyampaian perkhidmatan berkesan serta proses PdP dalam norma baharu; sementelah dasar bekerja dari rumah diterima pakai.



Kesiapsiagaan menangani norma baharu

1. Penaiktarafan infrastruktur bagi meningkatkan kapasiti dan prestasi infrastruktur ICT termasuk aspek fizikal, prestasi rangkaian serta perkakasan seperti menaik taraf pelayan dan storan bagi menangani penggunaan ruang yang meningkat untuk menyokong aktiviti universiti terutama bagi tujuan PdP secara dalam talian.

2. Persediaan transformasi digital dengan penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan secara dalam talian melalui pembangunan sistem aplikasi mudah alih & aplikasi web.

3. Sokongan aduan serta perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan.

4. Penggunaan platform komunikasi serta melengkapkan kemahiran aplikasi teknologi melalui aplikasi Webex, Google Classroom, Microsoft Teams dan pelbagai platfom media terkini supaya legasi mesyuarat, latihan dan PdP dapat diteruskan seperti normal.

Walaupun PPKT turut terkesan dengan pandemik Covid-19, pembangunan aplikasi tetap diteruskan bagi mendokong perkhidmatan dengan lebih berkesan kepada warga USM (staf dan pelajar).

Fungsi aplikasi secara dalam talian

(aplikasi mudah alih dan aplikasi web)

- Mempercepatkan proses sedia ada
- Menyenangkan pemantauan
- Mengelakkan kesilapan serta mengurangkan sumber


Aplikasi secara dalam talian

- **SKFF**
  (Passport USM)
- **MyDaftar**
  (aplikasi mudah alih)
- **Hebat@USM**
  (aplikasi mudah alih)
- **GIC Online**
- **EZMeeting**
- **EZConf**

SKKF (PASSPORT USM)

Sistem Kehadiran Kerja Flexi (SKKF)

- Kemudahan daftar kehadiran (*clock in*) staf, dan makluman perancangan harian kepada penyelia
- Membantu universiti dalam membuat pemantauan kehadiran dan perancangan harian staf, terutama dalam tempoh PKP



Dashboard SKKF

Pecahan lokasi
mod bekerja
(September – Disember 2020)



Platform


Mudah alih Web

SEPTEMBER		OKTOBER	
8,188	24,700	10,924	29,588

NOVEMBER		DISEMBER	
19,340	48,291	17,935	45,194


Taburan kehadiran


(September – Disember 2020)



MyDAFTAR

- Kemudahan kemasukan bagi pelajar baharu untuk kegunaan staf desasiswa dan P3U
- Menjimatkan masa, tenaga dan kos kerana tidak perlu menyediakan komputer riba atau komputer untuk tujuan pendaftaran baharu.






HEBAT@USM

- Kemudahan semakan keputusan pemohonan kemasukan ke USM
- Memudahkan pelajar baharu menyemak status kemasukan ke USM

GIC Online

Graduan in Council

- Sistem yang membolehkan graduan membuat pemohonan skrol dan transkrip secara dalam talian bagi menggantikan borang pemohonan manual
- Memudahkan graduan dan menjimatkan masa serta kos pentadbiran universiti




EZMeeting

Sistem Pengurusan Mesyuarat

- Sistem ini adalah penambahbaikan versi Sistem Pengurusan Minit Mesyuarat (SPMM)
- Mengurus dan menyediakan minit mesyuarat secara dalam talian
- Memudahkan sistem pengurusan mesyuarat secara komprehensif



Statistik Permohonan EZConf 2020



EZConf

Sistem Pengurusan Persidangan

- Membantu pihak pengurusan persidangan menguruskan aktiviti persidangan dengan cekap
- Platform sistem pengurusan persidangan yang komprehensif secara dalam talian
- Persidangan dapat diadakan sepenuhnya secara dalam talian dengan norma baharu


Statistik Permohonan EZConf 2020

BIL	PERSIDANGAN	BIL PESERTA	BIL PAPER	KUTIPAN ePAYMENT	BIL NEGARA
1	MathTECH2020	275	317	54,087	10
2	ICENV2020	16	–	–	3
3	ICIM2020	72	43	–	4
4	ICRAIEM 2020	3	–	–	1
5	AWPP2020	5	–	–	2
6	PBAST2021	3	–	–	1
	JUMLAH	**374**	**360**	**54,087**	**21**


LATIHAN ICT@PPKT

Cabaran baharu dalam PdP tidak menghalang usaha PPKT dalam menyediakan kursus latihan ICT daripada kaedah bersemuka kepada dalam talian yang telah membawa ke arah era baharu dalam metadologi pengajaran, penyediaan modul khusus, penggunaan *tools* dan perisian pengajaran yang berkesan.

Bilangan latihan mengikut kampus dan mod pelaksanaan



Perbandingan bilangan peserta kursus mengikut kampus dan tahun




LAMAN COVID-19

- Dibangunkan untuk menyalurkan pelbagai maklumat penting kepada warga USM dan pelawat dari serata dunia

26,493
paparan pelawat

Pelawat 10 negara teratas
(Mac–Disember 2020)

1. **22,396** MALAYSIA
2. **1,115** CHINA
3. **294** INDIA
4. **215** INDONESIA
5. **213** PAKISTAN
6. **209** SINGAPURA
7. **163** JEPUN
8. **145** AMERIKA SYARIKAT
9. **142** BANGLADESH
10. **128** NIGERIA



eLearn@USM

Covid-19 telah membawa kesan ketara terhadap landskap infrastruktur server di PPKT. *Server* eLearn telah dinaik taraf beberapa kali sesuai dengan keperluan penggunaannya apabila kapasiti memori akses rawak (RAM), unit pemprosesan pusat (CPU) dan storan dipertingkatkan bagi menampung penggunaan sumber yang tinggi semasa staf dan pelajar bekerja dan belajar dari rumah.

Peningkatan sebanyak


375%

bagi pengunaan storan yang diguna pakai pada


Sidang Akademik 2019/2020

6TB

Using Elearn by Academic Session (Lecturer)



% Course Blended



User Login to Portal by Month

Month/Academic session	2019/2020	2020/2021
August	2331	4
September	19053	5157
October	18670	21377
November	18669	21192
December	18627	21247
January	17392	21097
February	17455	21074
March	17954	20602
April	19009	20528
May	18550	20129
June	18573	37826
July	16614	21176
August	0	16724

Jumlah keseluruhan

2019/2020

20,2,897

2020/2021


24,8,133

PEPERIKSAAN SECARA DALAM TALIAN

Pandemik Covid-19 telah membawa kepada perubahan drastik terhadap kaedah proses penilaian pencapaian akademik pelajar.

Satu platform khusus untuk mengendalikan peperiksaan secara dalam talian telah dicadangkan.

Penetapan oleh USM pada Mac 2020



daripada kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian melaksanakan **peperiksaan akhir secara konvensional**

Baki

90%

mengamalkan penilaian


100%

melalui kerja khusus atau melalui **peperiksaan dalam talian**

Bermula pada 8 Julai 2020, pelajar, pensyarah dan pemeriksa kursus boleh menggunakan pautan

https://examonline.usm.my

Statistik Penggunaan Portal Exam Online





Peratus kursus yang menjalankan **Peperiksaan Secara Online** (mengikut Sidang dan Semester)

7%
Sidang 2019/2020
SEMESTER 2

12%
Sidang 2019/2020
KSCP

36%
Sidang 2020/2021
SEMESTER 1

Nota: KSCP Kursus Semasa Cuti Panjang

WEB CONFERENCING@USM


Penggunaan aplikasi Webex di USM bagi pengendalian mesyuarat, latihan dan persidangan secara dalam talian telah menjadi norma baharu yang diguna pakai untuk sebarang perjumpaan dan perbincangan.

Peningkatan
sebanyak

900%

penggunaan Webex
dari bulan Februari hingga Mac 2020
selaras dengan pelaksanaan PKP di seluruh Malaysia

Kekerapan penggunaan Webex tahun 2020



PPKT secara dasarnya berjaya menangani impak psikologi terhadap cabaran baharu dengan menukar paradigma staf kepada perubahan bekerja dari rumah melalui penggunaan teknologi, menyelesaikan masalah secara dalam talian, menyediakan norma baharu dengan perkhidmatan secara dalam talian serta menyediakan prasarana yang sesuai untuk menyokong aktiviti universiti terutamanya untuk aktiviti PdP. Di samping pelbagai cabaran yang timbul, situasi ini telah mencipta peluang dan gaya hidup baharu. Batasan pertemuan secara fizikal telah mendorong kepada penggunaan teknologi sehingga transformasi digital kelihatan berlaku secara semula jadi pada pelbagai peringkat masyarakat USM.

Arus Era Baharu ini juga telah membawa perubahan positif dalam peningkatan penggunaan teknologi (ICT) serta mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh warga kerja USM. Ia mengubah landskap kematangan cara warga USM berfikir, melakukan sesuatu dan bereksperimen dengan teknologi yang menyokong ke arah transformasi digital USM.

PENUTUP

Penularan pandemik Covid-19 telah menjejaskan banyak perancangan PTJ di bawah BKPI dalam melaksanakan aktiviti sepanjang tahun 2020 terutamanya aktiviti sukan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi serta aktiviti kebudayaan oleh Dewan Budaya. Walau bagaimanapun, pembangunan infrastruktur, pembangunan sistem maklumat serta projek kelestarian tetap diteruskan. Kekangan akibat pandemik Covid-19 telah memberi kesan secara keseluruhannya termasuk projek pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraan yang turut melibatkan pihak luar yang berurusan dengan USM.

Jabatan Pendaftar

Jabatan Pendaftar memainkan peranan yang penting dalam menguruskan sumber manusia, hal akademik, pembangunan bakat staf dan perkhidmatan kemudahan pusat. Kesemua peranan ini diterjemahkan melalui beberapa bahagian dan unit utama dalam Jabatan Pendaftar, iaitu:

- LGU
- Bahagian Inovasi Pentadbiran
- Bahagian Pembangunan Kepimpinan





LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI

LGU merupakan pihak berkuasa dan badan tertinggi di USM. Keahlian LGU adalah mengikut Perlembagaan USM sedia ada yang terdiri daripada seorang pengerusi LGU dan 10 orang ahli termasuk Naib Canselor. Kesemua ahli dilantik oleh Menteri Pendidikan kecuali dua ahli yang dipilih oleh Senat dalam kalangan Ahli Senat. Manakala ahli ex-officio seramai sembilan orang terdiri daripada Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pengarah Kampus, Pendaftar (yang juga Setiausaha LGU), Bendahari dan juga Penasihat Undang-Undang.

Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti

Berdasarkan Perintah Tetap Universiti, Mesyuarat Biasa LGU hendaklah diadakan sekurang-kurangnya enam kali setahun dan LGU juga atas persetujuan Pengerusi boleh mengadakan Mesyuarat Khas dan Tergempar dalam keadaan tertentu. Dengan tercetusnya pandemik Covid-19, mesyuarat LGU dijalankan mengikut norma baharu.

Pelaksanaan mesyuarat dalam talian melalui aplikasi WEBEX sepenuhnya telah diadakan semasa pelaksanaan PKP dikuatkuasakan. Manakala dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) hanya ahli di kawasan Pulau Pinang sahaja hadir secara bersemuka.



6
mesyuarat

2
edaran melalui pertimbangan

Bil. mesyuarat	Tarikh	Tempat
1	20 Februari 2020	Kampus Induk
2	29 April 2020	Kampus Induk (Webex)
3	9 Julai 2020	Kampus Induk
4	27 Ogos 2020	Kampus Induk
5	23 Oktober 2020	Kampus Induk
6	21 Disember 2020	Kampus Induk

Pelantikan dan Penamatan Pengerusi/Ahli LGU

Pada tahun 2020 juga, telah berlaku pertukaran ke atas pelantikan Pengerusi LGU dengan persetujuan Menteri Pengajian Tinggi yang melantik Dato' Dr. Awang Adek Hussin sebagai Pengerusi LGU yang baharu berkuat kuasa pada 8 Jun 2020 hingga 7 Jun 2023 bagi menggantikan Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran yang telah tamat pelantikannya pada 7 Jun 2020.



5
pelantikan ahli baharu

CIK SHAMILI POONMALAR A/P VELLAPANDIAN
mewakili Kementerian Kewangan Malaysia

Tarikh kuat kuasa

1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2023
(menggantikan Encik Johan Mahmood Merican)

PROFESOR DR. ABD. KARIM ALIAS
dilantik semula mewakili Senat Universiti

Tarikh kuat kuasa

18 Ogos 2020 hingga 17 Oktober 2022

PROFESOR DATO' DR. JAFRI MALIN ABDULLAH
mewakili Senat Universiti

Tarikh kuat kuasa

18 Ogos 2020 hingga 4 Disember 2022
(menggantikan Profesor Zainal Arifin Mohd Ishak)

YM TENGKU TAN SRI MAHALEEL TENGKU ARIF
dilantik semula mewakili Badan Swasta

Tarikh kuat kuasa

1 Mei 2020 hingga 30 April 2021

DATUK SITI NORLIZA ABDUL RAHIM
dilantik semula mewakili Badan Swasta

Tarikh kuat kuasa

7 Ogos 2020 hingga 6 Ogos 2023
(menggantikan Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman)

1
perletakan jawatan

Jun 2020

DATO' SERI DR WAN SALIM WAN MOHD NOOR

Ahli LGU yang mewakili Masyarakat
(proses pelantikan pengganti masih pada peringkat Kementerian Pengajian Tinggi)

Aktiviti LGU

15 Julai 2020

MENGADAP TUANKU CANSELOR USM

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berkenan menerima kunjungan mengadap daripada delegasi USM di Istana Arau, Perlis.

Delegasi USM

- Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Pengerusi LGU)
- Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (Naib Canselor)
- Dr. Musa Ali (Pendaftar)

Tujuan

- Memperkenalkan Pengerusi LGU dan Naib Canselor yang baharu dilantik
- Memaklumkan usaha-usaha yang dijalankan oleh USM dalam menangani hal ehwal universiti ketika mendepani krisis Covid-19 demi menjaga keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga kampus
- Mengadakan acara memotong kek sebagai meraikan Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis yang ke-77



1 September 2020

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA TUAN YANG TERUTAMA MELAKA

Delegasi USM telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri (Dr.) Haji Mohd Ali Mohd Rustam yang juga merupakan alumni USM.

Delegasi USM

- Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Pengerusi LGU)
- Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (Naib Canselor)
- Dr. Musa Ali (Pendaftar)

Tujuan

- Memperkenalkan Pengerusi LGU dan Naib Canselor yang baharu dilantik
- Membincangkan kerjasama di antara negeri Melaka dan USM
- Mengadakan acara memotong kek sebagai ucapan hari lahir dan tahniah atas pelantikan Tun sebagai TYT Negeri Melaka.



BAHAGIAN INOVASI PENTADBIRAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang seluruh dunia dilanda krisis pandemik Covid-19 sehingga menjejaskan hampir keseluruhan sistem penyampaian perkhidmatan. Jabatan Pendaftar telah mengambil langkah drastik dengan melaksanakan inovasi pentadbiran secara menyeluruh bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kekal relevan dan tidak terjejas. Sebanyak 37 sistem dalam talian telah dibangunkan serta ditambah baik bagi menyokong penyampaian perkhidmatan agar ia berfungsi 24/7 secara lebih fleksibel serta boleh dicapai di mana-mana.

Antara sistem baharu yang diperkenalkan ialah:

- SKKF
- GIC
- e-MyCPD

Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF)

Universiti melalui Jabatan Pendaftar telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan inisiatif bekerja dari rumah bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus universiti melalui pendekatan baharu yang lebih fleksibel. Walau bagaimanapun, sistem kehadiran bekerja sedia ada tidak berupaya untuk menyediakan fleksibiliti kepada staf dan penyelia untuk merekod serta memantau kehadiran secara lebih mudah dan sistematik. Oleh yang demikian, bagi menyokong pelaksanaan inisiatif ini, Jabatan Pendaftar membangunkan satu sistem rekod kehadiran yang dapat menyediakan fungsi rekod kehadiran secara dalam talian, bukan sahaja menggunakan platform web, malah boleh juga dicapai melalui aplikasi mudah alih menggunakan sistem pengoperasian android dan iOS.

SKKF dibangunkan untuk menyokong keperluan pelaksanaan inisiatif bekerja secara fleksi di USM. Ia selaras dengan hala tuju universiti dalam konteks e-kerajaan dan *Business Process Automation* dengan pelaksanaannya yang secara langsung menyokong perubahan cara kerja norma baharu pengurusan sumber manusia, agar pemantauan kehadiran dan aktiviti serta tugasan rasmi staf dapat dilakukan secara berpusat, mudah dan sistematik. Jabatan Pendaftar dengan sokongan kumpulan pembangunan sistem dalaman daripada PPKT telah membangunkan SKKF dengan beberapa matlamat.



Matlamat SKKF

MENYEDIAKAN PLATFORM SECARA DALAM TALIAN

Staf USM merekod kehadiran, lokasi bertugas dan aktiviti/tugas rasmi harian.

Staf mengemas kini lokasi dimana tugas dilakukan pada setiap hari staf hadir bekerja.

MENYEDIAKAN FUNGSI SEMAKAN DALAM TALIAN KEPADA PENYELIA

Penyelia dapat menyemak dan mengesahkan tugas harian staf di bawah seliaannya secara harian atau mingguan.

MENYEDIAKAN PAPARAN REKOD AKTIVITI

Rekod aktiviti atau tugasan staf dipaparkan untuk memudahkan pemantauan tugasan dan produktiviti staf mengikut PTJ.

SKKF menyediakan ciri-ciri yang memenuhi keperluan sistem pengurusan kehadiran pegawai sepertimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah yang telah dikeluarkan oleh JPA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah. Pelaksanaan arahan bekerja dari rumah bagi membendung penularan wabak Covid-19 tidak menjejaskan proses pemantauan pihak universiti terhadap kehadiran dan prestasi staf. Pihak universiti menggunakan SKKF untuk memantau rekod kehadiran bertugas dan lokasi staf, memuat turun data kehadiran, menguruskan kehadiran staf, merekod catatan tugas staf, memantau tugasan di bawah seliaan serta menjana laporan dan statistik kehadiran keseluruhan kampus.

1 September hingga 31 Disember 2020

PELAKSANAAN SKKF SECARA PERCUBAAN

Diluluskan universiti melalui JKPU ke –177 pada 12 Ogos 2020

GIC SECARA DALAM TALIAN

GIC adalah polisi penyerahan skrol ijazah dan transkrip akademik kepada bakal graduan selepas kelulusan pengijazahan diberi oleh Senat Universiti. GIC amat penting dalam pengurusan penyerahan skrol ijazah dan transkrip akademik sewaktu pandemik Covid-19. Sebelum ini, proses kelulusan GIC dibuat secara manual dan mengambil masa yang agak panjang. Namun, Jabatan Pendaftar telah mengaplikasikan Business Process Automation dengan mengautomasikan proses tersebut secara dalam talian. Proses secara dalam talian ini telah menjimatkan masa dan kos pengurusan Jabatan Pendaftar.

2,486

graduan Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi

telah memohon dan diluluskan untuk berijazah secara GIC (sehingga 27 November)

e-MyCPD

Cabaran utama yang dihadapi oleh Jabatan Pendaftar adalah membuat latihan yang berkesan secara bersemuka disebabkan Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Jabatan Pendaftar melalui Pusat Transformasi Insan (PTI) telah melalukan inovasi pentadbiran dengan memperkenalkan e-MyCPD sebagai platform latihan pembangunan bakat secara dalam talian mulai April 2020. Latihan e-MyCPD dilaksanakan dalam beberapa format yang berbeza. Pelaksanaan e-MyCPD ini merupakan sebagai medium masa kini pelaksanaan latihan dan amat bertepatan dengan keperluan semasa susulan daripada pandemik Covid-19.

Pelaksanaan

e-MyCPD

adalah yang pertama

dibangunkan di USM


Integrasi

2 sistem utama latihan universiti


sistem e-mycpd
(https://pti.usm.my/)

sistem mycpd
(https://campusonline-ver2.usm.my/)

- Bukti kejayaan mengintegrasikan sistem yang berbeza peranan dan fungsinya bagi meningkatkan kecekapan proses kerja
- Dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman USM



Kerangka Integrasi Sistem
MyCPD, e-MyCDP dan Passport USM



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

USM sentiasa memberi perhatian kepada aspek pembangunan bakat. Tumpuan pada tahun 2020 adalah untuk menyediakan satu platfom inisiatif pembangunan bakat yang khusus supaya bakat sedia ada dapat dicungkil, digilap dan dipupuk bagi memastikan kelestarian bakat kepimpinan di USM. Antara sistem baharu yang diperkenalkan ialah:

- Penubuhan Kluster Kepimpinan USM
- Administrative Outreach Program (AOP)
- Trek Kepimpinan bagi Peningkatan Gred Khas
- Trek Klinikal

Penubuhan Kluster Kepimpinan

Ditubuhkan bagi merangka dan melaksanakan Pembangunan Kepimpinan dan Pelan Penggantian USM.

Program ini memberi keseimbangan dalam sistem penilaian dan tahap prestasi bagi merealisasikan 'budaya kerja berprestasi tinggi' (*high performance culture*)

15 staf dipilih melalui penilaian MyTalent dan profil kepimpinan



Latihan kepimpinan secara dalam talian

- Oxford Executive Leadership Programme
- Saïd Business School
- Financial Analysis for Non-Financial Managers
- INSEAD Negotiation Mastery
- Harvard Business School

Adiministrative Outreach Program

AOP merupakan inisiatif USM bagi memantapkan pembangunan bakat dan kompetensi staf pentadbiran (Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana) untuk melahirkan bakat staf berprestasi tinggi. Setelah mengikuti AOP, peserta perlu mengenal pasti dan melengkapkan projek peningkatan kecekapan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan dengan pemantauan oleh Ketua PTJ.

97
peserta

37
Kumpulan Pengurusan & profesional

60
Kumpulan Pelaksana

11
program

8
Antarabangsa

3
Malaysia

NUS National University of Singapore | NUS BUSINESS SCHOOL

Business Analytic for Strategic Decision

UNIVERSITY OF OXFORD | Saïd Business School

Leading Strategic Programme

INSEAD The Business School for the World®

Developing Emerging Leaders

HARVARD BUSINESS SCHOOL

Business Analytics
Disruptive Strategies

Yale SCHOOL OF MANAGEMENT

Negotiation Strategies
Healthcare Management

PIPP
PUSAT INOVASI DAN PRODUKTIVITI PENTADBIRAN AWAM
CENTRE FOR INNOVATION AND PRODUCTIVITY OF PUBLIC ADMINISTRATION
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Executive Diploma Compentency Based Human Resource Management

GW

Strategic Communcation

SIRIM

Penyeliaan Berkesan untuk Kegemilangan Organisasi
Customer Service for Frontliners

Trek Kepimpinan Bagi Peningkatan Gred Khas

Profesor B dan A

Pihak pengurusan universiti telah mengambil inisiatif untuk menyelaraskan pelaksanaan Kerangka Kompetensi USM (USM Competency Framework) dengan mengaitkan aspek kemajuan kerjaya staf akademik peringkat tertinggi USM. Trek kepimpinan ini menjadikan elemen 'Leadership Competencies' digunakan dalam penilaian calon peningkatan Gred Khas B (VK6) – Profesor dan Gred Khas A (VK5) – Profesor. Penilaian ini mengandungi komponen penilaian bagi beberapa aspek.

PENILAIAN KUANTITATIF

Penilaian pencapaian akademik bagi aktiviti utama pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PENILAIAN MyTALENT

Penilaian melibatkan kendiri, penilai pertama, rakan sejawat, staf seliaan dan staf lain.

PENILAIAN KUALITATIF

Pembentangan dan temu bual berdasarkan tajuk yang diberikan. Sesi pembentangan dan temu bual adalah bertujuan untuk membuat pengesahan berkenaan dapatan penilaian MyTalent.

Trek Klinikal

Pihak universiti sentiasa membuat penambahbaikan berterusan terhadap kaedah dan proses kenaikan pangkat staf akademik di universiti ini. Sehubungan hal ini, pihak universiti mengambil perhatian dan mengiktiraf hasil kerja serta pencapaian staf akademik dalam bidang klinikal terutamanya dari aspek sumbangan yang memanfaatkan masyarakat dan bidang perubatan.

3 komponen utama penilaian **Kecemerlangan Klinikal**

- Khidmat klinikal, latihan dan penyeliaan
- Pengiktirafan klinikal
- Kepimpinan klinikal

Pemberat penilaian bagi kenaikan pangkat
Profesor Gred Khas C (VK7) Trek Klinikal

15%	PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN (M1)
15%	PENGAJARAN DAN PENYELIAAN (M2)
20%	SANJUNGAN AKADEMIK DAN KEPIMPINAN (M3)
45%	KONSULTANSI/ KECEMERLANGAN KLINIKAL (M4)
5%	KHIDMAT UNIVERSITI/ KOMUNITI/INDUSTRI (M5)

OUTREACH

1

FORUM
BEKERJA DARI RUMAH: CABARAN DAN PELUANG

ANJURAN
Jabatan Pendaftar dan CUEPACS

6 Mei 2020

Forum secara dalam talian dengan

33,707
jumlah tontonan

Panel forum

Encik Adnan Mat
Presiden CUEPACS

Profesor Rahmatullah Khan Abdul Wahab Khan
Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Azhar Hussin
Pengarah Eksekutif, Deloitte Consulting SEA

Dr. Musa Ali
Pendaftar USM sebagai moderator

2

LAWATAN
PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN, JPA

24 Januari 2020

Naib Canselor USM menerima kunjungan hormat daripada Bahagian Pembangunan Modul Insan, JPA, diketuai oleh Dato' Dr. Zulkapli Mohamed

Perbincangan

- Memperluas dan memperkukuhkan jaringan kerja dan kolaborasi strategik
- Meneroka peluang dan bidang kerjasama baharu dalam pembangunan modal insan
- Memerihalkan tajaan dan biasiswa JPA kepada para pelajar USM
- Memperkenalkan sistem pengurusan sumber manusia (HRM) yang dibangunkan oleh Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PiPPA) USM dan penajaan pelajar

3

JEMPUTAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)

31 Januari 2020

Jemputan untuk pembentangan mengenai sistem MyTalent dan Kerangka Kompetensi USM kepada Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman

Pejabat KPPA, Putrajaya

Delegasi USM

- Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan (Naib Canselor USM)
- Dr. Musa Bin Hj. Ali (Pendaftar)
- Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan

4

JEMPUTAN
PERKONGSIAN ILMU

18 Februari 2020

Perbentangan mengenai Kerangka Kompetensi USM dan Sistem MyTalent kepada pengarah-pengarah Institut Latihan Awam

Langkawi

JPA memutuskan

17 **Intitusi Latihan Awam**

akan menggunakan serta membangunkan kerangka kompetensi yang dimudahcarakan oleh USM

KEBAJIKAN STAF

Warga universiti daripada golongan B40 dibantu dari segi ekonomi dan kewangan melalui inisiatif keusahawanan yang dikelolakan oleh Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2020, seramai 41 staf yang dikategorikan dalam golongan B40 meliputi staf di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan telah menjalankan penternakan/ perniagaan hasil daripada peruntukan yang diberikan. Peruntukan diberikan kepada mereka adalah bertujuan untuk memulakan atau memperkembangkan perniagaan di samping menyediakan khidmat bimbingan dalam selok-belok ilmu perniagaan yang dapat membantu mereka menjalankan inisiatif penjanaan kewangan dengan lebih baik.

Usaha tersebut tidak terhenti kepada staf sahaja, malah Jabatan Pendaftar turut mengambil perhatian terhadap kebajikan anak-anak staf terutamanya anak staf dari golongan B40. Untuk itu, satu akademi sukan anak staf telah ditubuhkan untuk menyediakan platform kepada anak-anak staf memperkembangkan bakat serta meningkatkan ilmu pendidikan tambahan melalui inisiatif sukan dan inisiatif pendidikan tersebut.

Kebajikan dan Perhubungan Staf

1 KEUSAHAWANAN


- Kursus keusahawanan
- Jenis perusahaan: penternakan ikan keli/talapia, madu kelulut; penanaman cili/cendawan/ timun/bendi, padi polibag
- Dilatih oleh pakar-pakar universiti

Modal suntikan
RM300–RM3,000

Kemudahan pinjaman mikro
RM5,000
(tanpa faedah)

2 PENDIDIKAN

- Bimbingan akademik **(UPSR, PT3 & SPM)**
- Kesejahteraan keluarga: kaunseling keluarga, seminar keibubapaan
- Menyantuni anak-anak OKU melalui program daripada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti



3 TIM PENGURUSAN JENAZAH

- Khairat kematian
- Pengurusan jenazah

4 TIM BENCANA

- Mewujudkan Staff Volunteer Team (SVT)
- Kes-kes bencana: ribut, kebakaran, banjir



5 SUKAN

- Akademi bola sepak bawah 12 tahun (L/W)
- Olahraga
- Hoki
- Sepak takraw



6 KELAB USM BIKERS

"Janji Ada Motor Kita Dakwah"



PENUTUP

Pencapaian Utama 2020
Jabatan Pendaftar

Pembangunan dan penambahbaikan

37 **sistem berasaskan web**

yang membolehkan

PERKHIDMATAN **24/7**

dapat dilaksanakan dan dicapai di mana-mana

Unit Perhubungan dan Kebajikan Staf
telah merangka

6 inisiatif
(merangkumi kebajikan dan perhubungan staf)

41

staf (B40) menjalani inisiatif penternakan/perniagaan daripada 3 kampus

Pelaksanaan

11 **latihan profesionalisme /Diploma Eksekutif**

melalui inisiatif AOP

Dikendalikan oleh pelatih terkemuka dari dalam dan luar negara

e-MyCPD
platform pembelajaran dalam talian

8,788

staf menjalani latihan melalui

Melebihi sasaran

30%

Pengurusan
kenaikan pangkat

491

(semua kategori staf)

MyTalent
digunakan secara intensif sebagai platform penilaian kompentensi untuk

- Kemajuan kerjaya
- Lantikan ketua jabatan
- *Profiling* untuk pemimpin masa hadapan
- Penilaian prestasi melalui **MyPerformance**

Penjimatan

RM32.5J

daripada keperluan emolumen melalui inisiatif

PENGOPTIMUMAN BAKAT DAN SUMBER

(jawatan tidak diisi)

Penjimatan

RM468K

tanpa penganjuran majlis keraian seperti Majlis Perkhidmatan Cemerlang, Majlis Persaraan dan Majlis Anugerah Sanjungan Budi.

Pengurangan kos operasi secara berperingkat

melalui peberlanjaan

RM13.14J

pada 2020 berbanding sebanyak

RM18.89J

pada 2017

582

staf berjaya diprofilkan





Pusat Perancangan Institusi dan Strategik



Pusat Perancangan Institusi dan Strategik (IPSC) berfungsi untuk menganalisa dan menyelaras data yang melibatkan prestasi universiti dan pusat-pusat tanggungjawab dalam USM.

IPSC juga berperanan memantau prestasi jabatan dan mengetengahkan petunjuk prestasi utama (KPI) selaras dengan misi universiti untuk menjadi institusi global rentas bidang.

PEMANTAUAN STRATEGI PENUNJUK PRESTASI UTAMA

Bagi memacu kecemerlangan universiti, dan selari dengan inisiatif Pelan Strategik USM 2019–2021, Kad Deklarasi KPI 2020 telah diperkenalkan pada tahun 2020 kepada 26 pusat pengajian dan 18 pusat kecemerlangan. Berbeza daripada pendekatan retrospektif dan penumpuan penuh kepada elemen penyelidikan seperti MyRA, KPI 2020 sebaliknya lebih tertumpu kepada prestasi tahun semasa yang dinilai pada setiap suku tahun, di samping elemen yang lebih menyeluruh bagi mengimbangi pencapaian universiti.

KPI 2020 adalah unik kerana ia mengetengahkan hasil KPI yang dirumuskan kepada trend umum berdasarkan pembentangan cadangan KPI oleh ketua-ketua jabatan yang terlibat. Penetapan dan penurunan KPI serta pemantauan strategik KPI 2020 diklafisikasikan melalui pelaksanaan Kad Deklarasi KPI 2020 yang dilancarkan pada 17 Februari 2021. Setiap elemen KPI juga telah dilengkapi strategi PTJ menerusi kompilasi Naratif Strategi PTJ KPI 2020.

Berdasarkan audit kendiri dalam sistem e-MyRA, impak KPI 2020 untuk universiti dapat dilihat menerusi peningkatan sebanyak 1.70% dan 5.04% markah audit kendiri MyRA I dan II universiti pada tahun 2020 berbanding pada tahun 2019.



KPI DECLARATION CARD 2020

1. RESEARCH BASED ACTIVITIES

ACTIVITIES	DELIVEABLES
Number of staff	
Number of Paper (Articles & Review)	
Number of Q1 & Q2	
Percentage of Q1 & Q2	
Paper per staff	
Pi per staff	
Books/Book chapters	
Innovation (Patents, Commercialized Product, Technology or know-how licensing. Other IPRs, Start-up/Spin-off Companies	

2. ACADEMIC PROGRAM ENHANCEMENT ACTIVITIES

ACTIVITIES	DELIVERABLES	TOTAL TARGET FOR 2020

3. OVERALL FINANCIAL GROWTH (GROSS)

TUITION FEES					TOTAL
UG		PG		T20/PRIVATE WING	
LOCAL	INTERNATIONAL	LOCAL	INTERNATIONAL		

4. COMMUNITY & INDUSTRIAL ENGAGEMENTS

ACTIVITIES	DELIVERABLES	TOTAL TARGET FOR 2020

5. STAFF & STUDENT WELFARE AND WELL-BEING PROGRAMS

ACTIVITIES	DELIVERABLES	TOTAL TARGET FOR 2020

ACCEPTED BY _____ DEAN/DIRECTOR _____

DATE _____

MAKMAL HALA TUJU PENYELIDIKAN USM

USM telah melantik khas Profesor Datuk Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud sebagai Pengerusi Panel Hala Tuju Penyelidikan USM bagi membantu universiti dalam menentukan hala tuju penyelidikannya. Ini atas kepakaran dan pengalaman meluas beliau dalam memacu kecemerlangan Universiti Malaya sepanjang berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi sebelumnya, dan juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa sebelumnya). Profesor Datuk Dr. Awang Bulgiba telah memimpin seramai 80 staf akademik dan pentadbir USM semasa Makmal Hala Tuju Penyelidikan Universiti pada 24 hingga 26 Julai 2020 di Kampus Sains@ USM.

Objektif makmal tersebut adalah untuk mengenal pasti strategi terbaik bagi tiga elemen utama iaitu; pengukuhan struktur penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (*research, development, commercialisation and innovation*, RDCI); hala tuju penyelidikan; dan pembiayaan universiti. Tiga struktur utama makmal iaitu, struktur, proses, penilaian dan kemajuan kerjaya, analisis SWOT kerjasama, dan pembiayaan bagi penyelidikan, RDCI telah merumuskan strategi-strategi yang dilengkapi pelan tindakan khas.

Dalam persediaan pra-makmal, IPSC berperanan utama dalam menganalisis data dan menghasilkan infografik yang mudah difahami bagi setiap kategori iaitu Penerbitan dan Prestasi Paten USM sejak 10 tahun, Kolaborasi Penyelidikan USM sejak 5 tahun yang lalu, Reputasi USM, Bakat USM, Pembiayaan Penyelidikan USM, Struktur dan Proses USM. Hasil analisis merupakan asas pembangunan strategi penentuan hala tuju penyelidikan universiti dalam makmal tersebut.

Antara topik yang cuba ditangani adalah output penyelidikan yang tersekat, kualiti penerbitan, penerbitan berkaitan industri, kerjasama antarabangsa yang tidak kukuh, ketinggalan dalam penyelidikan, pembiayaan penyelidikan yang terhad, cabaran proses penyelidikan, struktur organisasi yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi (P&I) dan pengantarabangsaan (A&I), hubungan antara portfolio P&I dan A&I, dan akhir sekali, promosi dan proses penilaian tahunan dalam menyokong P&I.

Makmal telah merumuskan bahawa struktur organisasi dan fungsi baharu yang telah dicadangkan bagi pemantapan struktur perlu dikemukakan kepada pengurusan tertinggi universiti. Di samping itu, matlamat, strategi, pelan tindakan, indikator dan sasaran untuk strategi RDCI dan kolaborasi perlu diperhalusi dan diterjemahkan kepada pelan tindakan sewajarnya. Bagi memperjelaskan implikasi terhadap MyRA II, simulasi perlu dilakukan untuk memahami impak RDCI dan strategi kolaborasi terhadap MyRA II. Justeru, inisiatif ini perlulah disokong oleh mekanisme dan sistem pemantauan yang lebih strategik. Rumusan terakhir makmal merujuk kepada keperluan untuk menubuhkan pasukan petugas

kewangan yang terdiri daripada beberapa unit sewajarnya bagi melaksanakan cadangan pembiayaan RDCI.

QS WORLD UNIVERSITY RANKING EDISI 2021

Perlaksanaan pengumpulan maklumat dan analisa pencapaian universiti sepanjang Januari sehingga Februari 2020 bagi latihan penarafan universiti oleh QS World University Ranking telah memberikan impak positif kepada universiti dalam edisi QSWUR 2021 yang telah diumumkan pada Jun 2020.

USM telah menunjukkan peningkatan dengan berada di kedudukan 142 pada penarafan edisi 2021, iaitu meningkat daripada kedudukan 165 pada edisi 2020 dan 207 pada edisi 2019. Kedudukan 142 ini adalah daripada 1,002 untuk institusi di seluruh dunia, manakala tempat ke-4 daripada 20 institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Pencapaian USM juga menunjukkan peningkatan bagi 4 daripada 5 indikator QSWUR. Universiti telah mempamerkan prestasi yang kukuh bagi indikator Reputasi Majikan dengan kedudukan 128 dan turut menduduki tempat ke-2 daripada 20 untuk institusi di Malaysia dalam indikator Reputasi Akademik.

Secara keseluruhan USM telah mempamerkan peningkatan dalam pencapaiannya pada tahun 2020 sebanyak 23 kedudukan. Dalam QSWUR edisi 2021 memperlihatkan, USM berjaya berada pada kedudukan 12% teratas.

Pada tahun penarafan edisi 2021, sejumlah 1,604 buah institusi dipertimbangkan dan 1,002 telah melalui penarafan oleh QSWUR. Sebanyak 47 buah institusi baharu dari seluruh dunia telah dimasukkan. Sementara itu, 20 buah institusi dari Malaysia berada pada kedudukan dinilai untuk penarafan edisi 2021 (sama seperti tahun 2020), iaitu meningkat daripada 13 pada tahun 2019. QSWUR menyatakan bahawa kesemua indikator telah mencapai peningkatan ketara kecuali untuk sitasi penerbitan kutipan per staf dan fakulti antarabangsa (-1 tempat).

PENGAUDITAN PRESTASI MYRA

Pengauditan prestasi MyRA peringkat PTJ yang telah dijalankan pada bulan Mac hingga April 2020 menunjukkan 68.2% PTJ berjaya melepasi nilai ambang 75% bagi MyRA I; manakala 9.09% PTJ melepasi nilai ambang 75% bagi MyRA II bagi tahun 2019. Pencapaian ini adalah susulan daripada perubahan instrumen MyRA I dan MyRA II yang bermula pada tahun 2019. Konsistensi yang cemerlang dapat dilihat daripada peningkatan universiti pada Seksyen D: Kuantiti dan Kualiti Pascasiswazah hingga tahun 2019.

Pengauditan melibatkan

26 **pusat pengajian**

18 **pusat kecemerlangan**


bagi indikator MyRA


- **SEKSYEN A** | Maklumat Am
- **SEKSYEN B** | Kuantiti dan Kualiti Penyelidik
- **SEKSYEN C** | Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan
- **SEKSYEN D** | Kuantiti dan Kualiti Penyelidik Pasca Siswazah
- **SEKSYEN E** | Inovasi
- **SEKSYEN F** | Perkhidmatan Profesional dan Hadiah
- **SEKSYEN G** | Jaringan dan Kerjasama
- **SEKSYEN H** | Kemudahan Sokongan

Taburan peratusan prestasi PTJ berdasarkan nilai ambang

Markah	MyRA I		MyRA II +	
	Bilangan PTJ	Peratusan	Bilangan PTJ	Peratusan
≧ 100	2	4.6	0	0.0
≧ 75 – <100	28	63.6	4	9.09
≧ 60 – <75	10	22.7	11	25.0
≧ 45 – <60	4	9.1	17	38.64
> 30 – <45	0	–	10	22.73
≧ 15 – <30	0	–	2	4.55
≧ 0 – <15	0	–	0	0.0

Menyedari kepentingan prestasi PTJ dalam pengauditan MyRA, IPSC telah menganjurkan pelbagai sesi-sesi konsultasi berkaitan strategi-strategi meningkatkan prestasi untuk setiap PTJ. Antaranya, sesi Taklimat Glosari MyRA kepada ketua-ketua PTJ yang telah dianjurkan pada 16 Julai 2020.







Kewangan

177

PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan jangkitan Covid-19 sebagai wabak yang melanda dunia pada 11 Mac 2020. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Warta Kerajaan Persekutuan pada 18 Mac 2020, dengan melaksanakan PKP yang telah menghadkan pergerakan sebagai langkah untuk membendung wabak ini.

Wabak ini telah memberi kesan terhadap aktiviti harian semua peringkat di seluruh dunia. Tidak terkecuali juga dengan universiti yang perlu mengubah corak perjalanan dan pelaksanaan operasi daripada PdP secara bersemuka kepada secara dalam talian melalui platform Webex, Microsoft Team, Google Meet dan sebagainya. Banyak aktiviti atau program yang telah dirancang turut terkesan apabila perlu ditangguhkan dan disusun semula bersesuaian dengan SOP yang dibenarkan. Operasi pentadbiran secara bekerja dari rumah turut diperkenalkan bagi memastikan perkhidmatan kepada komuniti warga USM serta agensi kerajaan dan pihak luar dapat diteruskan.

Pandemik yang melanda dunia turut memberi kesan kepada USM terutama usaha yang dirancang dalam menjana pendapatan sumber dalaman untuk membiayai perbelanjaan operasi universiti apabila USM berhadapan sekatan geran kerajaan berjumlah RM35.53 juta. Untuk menampung kekurangan penjanaan pendapatan sumber dalaman serta sekatan geran kerajaan, universiti telah menubuhkan Financial Crisis Team untuk melihat strategi penjanaan dan penjimatan kewangan.

Walau wujud pelbagai kekangan serta halangan, USM tetap berjaya mengharungi isu dan juga cabaran. Ini termasuk tindakan pelaksanaan peralihan piawaian perakaunan dari Piawaian Perakaunan Untuk Entiti Persendirian (MPERS) kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada tahun 2020 yang juga memberi kesan langsung kepada format pelaporan kewangan Universiti.

Strategi Belanjawan

Belanjawan 2020 telah dirangka bertemakan Melestarikan Ekosistem Universiti Demi Kelestarian Masa Hadapan dengan misi: Mengurangkan kos, Meningkatkan Keberkesanan dan Pertumbuhan Universiti. Strategi telah dirancang untuk merealisasikan matlamat ini adalah melalui beberapa pendekatan seperti pelaksanaan pengurusan kejat (*lean management*), penjimatan kos operasi, peningkatan hasil dan mengoptimumkan sumber universiti.

Belanjawan 2020 dirancang untuk membiayai keseluruhan pelaksanaan program dan aktiviti utama universiti iaitu Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Libatsama Industri-Komuniti, Pembangunan Pelajar dan Alumni, Pembangunan Institusi dan Kelestarian (merangkumi Perkhidmatan dan Pentadbiran), Projek Pembangunan (merangkumi

projek di bawah Rancangan Malaysia) dan Aktiviti di bawah Tabung Amanah. Belanjawan ini menyokong pencapaian kecemerlangan universiti dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik.

Tumpuan utama belanjawan adalah untuk memenuhi dan melengkapkan keperluan asas utama serta fungsi perkhidmatan utama universiti termasuk Hospital USM yang merangkumi aspek Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, Keselamatan dan Pematuhan, Penyampaian Perkhidmatan dan juga Perbelanjaan Modal.

Apabila dunia dilanda pandemik serta sekatan peruntukan, skop agihan asal Belanjawan 2020 yang merangkumi aktiviti operasi universiti, keperluan sebagai Universiti Penyelidikan, projek pembangunan (Rancangan Malaysia) yang diluluskan oleh Agensi Pusat dan juga pelaksanaan pelbagai aktiviti penjanaan pendapatan universiti turut terkesan apabila perlu mewujudkan peruntukan kontingensi khas pembiayaan bagi menampung keperluan dan usaha USM dalam menangani dan membendung penularan wabak Covid-19 .

Universiti senantiasa terus berusaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi bagi mengekalkan tahap prestasi cemerlang yang telah dicapai. Di samping itu, inisiatif penjanaan pendapatan perlu dipergiatkan dengan mengambilkira kekangan yang dihadapi, langkah-langkah penjimatan kos operasi dipertingkatkan dan penggunaan sumber dioptimumkan. Keutamaan diberikan dalam merealisasikan pencapaian objektif universiti dan hasrat pihak Agensi Pusat.

Strategi Kemampanan Kewangan

Kelestarian kewangan adalah merupakan tunjang utama dalam memastikan visi universiti tercapai. Strategi yang telah dilaksanakan untuk melestarikan kewangan bagi tahun 2020 bukan sahaja memberi penekanan kepada meningkatkan penjanaan pendapatan, tetapi turut menyasarkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan universiti.

Inisiatif yang dijalankan di bawah strategi tersebut adalah seperti berikut:-

1. Semakan semula kadar perkhidmatan utama universiti iaitu pengajian dan perkhidmatan kesihatan
2. Meningkatkan pengambilan pelajar melalui saluran alternatif kepada pelajar tempatan dan antarabangsa
3. Memperluaskan perkhidmatan kesihatan yang boleh ditawarkan selari dengan situasi semasa
4. Memperluaskan jalinan kerjasama strategik antara USM dengan institusi awam, swasta dan luar negara
5. Menambah baik program pengajian selari dengan permintaan pasaran
6. Mempergiatkan kempen sumbangan ke tabung-tabung endowmen

Pencapaian Penyata Kewangan 2020

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

USM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia berakhir pada 31 Disember 2020.

Prestasi Kewangan 2020

Mulai tahun 2020, USM menyediakan Penyata Kewangan menggunapakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) manakala anak syarikat USM (USAINS Holding Sdn Bhd) masih mengekalkan penggunaan Piawaian Perakaunan Untuk Entiti Persendirian (MPERS) selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016. Oleh yang demikian, Penyata Kewangan USM tahun 2020 telah dinyatakan semula selaras dengan kehendak peralihan piawaian perakaunan daripada MPERS kepada MPSAS. Walau bagaimanapun, tempoh peralihan sepenuhnya kepada MPSAS yang dibenarkan adalah selama tiga tahun.

Peralihan kepada MPSAS ini adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara kepada semua Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun. Pemakaian MPSAS adalah lebih relevan kepada pelaporan kewangan Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun kerana:

1. Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang tidak bermatlamatkan keuntungan dan lebih kepada tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan untuk memberi manfaat kepada masyarakat.
2. Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun bertanggungjawab untuk membiayai operasi secara langsung atau tidak langsung melalui cukai dan pindahan geran daripada Kerajaan Persekutuan.

Pemakaian MPSAS oleh USM telah memberi kesan yang langsung kepada format pelaporan kewangan bagi tahun 2020 dan perekodan perakaunan termasuk bagi tahun-tahun sebelumnya. Kesan pemakaian MPSAS bagi tahun-tahun sebelum adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota-nota kepada akaun di dalam Penyata Kewangan.

Kesan ketara dalam pemakaian MPSAS adalah tanah dan bangunan yang diberi oleh kerajaan direkod pada nilai pasaran berdasarkan penilaian semula dalam tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak RM4,960.61 juta bagi item Hartanah, Loji dan Peralatan.

Penyata Kewangan yang disediakan merupakan penyata yang disatukan antara universiti dengan anak syarikat milik penuh universiti iaitu USAINS Holding Sdn Bhd. Pengurusan kewangan universiti termasuk Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dibuat berdasarkan Kumpulan Wang yang terdiri daripada Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Am dan Enterprise.

Akaun Kumpulan

Pendapatan

Pendapatan Kumpulan pada tahun 2020 berjumlah RM1,368.25 juta berbanding RM1,452.72 juta dalam tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM84.47 juta (5.8%). Daripada jumlah pendapatan tersebut, sebanyak RM1,001.39 juta (73.2%) ialah geran kerajaan, RM142.88 juta (10.4%) ialah yuran pelajar, RM49.45 juta (3.6%) ialah perkhidmatan hospital dan RM174.53 juta (12.8%) ialah pendapatan lain.

Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2020 berjumlah RM1,425.95 juta berbanding RM1,433.74 juta pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak RM7.79 juta (0.5%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM851.66 juta (59.7%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM47.93 juta (3.4%) untuk perbelanjaan perhubungan dan utiliti, RM116.59 juta (8.2%) untuk bekalan perubatan kesihatan dan pergigian, RM112.25 juta (7.9%) untuk perkhidmatan iktisas dan hospitaliti, RM11.74 juta (0.8%) untuk pembelian harta modal, RM113.55 juta (8.0%) untuk peruntukan susut nilai aset dan RM172.23 juta (12.0%) untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhannya, terdapat kurangan pendapatan Kumpulan selepas cukai sebanyak RM59.01 juta dalam tahun 2020 berbanding lebihan pendapatan selepas cukai RM17.06 juta pada tahun 2019. Kurangan ini disebabkan oleh penurunan dalam pendapatan bagi tahun 2020 terutamanya hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran seperti Geran Kerajaan dan Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan.


PENDAPATAN
RM1,386.25J


–4% PERATUS PENDAPATAN


Pengurangan pendapatan kumpulan selepas cukai berbanding perbelanjaan

Tahun	+/– RM Juta
2016	–76.97
2017	–137.36
2018	–43.71
2019	+17.06
2020	–59.01

PERBELANJAAN
RM1,425.95J









Aset dan liabiliti

Jumlah aset pada tahun 2020 ialah sebanyak RM6,423.96 juta berbanding RM6,475.95 juta pada tahun 2019, menurun sebanyak RM51.99 juta (0.8%) manakala, jumlah liabiliti berjumlah RM892.73 juta berbanding RM863.99 juta pada tahun 2019, meningkat sebanyak RM28.74 juta (3.3%).

ASET KUMPULAN 2019




ASET KUMPULAN 2020




- Hartanah, Logi dan Peralatan
- Inventori
- Penghutang
- Pelaburan
- Tunai dan Kesetaraan Tunai

LIABILITI AKUAN KUMPULAN 2019



LIABILITI AKUAN KUMPULAN 2020



- Pemiutang Perniagaan
- Geran Pembangunan Kerajaan
- Manfaat Pekerja
- Geran Penyelidikan Tertunda
- Pelbagai Pemiutang Bukan Semasa
- Pelbagai Pemiutang Semasa


Prestasi Kewangan Kumpulan Wang


Kerajaan menyalurkan geran bantuan bagi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Universiti Penyelidikan. Kumpulan Wang Amanah pula adalah Akaun Amanah yang ditubuhkan berasaskan Surat Ikatan Amanah dan menerima sumber dana daripada pemberi amanah. Manakala Kumpulan Wang Enterprise adalah akaun yang menerima sumber daripada aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan universiti sendiri.

Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus USM pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1,014.05 juta berbanding sebanyak RM1,083.03 juta dalam tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak RM68.97 juta (6.4%). Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM886.23 juta (87.4%) adalah daripada pemberian kerajaan manakala RM90.58 juta (8.9%) adalah daripada yuran pelajar dan RM37.24 juta (3.7%) adalah daripada pelbagai pendapatan universiti.

Lebih 60% pemberian kerajaan yang diterima adalah untuk menampung operasi USM dan selebihnya adalah operasi Hospital USM.





Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berjumlah RM1,064.63 juta berbanding sebanyak RM1,089.30 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM24.67 juta (2.3%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM805.19 juta (75.6%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM240.85 juta (22.6%) adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, dan RM18.59 juta (1.8%) untuk pelbagai perbelanjaan.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus dalam tahun 2020 menunjukkan kurangan pendapatan sebanyak RM50.58 juta berbanding RM6.27 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM44.31 juta (706.3%). Kurangan pendapatan ini disebabkan oleh penurunan pendapatan yang dijana oleh USM berbanding yang disasarkan dalam tahun 2020 untuk menampung operasi USM dan pendapatan daripada geran kerajaan yang merekodkan penurunan berbanding tahun 2019.

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan menerima peruntukan kerajaan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia dan diakaunkan di bawah Geran Pembangunan Kerajaan selaras dengan pemakaian MPSAS. Pendapatan pembangunan pada tahun 2020 ialah sebanyak RM23.11 juta berbanding sebanyak RM15.60 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM7.51 juta (48.1%). Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 ialah berjumlah RM18.42 juta berbanding sebanyak RM16.72 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM1.70 juta (10.2%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan berjumlah RM0.49 juta (2.7%), RM17.88 juta (97.0%) untuk perbelanjaan pembelian aset manakala RM0.05 juta (0.3%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat lebihan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM4.69 juta dalam tahun 2020 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM1.12 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM5.81 juta (518.8%).

Kumpulan Wang Penyelidikan

Kumpulan Wang Penyelidikan terdiri daripada kumpulan wang yang menerima dana bagi tujuan penyelidikan di bawah agenda USM sebagai Universiti Penyelidikan, penyelidikan E-Science, program Pembangunan Penyelidikan dan program penyelidikan swasta. Kumpulan Wang ini diakaunkan di bawah Geran Penyelidikan Tertunda selaras dengan pemakaian MPSAS.

Pada awal tahun 2020, akaun ini telah mencatatkan baki sebanyak RM159.32 juta. Sepanjang tahun 2020, USM telah menerima sejumlah RM72.66 juta geran penyelidikan dari pelbagai sumber sama ada kerajaan dan swasta. Jumlah penerimaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM7.86 juta (12.1%) berbanding RM64.80 juta dalam tahun 2019. Jumlah pelunasan yang telah diakaunkan dalam tahun

2020 ialah sebanyak RM55.09 juta berbanding RM52.70 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM2.39 juta (4.6%).

Pada akhir tahun 2020, akaun ini telah mencatatkan baki sebanyak RM197.25 juta, berbanding sebanyak RM159.32 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM37.93 juta (23.8%). Peningkatan ini disumbangkan oleh pertambahan penerimaan geran penyelidikan terutamanya bagi Kumpulan Wang Penyelidikan Universiti dan Kumpulan Wang Pembangunan Penyelidikan.

Kumpulan Wang Akaun Amanah

Pendapatan daripada pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2020 ialah sebanyak RM117.15 juta berbanding RM122.08 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM4.93 juta (4.0%). Manakala perbelanjaan bagi pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2020 berjumlah RM126.91 juta berbanding RM110.92 juta dalam tahun 2019, meningkat sebanyak RM15.99 juta (14.4%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, jumlah perbelanjaan emolumen adalah bernilai RM25.56 juta (20.2%), perkhidmatan dan bekalan bernilai RM52.09 juta (41.0%), RM16.81 juta (13.2%) jumlah perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap, RM5.79 juta (4.6%) jumlah perbelanjaan untuk pembelian harta modal, manakala RM26.65 juta (21.0%) adalah untuk perbelanjaan lain termasuk susut nilai.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang pelbagai Akaun Amanah sebanyak RM9.76 juta dalam tahun 2020 berbanding lebihan pendapatan atas perbelanjaan RM11.16 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM20.92 juta (187.5%).

Kumpulan Wang Enterprise Universiti

Pendapatan Enterprise pada tahun 2020 ialah sebanyak RM102.80 juta berbanding RM109.85 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM7.05 juta (6.4%). Manakala perbelanjaan Enterprise pada tahun 2020 ialah berjumlah RM90.62 juta berbanding RM94.07 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM3.45 juta (3.7%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM71.10 juta (78.5%), RM2.96 juta (3.3%) untuk perbelanjaan emolumen, RM5.21 juta (5.7%) untuk perbelanjaan pembelian harta modal manakala RM11.35 juta (12.5%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat lebihan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Enterprise sebanyak RM12.18 juta dalam tahun 2020 berbanding lebihan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM15.78 juta dalam tahun 2019, menurun sebanyak RM3.60 juta (22.8%).

Ringkasan kedudukan kewangan mengikut Kumpulan Wang bagi tahun 2020 dan 2019 ditunjukkan seperti jadual berikut:

Ringkasan Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Tahun 2020

	Mengurus [RM Juta]	Pembangunan [RM Juta]	Penyelidikan [RM Juta]	Amanah [RM Juta]	Enterprise [RM Juta]
Pendapatan	1,014.05	23.11	72.66	117.15	102.80
Tolak: perbelanjaan	(1,064.63)	(18.42)	(55.09)	(126.91)	(90.62)
Lebihan/(kurangan) untuk tahun	{50.58}	4.69	17.57	(9.76)	12.18
Lebihan/(kurangan) untuk terkumpul awal tahun	(45.41)	40.62	159.32	431.38	180.01
Pelarasan/Pindahan	–	–	21.72	4,073.05	(6.01)
Bayaran balik baki geran	–	–	(1.36)	–	
Lebih terkumpul akhir tahun	(95.99)	45.31	197.25	4,494.67	186.18

Ringkasan Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Tahun 2019

	Mengurus [RM Juta]	Pembangunan [RM Juta]	Penyelidikan [RM Juta]	Amanah [RM Juta]	Enterprise [RM Juta]
Pendapatan	1,083.03	15.60	64.80	122.08	109.85
Tolak perbelanjaan	(1,064.63)	(16.72)	(52.70)	(110.92)	(94.07)
Lebihan/(kurangan) untuk tahun	(6.27)	(1.12)	12.10	11.16	15.78
Lebihan/(kurangan) untuk terkumpul awal tahun	(39.13)	41,74	153.92	418.47	164.47
Pelarasan/Pindahan	(0.01)	–	(1.49)	1.75	(0.24)
Bayaran balik baki geran	–	–	(5.21)	–	–
Lebih terkumpul akhir tahun	(45.41)	40.62	159.32	431.38	180.01

RUMUSAN

Universiti telah berusaha untuk mencapai sasaran seperti yang dirancang. Namun begitu, penularan wabak Covid-19 telah memberi kesan kepada ekonomi global. Secara langsung, ianya memberi impak kepada prestasi kewangan Kumpulan dan universiti yang merekodkan defisit sebanyak RM62.21 juta dalam tahun 2020.

Universiti telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima Sijil Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 64.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan keperluan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia. Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Gabenor bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Gabenor.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Gabenor dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Sains Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah menerima Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Gabenor terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Gabenor Universiti Sains Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
27 JULAI 2021

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA GABENOR	1
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN	2
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	3
PENYATA PRESTASI KEWANGAN	5
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH	7
PENYATA ALIRAN TUNAI	8
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR	10
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	11

PENYATA LGU

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA GABENOR

Kami, **AWANG ADEK HUSSIN** dan **FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor bagi **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti berikut yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Universiti pada 31 Disember 2020, dan prestasi kewangannya serta aliran tunai Kumpulan dan Universiti bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

DATO' DR. AWANG ADEK HUSSIN
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tempat: Pulau Pinang
Tarikh: 01 MAR 2021

Bagi pihak Lembaga,

PROFESOR DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN
Ahli Lembaga Gabenor

Tempat: Pulau Pinang
Tarikh: 01 MAR 2021

1

PENGAKUAN KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **KAMARUL ARIFFIN NGAH (No.K/P: 710107-11-5083)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ikhlas dan sesungguhnya mengakui bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan dengan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan yang diluluskan di Malaysia dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh

KAMARUL ARIFFIN NGAH

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No. P.156
Name HAJI MOHAMED YUSOFF BIN MOHD. IBRAHIM
01-01-2019 – 31-12-2021

NO. 97, LEBUH BISHOP
10200 PULAU PINANG

01 MAR 2021

2

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN
PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	31.12.2020 RM	31.12.2019 RM Dinyatakan semula	1.1.2019 RM Dinyatakan semula
ASET SEMASA				
Inventori	3	17,614,596	17,439,787	12,248,909
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	27,222,293	22,487,835	24,380,496
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	5	10,721,778	14,987,632	31,309,198
Pelaburan Lain	6	12,268,356	12,406,664	11,759,739
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	7	696,488,152	675,650,748	633,945,758
		764,315,175	742,972,666	713,644,100
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	8	5,622,447,717	5,696,000,026	5,748,194,389
Hartanah Pelaburan	9	7,691,064	3,342,978	3,430,606
Kerja Dalam Kemajuan	10	3,696,042	5,756,018	41,847,461
Pelaburan Dalam Entiti Terkawal Bersama	12	572,612	713,237	855,456
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	4	22,325,122	23,812,880	26,295,649
Pelaburan Lain	6	2,910,000	3,350,000	10,000,000
		5,659,642,557	5,732,975,139	5,830,623,561
JUMLAH ASET		6,423,957,732	6,475,947,805	6,544,267,661
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup	13	16,674,428	16,487,228	16,355,978
Geran Tertunda	14	661,821,588	668,774,079	733,233,426
Peruntukan Manfaat Pekerja	15	75,915,963	67,913,854	68,518,810
Cukai Tertunda	16	117,000	186,626	92,111
Pajakan Kewangan	17	143,033	276,467	428,926
Pinjaman Berjangka	18	1,712,677	2,563,477	3,414,277
		756,384,689	756,201,731	822,043,528
LIABILITI SEMASA				
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	19	24,144,015	20,719,134	44,750,676
Pelbagai Akaun Belum Bayar	20	104,731,244	79,026,445	77,337,393
Peruntukan Manfaat Pekerja	15	5,785,510	6,425,180	5,058,313
Peruntukan Cukai		694,860	621,369	679,939
Pajakan Kewangan	17	134,233	142,243	138,505
Pinjaman Berjangka	18	850,800	850,800	850,800
		136,340,662	107,785,171	128,815,626
JUMLAH LIABILITI		892,725,351	863,986,902	950,859,154
ASET BERSIH		5,531,232,381	5,611,960,903	5,593,408,507
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang		5,501,603,847	5,585,534,918	5,569,601,406
Lebihan Terkumpul Entiti Yang Dikawal		29,628,534	26,425,985	23,807,101
		5,531,232,381	5,611,960,903	5,593,408,507

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
3

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN UNIVERSITI
PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	31.12.2020 RM	31.12.2019 RM Dinyatakan semula	1.1.2019 RM Dinyatakan semula
ASET SEMASA				
Inventori	3	17,594,305	17,417,994	12,248,909
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	24,738,519	19,360,395	20,901,815
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	5	24,351,982	23,710,718	40,752,257
Pelaburan Lain	6	4,068,355	3,906,663	3,759,738
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	7	632,210,686	624,129,734	586,786,808
		702,963,847	688,525,504	664,449,527
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	8	5,616,616,981	5,689,261,329	5,740,508,811
Hartanah Pelaburan	9	4,435,714	-	-
Kerja Dalam Kemajuan	10	3,696,042	5,756,018	41,847,461
Pelaburan Entiti Dikawal	11	5,000,000	5,000,000	5,000,000
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	4	22,325,122	23,812,880	26,295,649
Pelaburan Lain	6	2,910,000	3,350,000	10,000,000
		5,654,983,859	5,727,180,227	5,823,651,921
JUMLAH ASET		6,357,947,706	6,415,705,731	6,488,101,448
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup	13	16,674,428	16,487,228	16,355,978
Geran Tertunda	14	661,821,588	668,774,079	733,233,426
Peruntukan Manfaat Pekerja	15	75,915,963	67,913,854	68,518,810
		754,411,979	753,175,161	818,108,214
LIABILITI SEMASA				
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	19	19,976,294	15,661,120	40,617,316
Pelbagai Akaun Belum Bayar	20	73,454,731	52,194,007	53,575,854
Peruntukan Manfaat Pekerja	15	5,785,510	6,425,180	5,058,313
		99,216,535	74,280,307	99,251,483
JUMLAH LIABILITI		853,628,514	827,455,468	917,359,697
ASET BERSIH		5,504,319,192	5,588,250,263	5,570,741,751
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang		5,504,319,192	5,588,250,263	5,570,741,751
		5,504,319,192	5,588,250,263	5,570,741,751

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	21	1,099,956,880	1,171,186,710
Urus Niaga Pertukaran	22	254,921,805	255,782,715
Pendapatan Operasi Lain	23	13,375,217	25,089,019
Keuntungan Daripada Entiti Dikawal Bersama		-	657,781
JUMLAH HASIL		1,368,253,902	1,452,716,225
PERBELANJAAN			
Emolumen	24	851,664,167	836,215,409
Perkhidmatan Dan Bekalan	25	401,975,028	414,338,985
Pembelian Harta Modal		11,743,254	14,354,962
Pemberian Dan Kenaan Tetap		26,214,967	21,450,202
Elaun Rosot Nilai		8,619,584	12,144,325
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan		11,887	70,976
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		113,402,435	124,772,001
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		151,914	87,628
Kerugian Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan Lain		740,000	-
Kerugian Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi		39,506	-
Kos Kewangan	26	157,437	231,815
Perbelanjaan Lain	27	11,226,172	10,073,922
JUMLAH PERBELANJAAN		1,425,946,351	1,433,740,225
(KURANGAN) / LEBIHAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI		(57,692,449)	18,976,000
CUKAI	28	(1,316,604)	(1,918,593)
(KURANGAN) / LEBIHAN DALAM TAHUN		(59,009,053)	17,057,407
DIAGIHKAN KEPADA:			
Pemegang Ekuiti Universiti		(59,009,053)	17,057,407

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	21	1,099,956,880	1,171,186,710
Urus Niaga Pertukaran	22	232,063,027	233,879,575
Pendapatan Operasi Lain	23	9,503,656	19,031,403
JUMLAH HASIL		1,341,523,563	1,424,097,688
PERBELANJAAN			
Emolumen	24	846,969,080	826,486,255
Perkhidmatan Dan Bekalan	25	386,453,510	402,840,419
Pembelian Harta Modal		11,743,254	14,354,962
Pemberian Dan Kenaan Tetap		26,214,967	21,450,202
Elaun Rosot Nilai		8,434,691	9,323,420
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan		3,299	5,491
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		112,162,025	123,549,494
Susut Nilai Pelaburan Dalam Hartanah Pajakan		64,286	-
Kerugian Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan		440,000	-
Kerugian Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi		39,506	-
Perbelanjaan Lain	27	11,210,547	10,073,922
JUMLAH PERBELANJAAN		1,403,735,165	1,408,084,165
(KURANGAN) / LEBIHAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI		(62,211,602)	16,013,523
CUKAI	28	-	-
(KURANGAN) / LEBIHAN SELEPAS CUKAI		(62,211,602)	16,013,523
DIAGIHKAN KEPADA:			
Pemegang Ekuiti Universiti		(62,211,602)	16,013,523

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang APEX	Lebihan Terkumpul Entiti Yang Dikawal	Jumlah Aset Bersih
KUMPULAN		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2019:								
-seperti dinyatakan terdahulu		22,894,976	75,566,444	323,083,214	163,325,384	19,819,511	23,807,101	628,496,630
-kesan pemakaian awal MPSAS	2.29.3	876,076,129	-	4,087,759,801	1,075,947	-	-	4,964,911,877
Baki pada 1 Januari 2019		**898,971,105**	**75,566,444**	**4,410,843,015**	**164,401,331**	**19,819,511**	**23,807,101**	**5,593,408,507**
-seperti dinyatakan semula								
(Kurangan) / Lebihan dalam tahun		(9,631,487)	(9,048,139)	21,862,050	13,953,204	(2,697,105)	2,618,884	17,057,407
Pindahan		(13,030)	-	1,748,684	(240,665)	-	-	1,494,989
Pada 31 Disember 2019		**889,326,588**	**66,518,305**	**4,434,453,749**	**178,113,870**	**17,122,406**	**26,425,985**	**5,611,960,903**
Pada 1 Januari 2020		**889,326,588**	**66,518,305**	**4,434,453,749**	**178,113,870**	**17,122,406**	**26,425,985**	**5,611,960,903**
(Kurangan) / Lebihan dalam tahun		(64,630,076)	(9,048,717)	1,257,836	12,177,071	(1,967,716)	3,202,549	(59,009,053)
Pindahan		(1,235,000)	-	(13,712,292)	(6,822,177)	50,000	-	(21,719,469)
Pada 31 Disember 2020		**823,461,512**	**57,469,588**	**4,421,999,293**	**183,468,764**	**15,204,690**	**29,628,534**	**5,531,232,381**
UNIVERSITI								
Pada 1 Januari 2019:								
-seperti dinyatakan terdahulu		22,894,976	75,566,444	323,083,214	164,465,729	19,819,511	-	605,829,874
-kesan pemakaian awal MPSAS	2.29.3	876,076,129	-	4,087,759,801	1,075,947	-	-	4,964,911,877
Baki pada 1 Januari 2019		**898,971,105**	**75,566,444**	**4,410,843,015**	**165,541,676**	**19,819,511**	**-**	**5,570,741,751**
-seperti dinyatakan semula								
(Kurangan) / Lebihan dalam tahun		(9,631,487)	(9,048,139)	21,862,050	15,528,204	(2,697,105)	-	16,013,523
Pindahan		(13,030)	-	1,748,684	(240,665)	-	-	1,494,989
Pada 31 Disember 2019		**889,326,588**	**66,518,305**	**4,434,453,749**	**180,829,215**	**17,122,406**	**-**	**5,588,250,263**
Pada 1 Januari 2020		**889,326,588**	**66,518,305**	**4,434,453,749**	**180,829,215**	**17,122,406**	**-**	**5,588,250,263**
(Kurangan) / Lebihan dalam tahun		(64,630,076)	(9,048,717)	1,257,836	12,177,071	(1,967,716)	-	(62,211,602)
Pindahan		(1,235,000)	-	(13,712,292)	(6,822,177)	50,000	-	(21,719,469)
Pada 31 Disember 2020		**823,461,512**	**57,469,588**	**4,421,999,293**	**186,184,109**	**15,204,690**	**-**	**5,504,319,192**

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
(Kurangan) / Lebihan Sebelum Cukai		(57,692,449)	18,976,000
Pelarasan item bukan tunai dan bukan operasi:			
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan		11,887	70,976
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		113,402,435	124,772,001
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		151,914	87,628
Pelunasan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan		(123,083,489)	(138,150,537)
Pendapatan Faedah Dan Dividen		(20,353,657)	(24,520,770)
Elaun Rosot Nilai		8,619,584	12,144,325
Kerugian / (Keuntungan) Nilai Saksama Pelaburan Lain		740,000	(1,450,000)
Keuntungan Pelupusan Pelaburan Lain		-	(4,061,249)
Peruntukan Manfaat Pekerja		7,362,439	761,911
Perkhidmatan Dan Bekalan		-	156,573
Kerugian / (Keuntungan) Bersih Matawang Asing Belum Direalisasi		22,285	(25,447)
Kerugian Syarikat Usahasama		15,625	142,219
Belanja Faedah		157,437	231,815
Elaun Rosot Nilai Dibaikpulih		(3,612,875)	(11,065,268)
Tunai Bersih Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(74,258,864)	(21,929,823)
Pertambahan Dalam Inventori		(174,810)	(5,190,878)
(Pengurangan) / Pertambahan Akaun Belum Terima		(3,345,747)	18,817,300
Pengurangan / (Pertambahan) Akaun Belum Bayar		29,203,171	(22,304,060)
Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(48,576,250)	(30,607,461)
Faedah Dibayar		(157,437)	(231,815)
Cukai Dipulangkan		-	683,979
Cukai Dibayar		(2,050,321)	(1,681,971)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(50,784,008)	(31,837,268)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pelaburan Faedah Dan Dividen Diterima		20,316,964	24,373,845
Terimaan Penjualan Pelaburan Lain		-	11,661,249
Terimaan Penjualan Hartanah,Loji Dan Peralatan		-	43,729
Penambahan Kerja Dalam Kemajuan		(14,549,120)	(5,928,963)
Belian Hartanah Pelaburan		(4,500,000)	-
Belian Hartanah, Loji Dan Peralatan		(23,252,917)	(30,828,510)
Tunai Bersih (Digunakan Dalam) / Dijana Daripada Aktiviti Pelaburan		(21,985,073)	(678,650)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran Pinjaman Berjangka		(850,800)	(850,800)
Pembayaran Pemiutang Pajakan		(141,444)	(148,721)
Terimaan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan		95,766,373	80,397,994
Terimaan Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup		187,200	131,250
Bayaran Balik Geran		(1,354,844)	(5,211,815)
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan		93,606,485	74,317,908
ALIRAN TUNAI BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		20,837,404	41,801,990
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		675,650,748	633,848,758
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	7	696,488,152	675,650,748

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI UNIVERSITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
(Kurangan) / Lebihan Sebelum Cukai		(62,211,602)	16,013,523
Pelarasan item bukan tunai dan bukan operasi:			
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan		3,299	5,491
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan		112,162,025	123,549,494
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		64,286	-
Pelunasan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan		(123,083,489)	(138,150,537)
Pendapatan Faedah Dan Dividen		(18,825,980)	(24,204,559)
Elaun Rosot Nilai		8,434,691	9,323,420
Kerugian / (Keuntungan) Nilai Saksama Pelaburan Lain		440,000	(950,000)
Keuntungan Bersih Pelupusan Pelaburan Lain		-	(4,061,249)
Peruntukan Manfaat Pekerja		7,362,439	761,911
Perkhidmatan Dan Bekalan		-	156,573
Kerugian / (Keuntungan) Bersih Matawang Asing Belum Direalisasi		22,285	(25,447)
Elaun Rosot Nilai Dibaikpulih		(3,500,770)	(8,079,028)
Tunai Bersih Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(79,132,816)	(25,660,408)
Pertambahan Dalam Inventori		(176,312)	(5,169,085)
(Pertambahan) / Pengurangan Akaun Belum Terima		(9,487,836)	19,846,783
Pertambahan / (Pengurangan) Akaun Belum Bayar		25,575,899	(26,338,043)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi		(63,221,065)	(37,320,753)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pelaburan Faedah Dan Dividen Diterima		18,664,288	24,057,634
Terimaan Penjualan Pelaburan Lain		-	11,661,249
Penambahan Kerja Dalam Kemajuan		(14,549,120)	(5,928,963)
Belian Hartanah Pelaburan		(4,500,000)	-
Belian Hartanah, Loji Dan Peralatan		(22,911,880)	(30,443,670)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(23,296,712)	(653,750)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan		95,766,373	80,397,994
Terimaan Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup		187,200	131,250
Bayaran Balik Geran		(1,354,844)	(5,211,815)
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Pembiayaan		94,598,729	75,317,429
ALIRAN TUNAI BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		8,080,952	37,342,926
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		624,129,734	586,786,808
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	7	632,210,686	624,129,734

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Jumlah Bajet					
	Asal	Akhir	Jumlah Sebenar	Varian Bajet ^		Nota
	RM	RM	RM	RM	%	
PENERIMAAN						
Urus Niaga Bukan Pertukaran	912,983,800	918,067,420	886,229,051	31,838,369	3%	
Urus Niaga Pertukaran	164,000,000	164,000,000	127,823,923	36,176,077	22%	a
	1,076,983,800	**1,082,067,420**	**1,014,052,974**	**68,014,446**	6%	
PEMBAYARAN						
Emolumen	841,322,000	826,171,600	805,189,292	20,982,308	3%	
Perkhidmatan Dan Bekalan	272,585,000	272,454,320	240,848,612	31,605,708	12%	
Pemberian Dan Kenaan Tetap	4,500,000	9,682,300	8,690,396	991,904	10%	
Perbelanjaan Lain	10,580,000	10,580,000	9,901,714	678,286	6%	
	1,128,987,000	**1,118,888,220**	**1,064,630,014**	**54,258,206**	5%	
PEMBAYARAN BERSIH	**(52,003,200)**	**(36,820,800)**	**(50,577,040)**	**13,756,240**		

Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet Mengurus Universiti sahaja.

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Penjelasan material yang melebihi 20% di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar adalah seperti berikut:

Nota a - Universiti telah mensasarkan penjanaan pendapatan sebanyak RM164 juta bagi menampung keperluan perbelanjaan operasi. Namun begitu, wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada aktiviti penjanaan pendapatan.

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
10

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. MAKLUMAT AM

1.1 Akta Berkaitan dan Fungsi

Universiti Sains Malaysia (Universiti) ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan guna tenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama entiti dikawal adalah seperti dinyatakan di dalam Nota 11 kepada Penyata Kewangan.

Alamat ibu pejabat/Kampus Induk Universiti adalah di Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang.

1.2 Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti berdasarkan ketetapan peruntukan di dalam Perintah Tetap Lembaga Gabenor Universiti pada 1 Mac 2021.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyataan Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan pada asas akruan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta menurut kelaziman kos sejarah.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti adalah merupakan Penyata Kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun. Semasa tempoh peralihan kepada MPSAS berasaskan akruan, Kumpulan dan Universiti telah mengambil peluang menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan seperti yang didedahkan dalam Nota 2.29 kepada Penyata Kewangan. Oleh itu, Kumpulan dan Universiti tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan kepada MPSAS berasaskan akruan dalam penyediaan Penyata Kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan, anggaran dan andaian ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 2.28 kepada Penyata Kewangan.

Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) seperti yang dinyatakan di bawah:

		Tarikh Kuatkuasa
MPSAS 1	- Pembentangan Penyata Kewangan	1 Januari 2017
MPSAS 2	- Penyata Aliran Tunai	1 Januari 2017
MPSAS 3	- Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan	1 Januari 2017
MPSAS 4	- Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing	1 Januari 2017
MPSAS 9	- Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran	1 Januari 2017
MPSAS 12	- Inventori	1 Januari 2017
MPSAS 14	- Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan	1 Januari 2017
MPSAS 16	- Hartanah Pelaburan	1 Januari 2017
MPSAS 17	- Hartanah, Loji dan Peralatan	1 Januari 2017
MPSAS 19	- Peruntukan, Liabiliti dan Aset Luar Jangka	1 Januari 2017
MPSAS 20	- Pendedahan Pihak Berkaitan	1 Januari 2017
MPSAS 21	- Kemerosotan Nilai bagi Aset Dijana Bukan Tunai	1 Januari 2017
MPSAS 22	- Nota kepada Maklumat Kewangan	1 Januari 2017
MPSAS 23	- Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran	1 Januari 2017
MPSAS 24	- Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan	1 Januari 2017
MPSAS 26	- Kemerosotan Nilai bagi Aset Dijana Tunai	1 Januari 2017
MPSAS 28	- Instrumen Kewangan - Persembahan	1 Januari 2017
MPSAS 29	- Instrumen Kewangan - Pengukuran dan Pengiktirafan	1 Januari 2017
MPSAS 30	- Instrumen Kewangan - Pendedahan	1 Januari 2017
MPSAS 33	- Pemakaian awal Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)	1 Januari 2017

2.1.2 Asas Penyatuan

Penyediaan penyatuan Penyata Kewangan bagi Kumpulan telah mengambilkira semua pelarasan MPERS kepada MPSAS.

Penyata Kewangan yang disatukan adalah merangkumi Penyata Kewangan Universiti dan entiti yang dikawalnya apabila Universiti mempunyai kawalan. Kawalan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktivitinya.

Penyata Kewangan entiti dikawal disatukan bermula dari tarikh kawalan sehingga tarikh Universiti berhenti mengawalnya. Sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan entiti dikawal dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan entiti dikawal.

Semua transaksi dan baki sesama Kumpulan serta keuntungan atau kerugian yang tidak diiktiraf akan dihapuskira di dalam Penyata Kewangan disatukan.

Penyata Kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urus niaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

2.1.3 Asas Pengukuran

Penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti menerima pakai asas kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

2.1.4 Mata Wang Fungsian Dan Pembentangan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti dilaporkan dalam mata wang fungsian Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Kumpulan dan Universiti beroperasi. Semua maklumat kewangan dinyatakan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ringgit yang terhampir kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1.5 Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Kumpulan dan Universiti telah mengguna pakai semua piawaian yang telah berkuat kuasa. Semua perubahan di dalam dasar perakaunan disebabkan oleh penggunaan piawaian baru didedahkan di dalam Nota 2.29 kepada Penyata Kewangan.

2.1.6 Piawaian Yang Telah Dikeluarkan Tetapi Belum Berkuatkuasa.

Tiada piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa dan diguna pakai awal oleh Kumpulan dan Universiti di dalam penyediaan Penyata Kewangan ini.

2.2 Pelaburan Entiti Dikawal

Pelaburan Dalam Entiti Dikawal diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai.

Nilai bawaan akan disemak dan diselaraskan sekiranya terdapat petunjuk penurunan nilai pada tahun berkenaan. Kerugian kemerosotan nilai akan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf pelaburan entiti dikawal adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM3,000 setiap satu. Suatu Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos di bawah RM3,000 dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya dibelanjakan.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Semua perbelanjaan baik pulih, dan penyelenggaraan di caj kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ianya berlaku.

Jika suatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Kos selepas perolehan adalah termasuk dalam nilai buku bersih atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang atau potensi perkhidmatan kepada Kumpulan dan Universiti dan kos tersebut dapat diukur secara pasti.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan dengan membandingkan hasil jualan bersih dan nilai buku bersih bagi hartanah, loji dan peralatan tersebut dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

	Kadar tahunan
	Tempoh pajakan
Tanah	
Bangunan	5%
Infrastruktur dan Kemudahan	5%
Ubahsuaian	10%
Kenderaan dan Jentera	20%
Alatan	12% - 33.33%

Aset sewaan disusutnilaikan berdasarkan tempoh sewaan dan usia penggunaannya mana yang lebih awal melainkan Kumpulan dan Universiti mendapat pengesahan pemilikan aset berkenaan.

Tanah milik bebas yang mempunyai nilai penggunaan tanpa had tidak disusutnilaikan. Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilai memandangkan aset ini masih dalam tempoh pembangunan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, nilai sisa dan usia penggunaan aset akan disemak dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, dan aset perlu disemak sama ada terdapat petunjuk rosot nilai.

2.5 Hartanah Pelaburan

Pengiktirafan awal bagi Hartanah Pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos, termasuk kos urus niaga. Nilai dibawa termasuklah kos penggantian komponen pelaburan hartanah pada masa ianya dilibatkan sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi dan tidak termasuk kos penyelenggaraan harian bagi Hartanah Pelaburan tersebut.

Perolehan Hartanah Pelaburan melalui urus niaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, Hartanah Pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

Susut nilai Hartanah Pelaburan dikira menggunakan kaedah garis lurus mengikut anggaran usia guna aset tersebut iaitu selama 99 tahun. Hartanah Pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan dan tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Hartanah Pelaburan dinyahiktiraf sama ada hartanah tersebut telah dilupuskan atau tidak lagi digunakan secara tetap dan tiada manfaat ekonomik masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya.

Untung atau rugi daripada pelupusan Hartanah Pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh hartanah tersebut dinyahiktiraf.

Pindahan daripada/kepada Hartanah Pelaburan hanya dibuat sekiranya berlaku perubahan dalam kegunaan hartanah tersebut.

2.6 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam perlaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, Loji dan Peralatan mengikut tarikh sijil perakuan siap dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.7 Inventori

Inventori diiktiraf sekiranya terdapat kebarangkalian manfaat ekonomik masa hadapan akan mengalir kepada Universiti dan aset mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan boleh percaya. Sekiranya Inventori diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos inventori tersebut adalah nilai saksamanya pada tarikh perolehan.

Selepas pengiktirafan awal, Inventori diukur pada kos dan nilai boleh direalisasi, mana yang lebih rendah, kecuali Inventori yang dipegang untuk agihan atau kegunaan dalam proses pengeluaran barang-barang bagi tujuan edaran secara percuma (tiada caj) atau pada kadar caj nominal. Dalam hal ini, Universiti mengukur Inventori pada kos dan kos penggantian kini, mana yang lebih rendah. Inventori akan diiktiraf sebagai suatu perbelanjaan apabila digunakan dalam perjalanan operasi biasa Universiti. Tiada definasi pasti untuk nilai realisasi bersih atau kos penggantian semasa.

2.8 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan Universiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara yang dibeli secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Suatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tak Ketara yang terdiri daripada lesen dan perisian akan dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran tempoh penggunaan yang dijangka pada kadar 33.33%. Nilai sisa aset dan tempoh usia akan dikaji semula serta pembetulan akan dibuat jika perlu, pada akhir tempoh pelaporan.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai buku bersih di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Aset Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbit Aset Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori Aset Kewangan iaitu Aset Kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan Aset Kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan dan Universiti membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.1 Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan tersebut kemudiannya diukur pada nilai kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Pinjaman dan Belum Terima diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali Pinjaman dan Belum Terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

2.9.2 Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Bagi mana-mana derivatif terbenam yang tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

2.9.3 Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah Aset Kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori Aset Kewangan lain. Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan sedia dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama Aset Kewangan tersebut diiktiraf melalui Penyata Aset Bersih, kecuali kerugian rosot nilai, kerugian dan keuntungan pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosot nilai.

2.9.4 Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset Kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Kumpulan dan Universiti akan menyahiktiraf Aset Kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada Aset Kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan Aset Kewangan apabila:

(a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;

(b) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan sama ada: (i) Kumpulan dan Universiti telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau (ii) Kumpulan dan Universiti tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, semua keuntungan atau kerugian yang diiktiraf sebelum ini di dalam Penyata Aset Bersih akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.10 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuklah: (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam; (ii) pembayaran tertunggak; (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai.

Bagi kategori Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif yang ketara wujud bagi individu maka semua aset Kumpulan dan Universiti yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

Bagi Aset Kewangan sedia untuk dijual, Kumpulan dan Universiti pada setiap tarikh laporan akan mengkaji sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas. Bukti objektif termasuk penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Ketara' akan dinilai berdasarkan kepada kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' pula dinilai berdasarkan tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Di mana terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dan dikeluarkan dari Penyata Aset Bersih dan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.12 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.12.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan Universiti mengkaji semula nilai dibawa aset-asetnya bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.12.2 Aset Bukan Penjanaan Tunai

Kumpulan dan Universiti akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa Aset Penjanaan Bukan Tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan dan Universiti akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan dan Universiti telah menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di dalam pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual yang mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Lembaga Gabenor menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan dan Universiti menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.13 Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Liabiliti Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan Liabiliti Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori Liabiliti Kewangan iaitu Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan dan Universiti mempunyai kategori Liabiliti Kewangan seperti berikut:

(a) Pinjaman dan Belum bayar

Selepas pengiktirafan awal, Pinjaman dan Belum Bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa Liabiliti Kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.14 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan munasabah. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk dijelaskan kewajipan tersebut.

2.15 Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan Universiti menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai Pajakan Kewangan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimiliki melalui Pajakan Kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas Penyata Prestasi Kewangan sepanjang tempoh pelan pajakan.

2.16 Pajakan Operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai Pajakan Operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.17 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.17.1 Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap suatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun dibawa liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan perkhidmatan yang diberi oleh Kumpulan dan Universiti termasuklah yuran akademik dan lain-lain yuran pelajar.

(ii) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun dibawa liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(iii) Sumbangan

Sumbangan yang diterima daripada agensi kerajaan, agensi luar, syarikat dan individu yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu akan diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila hak menerimanya dapat dipastikan.

(iv) Denda dan Penalti

Denda dan Penalti merupakan bayaran denda, penalti dan termasuk tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian yang dikenakan kerana peraturan atau kegagalan memenuhi liabiliti kontrak. Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

(v) Lain-lain Terimaan

Terimaan bukan tunai yang diperoleh dengan pertimbangan sifar atau nominal, nilai saksama bagi aset yang diterima tersebut hendaklah diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.17.2 Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada urus niaga pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Yuran Pelajar

Yuran pelajar melibatkan semua terimaan berkenaan yuran yang dikenakan kepada pelajar oleh Universiti termasuk yuran akademik, yuran penginapan dan lain-lain yuran pelajar.

(ii) Perkhidmatan Hospital

Pendapatan daripada perkhidmatan hospital termasuk caj wad, caj perunding, ubat-ubatan dan perkhidmatan klinikal.

(iii) Perolehan Dari Jualan Barang dan Perkhidmatan

Hasil daripada Jualan Barang dan Perkhidmatan diiktiraf apabila pemilikan risiko dan ganjaran telah dipindahkan kepada pembeli, hasil boleh diukur dengan boleh-percaya dan kebarangkalian untuk manfaat ekonomik atau potensi perkhidmatan yang bersekutu dengan urus niaga akan mengalir ke Kumpulan dan Universiti.

(iv) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas aset Kumpulan dan Universiti adalah mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(v) Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada faedah dan pelaburan diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan. Kadar faedah berkesan adalah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun dibawa aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan hasil faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

(vi) Hasil daripada dividen diiktiraf apabila hak penerimaan telah dapat dipastikan.

2.18 Manfaat Pekerja

Liabiliti akan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar sekiranya Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi perundangan atau obligasi yang konstruktif untuk menyelesaikan tanggungan sebagai gantian kepada perkhidmatan lepas yang diberikan kepada pekerja dan tanggungan tersebut boleh diukur secara saksama.

2.18.1 Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Gaji dan upahan, elaun, imbuhan tahunan dan faedah bukan kewangan seperti cuti rehat tahunan, cuti bersalin, cuti sakit dan sebagainya diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan Universiti.

2.18.2 Pelan Caruman Tetap

Kumpulan dan Universiti juga mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pekerja yang tidak memilih Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja kecuali bagi caruman imbuhan tahunan diiktiraf pada tahun ia diterima.

2.18.3 Manfaat Pasca Pekerjaan

Obligasi Kumpulan dan Universiti berkenaan dengan Manfaat Pasca Pekerjaan dikira berasingan bagi setiap pelan dengan menganggar amaun manfaat masa hadapan yang diperoleh oleh pekerja sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu, manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya.

Sebarang kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dan nilai kini pelan aset perlu ditolak. Kadar diskaun adalah kadar hasil bon pada tarikh pelaporan. Apabila keputusan pengiraan menguntungkan Kumpulan dan Universiti, aset yang diiktiraf dihadkan kepada jumlah kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf, dan nilai kini manfaat ekonomi yang boleh didapati dalam bentuk pulangan daripada pelan atau pengurangan caruman kepada pelan di masa hadapan.

Bagi mengira nilai kini manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang terpakai kepada mana-mana pelan dalam Kumpulan dan Universiti. Manfaat ekonomi adalah tersedia kepada Kumpulan dan Universiti jika ia boleh direalisasikan dalam tempoh hayat pelan tersebut, atau pada masa penyelesaian pelan liabiliti. Semua perubahan dalam liabiliti, termasuk untung atau rugi aktuari, diiktiraf sepenuhnya dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia berlaku.

2.19 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.19.1 Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti Luar Jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul daripada peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan penuh Kumpulan dan Universiti juga didedahkan sebagai Liabiliti Luar Jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.19.2 Aset Luar Jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Kumpulan dan Universiti. Kumpulan dan Universiti tidak mengiktiraf Aset Luar Jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya dimana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.20 Pertukaran Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada awalnya ditukarkan pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga. Untung dan rugi daripada urus niaga tersebut dan juga daripada terjemahan bagi Aset dan Liabiliti Kewangan yang dinyatakan dalam mata wang asing menggunakan kadar tukaran asing akhir tahun hendaklah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.21 Kos Pinjaman

Kos Pinjaman terdiri daripada faedah yang ditanggung oleh Kumpulan dan Universiti berhubung dengan dana yang dipinjam, dan diakru menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kadar faedah berkesan mendiskaun dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat liabiliti kewangan kepada amaun bawaan bersih liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan kos pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Kos Pinjaman diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh ia tertanggung.

2.22 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka suatu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dilaporkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.23 Pihak Berkaitan

Universiti menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Universiti, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Lembaga Gabenor dan pengurusan tertinggi Universiti.

2.24 Kontra Instrumen Kewangan

Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.25 Nilai Saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara pihak-pihak yang terlibat pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau jika tiada pasaran utama, di pasaran yang paling menguntungkan.

Untuk Aset Bukan Kewangan, pengukuran nilai saksama mengambilkira kemampuan pihak terlibat untuk menjana faedah ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan yang tertinggi dan terbaik atau menjualnya kepada pihak lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan dan Universiti menggunakan data pasaran yang sebaik-baiknya. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga di pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang serupa;
Tahap 2: Input selain daripada harga di pasaran aktif dalam Tahap 1 yang dapat diperhatikan secara langsung atau tidak; dan
Tahap 3: Input yang tidak dapat diperhatikan.

2.26 Pelaburan Dalam Entiti Dikawal Bersama

Pelaburan dalam entiti dikawal bersama adalah syarikat di mana Kumpulan dan Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 peratus hingga 50 peratus dalam modal ekuiti dan di mana Kumpulan dan Universiti mempunyai pengaruh penting, termasuk perwakilan dalam Lembaga Pengarah, ke atas dasar kewangan dan kendalian syarikat itu.

Pelaburan dalam entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos. Sekiranya wujud tanda-tanda kemerosotan pada nilai pelaburan, nilai dibawa entiti dikawal bersama akan dinilai dan dinyatakan pada nilai dijangka dapat diperolehi.

2.27 Cukai

Tiada peruntukan telah dibuat bagi cukai pendapatan kerana Kumpulan dan Universiti telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan seperti yang dinyatakan di Para 6, Bahagian 1, Jadual 6 di bawah Seksyen 127(1) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Perbelanjaan cukai pelaburan entiti dikawal diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar.

Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan Aset Cukai Semasa diimbangi hanya apabila pelaburan entiti dikawal mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi Aset dan Liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara syarikat subsidiari menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

2.28 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Ketidakpastian dalam Sumber Utama Anggaran

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal dan ketidakpastian dalam sumber utama anggaran yang digunakan ketika menyediakan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang dilaporkan selain yang dinyatakan di bawah:

(i) Elaun Rosot Nilai bagi Belum Terima

Kumpulan dan Universiti menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang buktif objektif bahawa Aset Kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan dan Universiti menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Tak Ketara dan Hartanah Pelaburan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan dan Hartanah Pelaburan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Kumpulan dan Universiti adalah dipegang bagi mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian suatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai Pajakan Kewangan, maka Kumpulan dan Universiti akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai Hartanah Pelaburan. Manakala jika suatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Kumpulan dan Universiti sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur suatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan suatu peruntukan.

2.29 Kesan Pemakaian MPSAS

2.29.1 Penyata Kewangan ini adalah merupakan Penyata Kewangan pertama Kumpulan dan Universiti yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS di mana Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti sebelum ini telah disediakan menggunakan rangka kerja perakaunan MPERS. Dasar-dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan Penyata Kewangan tahun kewangan semasa adalah selaras dengan yang digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan seperti berikut:

(i) Aset dan Liabiliti Kewangan

Pada tahun kewangan lepas, beberapa item Aset dan Liabiliti Kewangan diukur pada kos yang memperuntukkan keuntungan mengikut asas garis lurus. Penggunaan rangka kerja MPSAS menyebabkan item-item tersebut diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Jumlah kos dilunaskan untuk semua item tersebut akan dikira semula secara retrospektif dan perbezaan di antara jumlah kos dilunaskan dan nilai dibawa sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Universiti.

(ii) Peruntukan Manfaat Pekerja

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan dan Universiti mengiktiraf peruntukan manfaat pekerja berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan gaji serta elaun yang layak sehingga tarikh persaraan dan didiskaunkan pada kadar empat peratus (4%). Pemakaian MPSAS di dalam tahun kewangan semasa menghendaki peruntukan manfaat pekerja dibuat ke atas pekerja-pekerja yang telah memenuhi syarat untuk menerima manfaat tersebut dengan menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambilkira perubahan dasar perakaunan ini.

(iii) Tatacara Aset Kewangan Sedia Dijual

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, segala perubahan ke atas nilai aset kewangan sedia dijual Kumpulan dan Universiti telah direkodkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pemakaian MPSAS menghendaki perubahan nilai saksama Aset Kewangan Sedia Dijual yang dikategorikan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual hendaklah direkodkan di dalam Penyata Aset Bersih. Pelarasan telah dibuat secara retrospektif bagi mengambilkira perubahan dasar perakaunan ini.

2.29.2 Selain daripada perubahan dasar-dasar perakaunan di atas, Kumpulan dan Universiti juga telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan Penyata Kewangan ini yang pertama kali disediakan mengikut rangka kerja perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Peruntukan Manfaat Pekerja

Pihak Universiti masih belum memperuntukkan manfaat perubatan pasca persaraan di dalam Penyata Kewangan seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 25 atas sebab kekangan maklumat dan masa, dan memilih untuk menggunapakai peruntukan dan pengecualian ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS.

(ii) Geran Tertunda

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Geran Tertunda Kumpulan dan Universiti telah dilunaskan mengikut usia guna sesuatu aset. Kumpulan dan Universiti telah menukar dasar perakaunan ini di mana Kumpulan dan Universiti akan melunaskan gerannya bersamaan dengan hasil apabila syarat ke atas geran itu telah dipenuhi. Kumpulan dan Universiti di dalam proses mengumpul maklumat-maklumat berhubung pelunasan geran tersebut.

Peruntukan dan pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Penilaian Semula Hartanah Sebagai Kos Anggapan (*Deemed Cost*)

Pihak Universiti telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya iaitu tanah-tanah wakaf yang tidak mempunyai maklumat kos yang boleh dipercayai dan diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian.

(ii) Aset dan Liabiliti Kewangan Yang Telah Dinyahiktiraf

Universiti tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunapakai rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunapakai rangka kerja MPERS. Jika suatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah MPERS, maka Universiti memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(iii) Aset Tak Ketara

MPSAS 31: Aset Tak Ketara menghendaki entiti untuk mengiktiraf aset bukan monetari yang boleh dikenal pasti tanpa kewujudan fizikal. Kumpulan dan Universiti belum dapat mengasingkan Aset Tak Ketara yang telah diiktiraf di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan kerana maklumat yang diperlukan masih dalam proses untuk diselenggara.

2.29.3 Kesan pemakaian MPSAS ke atas Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti pada 1 Januari 2019 selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

(a) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ASET SEMASA				
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	3,233,916	21,146,580	24,380,496
Penghutang Perniagaan	19,709,156	-	(19,709,156)	-
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Prabayar	32,746,622	-	(32,746,622)	-
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	-	-	31,309,198	31,309,198
Simpanan Tetap	594,019,942	-	(594,019,942)	-
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	39,925,816	-	(39,925,816)	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	-	-	633,945,758	633,945,758
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	786,516,428	4,961,677,961	-	5,748,194,389
Penghutang Jangka Panjang	26,295,649	-	(26,295,649)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	-	-	26,295,649	26,295,649
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Geran Pembangunan Kerajaan	579,312,480	-	(579,312,480)	-
Geran Penyelidikan Tertunda	153,920,946	-	(153,920,946)	-
Geran Tertunda	-	-	733,233,426	733,233,426
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang Perniagaan	44,750,676	-	(44,750,676)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	44,750,676	44,750,676
Pemiutang Pelbagai Dan Cagaran	83,075,645	-	(83,075,645)	-
Pelbagai Akaun Belum Bayar	-	-	77,337,393	77,337,393
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	5,058,313	5,058,313
Peruntukan Cukai	-	-	679,939	679,939
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang	604,689,529	4,964,911,877	-	5,569,601,406

(b) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ASET SEMASA				
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	2,625,313	19,862,522	22,487,835
Penghutang Perniagaan	11,962,257	-	(11,962,257)	-
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Prabayar	22,851,230	-	(22,851,230)	-
Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit	-	-	14,987,632	14,987,632
Simpanan Tetap	543,702,835	-	(543,702,835)	-
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	131,947,913	-	(131,947,913)	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	-	-	675,650,748	675,650,748
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	735,387,565	4,960,612,461	-	5,696,000,026
Penghutang Jangka Panjang	23,849,547	-	(23,849,547)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	-	-	23,812,880	23,812,880
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Geran Pembangunan Kerajaan	509,456,219	-	(509,456,219)	-
Geran Penyelidikan Tertunda	159,317,860	-	(159,317,860)	-
Geran Tertunda	-	-	668,774,079	668,774,079
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang Perniagaan	20,719,134	-	(20,719,134)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	20,719,134	20,719,134
Pemiutang Pelbagai Dan Cagaran	86,072,994	-	(86,072,994)	-
Pelbagai Akaun Belum Bayar	-	-	79,026,445	79,026,445
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	6,425,180	6,425,180
Peruntukan Cukai	-	-	621,369	621,369
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang	622,297,144	4,963,237,774	-	5,585,534,918

(c) Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Urus Niaga Bukan Pertukaran	-	-	1,171,186,710	1,171,186,710
Urus Niaga Pertukaran	-	(608,603)	256,391,318	255,782,715
Pendapatan Operasi Lain	-	-	25,089,019	25,089,019
Keuntungan Daripada Entiti Dikawal Bersama	-	-	657,781	657,781
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	943,992,132	-	(943,992,132)	-
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	85,456,261	-	(85,456,261)	-
Pelunasan Geran Penyelidikan	52,694,276	-	(52,694,276)	-
Yuran Pelajar	151,331,988	-	(151,331,988)	-
Perkhidmatan Hospital	29,105,875	-	(29,105,875)	-
Sewa	10,287,629	-	(10,287,629)	-
Dividen	1,121,448	-	(1,121,448)	-
Faedah	24,007,925	-	(24,007,925)	-
Sumbangan	83,321,663	-	(83,321,663)	-
Keuntungan Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan	1,450,000	-	(1,450,000)	-
Keuntungan Pelupusan Pelaburan	4,061,249	-	(4,061,249)	-
Keuntungan Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi	25,447	-	(25,447)	-
Keuntungan Syarikat Usahasama	657,781	-	(657,781)	-
Elaun Hutang Ragu Tidak Lagi Diperlukan	8,250,462	-	(8,250,462)	-
Pendapatan Lain	60,286,882	-	(60,286,882)	-
JUMLAH HASIL	**1,456,051,018**	**(608,603)**	**(2,726,190)**	**1,452,716,225**

(c) Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 (samb.):

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
PERBELANJAAN				
Emolumen	836,215,409	-	-	836,215,409
Perkhidmatan Dan Bekalan	-	-	414,338,985	414,338,985
Perjalanan Dan Sara Hidup	15,154,429	-	(15,154,429)	-
Pengangkutan Barang-Barang	251,880	-	(251,880)	-
Perhubungan Dan Utiliti	58,598,268	-	(58,598,268)	-
Sewaan	13,426,889	-	(13,426,889)	-
Bahan Makanan Dan Minuman	2,767,535	-	(2,767,535)	-
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	6,850,772	-	(6,850,772)	-
Bekalan Dan Bahan Lain	55,512,937	-	(55,512,937)	-
Bekalan Perubatan Kesihatan Dan Pergigian	89,531,289	-	(89,531,289)	-
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	54,475,100	-	(54,475,100)	-
Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti	92,667,412	-	(92,667,412)	-
Emolumen Staf Kontrak	25,102,474	-	(25,102,474)	-
Pembelian Harta Modal	14,354,962	-	-	14,354,962
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	21,450,202	-	-	21,450,202
Rosot Nilai Akaun Belum Terima	12,144,325	-	-	12,144,325
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan	70,976	-	-	70,976
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	123,706,501	1,065,500	-	124,772,001
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	87,628	-	-	87,628
Kos Kewangan	-	-	231,815	231,815
Perbelanjaan Lain	13,031,927	-	(2,958,005)	10,073,922
JUMLAH PERBELANJAAN	**1,435,400,915**	**1,065,500**	**(2,726,190)**	**1,433,740,225**
LEBIHAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI	**20,650,103**	**(1,674,103)**	**-**	**18,976,000**

(d) Kesan ke atas Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan Sebelum Cukai	20,650,103	(1,674,103)	-	18,976,000
Pelarasan untuk:				
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	123,706,501	1,065,500	-	124,772,001
Pendapatan Dividen	(1,121,448)	-	1,121,448	-
Pendapatan Faedah	(24,007,925)	-	24,007,925	-
Pendapatan Faedah dan Dividen	-	608,603	(25,129,373)	(24,520,770)
Elaun Rosot Nilai Dibaikpulih	(8,250,462)	-	(2,814,806)	(11,065,268)
Tunai Bersih Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(19,115,017)	-	(2,814,806)	(21,929,823)
(Pengurangan) / Pertambahan Akaun Belum Terima	15,393,891	608,603	2,814,806	18,817,300
Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(31,216,064)	608,603	-	(30,607,461)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(32,445,871)	608,603	-	(31,837,268)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pendapatan Faedah dan Dividen	-	(608,603)	24,982,448	24,373,845
Dividen Diterima	974,523	-	(974,523)	-
Faedah Diterima	24,007,925	-	(24,007,925)	-
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(70,047)	(608,603)	-	(678,650)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran Pembangunan Diterima	15,600,000	-	(15,600,000)	-
Geran Penyelidikan Diterima	64,929,244	-	(64,929,244)	-
Terimaan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan	-	-	80,397,994	80,397,994
Terimaan Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup	-	-	131,250	131,250

(e) Kesan ke atas Penyata Perubahan Aset Bersih bagi tahun berakhir 1 Januari 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus	22,894,976	876,076,129	-	898,971,105
Kumpulan Wang Am	323,083,214	4,087,759,801	-	4,410,843,015
Kumpulan Wang Enterprise	163,325,384	1,075,947	-	164,401,331
Jumlah Aset Bersih	628,496,630	4,964,911,877	-	5,593,408,507

(f) Kesan ke atas Penyata Perubahan Aset Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Kumpulan	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus	13,621,455	875,705,133	-	889,326,588
Kumpulan Wang Am	347,740,809	4,086,712,940	-	4,434,453,749
Kumpulan Wang Enterprise	177,294,169	819,701	-	178,113,870
Jumlah Aset Bersih	648,723,129	4,963,237,774	-	5,611,960,903

(a) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ASET SEMASA				
Urus NiagaPertukaran Belum Terima	-	3,233,916	17,667,899	20,901,815
Penghutang Perniagaan	16,230,475	-	(16,230,475)	-
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Prabayar	30,550,237	-	(30,550,237)	-
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Prabayar	-	-	40,752,257	40,752,257
Hutang Syarikat Subsidiari	7,345,746	-	(7,345,746)	-
Hutang Syarikat Sub-Subsidiari	4,293,698	-	(4,293,698)	-
Simpanan Tetap	571,908,236	-	(571,908,236)	-
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	14,878,572	-	(14,878,572)	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	-	-	586,786,808	586,786,808
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	778,830,850	4,961,677,961	-	5,740,508,811
Penghutang Jangka Panjang	26,295,649	-	(26,295,649)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	-	-	26,295,649	26,295,649
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Geran Pembangunan Kerajaan	579,312,480	-	(579,312,480)	-
Geran Penyelidikan Tertunda	153,920,946	-	(153,920,946)	-
Geran Tertunda	-	-	733,233,426	733,233,426
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang Perniagaan	40,617,316	-	(40,617,316)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	40,617,316	40,617,316
Pemiutang Pelbagai Dan Cagaran	58,634,167	-	(58,634,167)	-
Pelbagai Akaun Belum Bayar	-	-	53,575,854	53,575,854
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	5,058,313	5,058,313
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang	605,829,874	4,964,911,877	-	5,570,741,751

(b) Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ASET SEMASA				
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	2,625,313	16,735,082	19,360,395
Penghutang Perniagaan	8,834,817	-	(8,834,817)	-
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Prabayar	20,437,764	-	(20,437,764)	-
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Prabayar	-	-	23,710,718	23,710,718
Hutang Syarikat Subsidiari	6,266,175	-	(6,266,175)	-
Hutang Syarikat Sub-Subsidiari	4,870,377	-	(4,870,377)	-
Simpanan Tetap	519,659,006	-	(519,659,006)	-
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	104,470,728	-	(104,470,728)	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	-	-	624,129,734	624,129,734
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	728,648,868	4,960,612,461	-	5,689,261,329
Penghutang Jangka Panjang	23,849,547	-	(23,849,547)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Jangka Panjang	-	-	23,812,880	23,812,880
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Geran Pembangunan Kerajaan	509,456,219	-	(509,456,219)	-
Geran Penyelidikan Tertunda	159,317,860	-	(159,317,860)	-
Geran Tertunda	-	-	668,774,079	668,774,079
LIABILITI SEMASA				
Pemiutang Perniagaan	15,661,120	-	(15,661,120)	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	15,661,120	15,661,120
Pemiutang Pelbagai Dan Cagaran	58,619,187	-	(58,619,187)	-
Pelbagai Akaun Belum Bayar	-	-	52,194,007	52,194,007
Peruntukan Manfaat Pekerja	-	-	6,425,180	6,425,180
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang	625,012,489	4,963,237,774	-	5,588,250,263

(c) Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
HASIL				
Urus Niaga Bukan Pertukaran	-	-	1,171,186,710	1,171,186,710
Urus Niaga Pertukaran	-	(608,603)	234,488,178	233,879,575
Pendapatan Operasi Lain	-	-	19,031,403	19,031,403
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	943,992,132	-	(943,992,132)	-
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	85,456,261	-	(85,456,261)	-
Pelunasan Geran Penyelidikan	52,694,276	-	(52,694,276)	-
Yuran Pelajar	151,331,988	-	(151,331,988)	-
Perkhidmatan Hospital	29,105,875	-	(29,105,875)	-
Sewa	11,329,603	-	(11,329,603)	-
Dividen	2,101,448	-	(2,101,448)	-
Faedah	22,711,714	-	(22,711,714)	-
Sumbangan	83,321,663	-	(83,321,663)	-
Keuntungan Bersih Atas Nilai Saksama Pelaburan	950,000	-	(950,000)	-
Keuntungan Pelupusan Pelaburan	4,061,249	-	(4,061,249)	-
Keuntungan Pertukaran Matawang Asing Belum Direalisasi	25,447	-	(25,447)	-
Elaun Hutang Ragu Tidak Lagi Diperlukan	5,264,222	-	(5,264,222)	-
Pendapatan Lain	35,110,038	-	(35,110,038)	-
JUMLAH HASIL	**1,427,455,916**	**(608,603)**	**(2,749,625)**	**1,424,097,688**

(c) Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 (samb.):

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
PERBELANJAAN				
Emolumen	826,486,255	-	-	826,486,255
Perkhidmatan Dan Bekalan	-	-	402,840,419	402,840,419
Perjalanan Dan Sara Hidup	12,090,804	-	(12,090,804)	-
Pengangkutan Barang-Barang	245,953	-	(245,953)	-
Perhubungan Dan Utiliti	58,047,080	-	(58,047,080)	-
Sewaan	11,926,432	-	(11,926,432)	-
Bahan Makanan Dan Minuman	2,726,406	-	(2,726,406)	-
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	6,842,967	-	(6,842,967)	-
Bekalan Dan Bahan Lain	46,175,260	-	(46,175,260)	-
Bekalan Perubatan Kesihatan Dan Pergigian	89,531,289	-	(89,531,289)	-
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	54,079,242	-	(54,079,242)	-
Perkhidmatan Iktisas Dan Hospitaliti	96,089,226	-	(96,089,226)	-
Emolumen Staf Kontrak	25,085,760	-	(25,085,760)	-
Pembelian Harta Modal	14,354,962	-	-	14,354,962
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	21,450,202	-	-	21,450,202
Rosot Nilai Akaun Belum Terima	9,323,420	-	-	9,323,420
Kerugian Atas Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan	5,491	-	-	5,491
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	122,483,994	1,065,500	-	123,549,494
Perbelanjaan Lain	12,823,547	-	(2,749,625)	10,073,922
JUMLAH PERBELANJAAN	**1,409,768,290**	**1,065,500**	**(2,749,625)**	**1,408,084,165**
LEBIHAN DALAM TAHUN	**17,687,626**	**(1,674,103)**	**-**	**16,013,523**

(d) Kesan ke atas Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan Sebelum Cukai	17,687,626	(1,674,103)	-	16,013,523
Pelarasan untuk:				
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	122,483,994	1,065,500	-	123,549,494
Pendapatan Dividen	(2,101,448)	-	2,101,448	-
Pendapatan Faedah	(22,711,714)	-	22,711,714	-
Pendapatan Faedah dan Dividen	-	608,603	(24,813,162)	(24,204,559)
Elaun Rosot Nilai Dibaikpulih	(5,264,222)	-	(2,814,806)	(8,079,028)
Tunai Bersih Digunakan Sebelum Perubahan Modal Kerja	(22,845,602)	-	(2,814,806)	(25,660,408)
(Pertambahan) / Pengurangan Akaun Belum Terima	16,423,374	608,603	2,814,806	19,846,783
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(37,929,356)	608,603	-	(37,320,753)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pendapatan Faedah dan Dividen	-	(608,603)	24,666,237	24,057,634
Dividen Diterima	1,954,523	-	(1,954,523)	-
Faedah Diterima	22,711,714	-	(22,711,714)	-
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(45,147)	(608,603)	-	(653,750)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran Pembangunan Diterima	15,600,000	-	(15,600,000)	-
Geran Penyelidikan Diterima	64,929,244	-	(64,929,244)	-
Terimaan Geran Pembangunan Dan Penyelidikan	-	-	80,397,994	80,397,994
Terimaan Kumpulan Wang Amanah Kekal Hidup	-	-	131,250	131,250

(e) Kesan ke atas Penyata Perubahan Aset Bersih bagi tahun berakhir 1 Januari 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus	22,894,976	876,076,129	-	898,971,105
Kumpulan Wang Am	323,083,214	4,087,759,801	-	4,410,843,015
Kumpulan Wang Enterprise	164,465,729	1,075,947	-	165,541,676
Jumlah Aset Bersih	605,829,874	4,964,911,877	-	5,570,741,751

(f) Kesan ke atas Penyata Perubahan Aset Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:

Universiti	MPERS	Kesan MPSAS/ Pelarasan terdahulu	Reklasifikasi	MPSAS
	RM	RM	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus	13,621,455	875,705,133	-	889,326,588
Kumpulan Wang Am	347,740,809	4,086,712,940	-	4,434,453,749
